

Bil. 35

**Isnin
2 Julai 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Permintaan MTUC Terhadap Gaji Minimum dan COLA - <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Bandar Kuching)</i>	(Halaman 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007	(Halaman 22)
Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007	(Halaman 70)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 84)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Cadangan Mempelbagaikan Pakej Program Latihan Khidmat Negara - <i>Y.B. Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya)</i>	(Halaman 84)
Isu Nasional Berkaitan Rasuah dan Salah Guna Kuasa - <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 88)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. " Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S.,S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) – MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

-
31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
 32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
 33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
 34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
 35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
 36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
 37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
 38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
 39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) – PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
12. “ Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) – UMNO

36. Yang Berhormat Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Dato' Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
63. " Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) - UMNO

74. Yang Berhormat Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) – UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Dato’ Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Dato’ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP

111. Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) – Setiausaha Parlimen
118. “ Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 2 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sebab berlakunya banjir iklan asing di negara kita sekarang ini. Adakah syarikat-syarikat penyiaran di negara ini tidak diberi garis panduan khusus yang boleh menghalang berlakunya banjir iklan asing yang kadang-kadang tiada langsung memaparkan ciri-ciri ketimuran.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiaran iklan-iklan asing adalah dibenarkan oleh kerajaan memandangkan terdapat keperluan bagi stesen-stesen TV untuk menyiarkan iklan-iklan berkenaan. Ia juga membantu memajukan perdagangan dan menjana ekonomi yang sihat di Malaysia.

Namun begitu iklan-iklan perlu melalui proses penapisan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) sebelum diluluskan untuk tayangan. Kerajaan juga sedang merangka garis panduan menyeluruh mengenai penyiaran program televisyen yang di antara lain mengandungi garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran, menyentuh seni dan budaya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa).

Garis panduan ini akan dijadikan rujukan utama kepada stesen-stesen penyiaran untuk menyiarkan program masing-masing termasuk iklan. Di samping itu kerajaan juga telah menyediakan kod kandungan komunikasi dan multimedia yang mengandungi peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh stesen-stesen penyiaran swasta dalam menyiarkan filem-filem iklan. Oleh yang demikian Kementerian berpendapat kawal selia filem-filem iklan asing adalah memadai.

Sebahagian daripada iklan asing juga mendapat kelulusan khusus dari Kementerian Penerangan Malaysia untuk disiarkan di stesen-stesen TV milik kerajaan dan swasta. Kelonggaran juga diberikan kepada iklan-iklan asing bertujuan mempromosi destinasi pelancongan di negara-negara ASEAN. Pada masa ini penyiaran iklan-iklan asing tidak sampai kepada tahap berlakunya banjir iklan. Dianggarkan kadar penyiaran iklan asing di stesen TV swasta adalah dalam lingkungan 30% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dalam hal iklan asing ini kita masih ragu. Sebagai soalan tambahan, apabila kita banyak menggunakan pengiklan-pengiklan dari luar negara sedangkan di negara kita ini sudah cukup mempunyai pengiklan-pengiklan yang berwibawa, yang baik, yang besar di dalam negara kita supaya ciri-ciri ketimuran, tetapi yang lebih penting ialah iklan-iklan yang berorientasikan kepada konsep halal.

Umpamanya, yang berhubung rapat dengan kosmetik seperti ubat-ubatan, farmasi dan sebagainya yang kadang-kadang apakah agensi di bawah kementerian kita ataupun jabatan kita yang boleh mengesahkan satu-satu iklan itu sebenarnya benar. Ada iklan yang kadang-kadang dia kata guna tanpa waswas seperti ini, ini, ini dan ubat pun begitulah juga kadang-kadangnya.

Termasuklah makanan-makanan segera yang menjadi isu hangat dalam negara kita. Jadi apa pendirian kerajaan? Adakah kita mempunyai satu *authority* di bawah jabatan mana yang mengesahkan satu-satu iklan yang dilihat kontroversi dan sebenar-sebenarnya yang merupakan iklan yang boleh membawa kebenaran kepada pengguna dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi iklan-iklan dari negara asing juga perlu melalui proses penapisan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Penapis Filem dan kerajaan juga sedang merangka garis panduan menyeluruh melalui segala siaran program TV dan juga radio.

Bagi iklan-iklan seperti Yang Berhormat katakan, sebenarnya iklan-iklan sebelum disiarkan mereka perlu mematuhi kod kandungan pengguna. Sekiranya ada iklan-iklan yang *misleading* dengan izin, maka kementerian boleh mengambil tindakan menggunakan Akta AKM 1998 iaitu 211, 233 yang mana jika ada iklan-iklan yang palsu, maka boleh diambil tindakan. Dikenakan denda sebanyak RM50,000 ataupun satu tahun penjara sekiranya terdapat iklan-iklan yang berunsurkan palsu dan tidak menepati sebagaimana yang diuar-uarkan di dalam iklan itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu iklan dari negara asing Yang Berhormat sebut tadi, ini iklan tempatan. Iklan tempatan yang kadang-kadang menyebabkan kita pun tidak faham, iklan-iklan yang menjolok mata, yang diselang-selikan dengan umpamanya sesi keagamaan contohnya Forum Perdana.

Kita tengah tengok dengan khusyuk dengar ceramah Forum Perdana, tiba-tiba timbul iklan-iklan yang menjolok mata. Saya tidak tahu apakah ini yang terlepas pandang kerana kita mesti sensitif dengan keagamaan sama ada kalau ada jawatankuasa ini terlepas pandang ataupun perlu wujud satu lagi jawatankuasa khas untuk memantaunya.

Kita faham Yang Berhormat katakan tadi untuk mencari keuntungan oleh jabatan-jabatan penyiaran, stesen-stesen TV tempatan kita tetapi ini diselang-selikan dengan iklan-iklan yang menjolok mata. Walaupun fesyen zaman sekarang tetapi tidaklah sampai ke tahap seperti Forum Perdana, sesi keagamaan, boleh diselang-selikan dengan iklan-iklan yang menjolok mata yang boleh menimbulkan kontroversi.

Jadi apakah kalau ada jawatankuasa ini terlepas pandang ataupun perlu diwujudkan satu jawatankuasa khas oleh kementerian bagi memastikan tidak lagi berlaku iklan-iklan yang menjolok mata ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sukalah saya nyatakan sekali lagi bahawa segala iklan yang disiarkan oleh TV swasta telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem.

Sekiranya ada iklan-iklan sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Larut tadi menjolok mata tak kiralah iklan mana, maklumkan kepada kementerian ini supaya tindakan boleh diambil sebagai mana yang kita katakan tadi. Kalau keterlaluan kita akan minta iklan itu diberhentikan.

Untuk mengadakan satu jawatankuasa telah saya nyatakan tadi, kita telah tubuhkan satu Jawatankuasa Penyiaran Program Televisyen dan Radio Swasta dan pada hari ini segala kerangkanya telah siap dan ia di peringkat untuk dipersembahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk dibawa ke Kabinet, dan diadakan pula Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk melihat dan memantau dari segi mutu penyiaran televisyen dan radio swasta yang ada di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan senarai undang-undang / konvensyen antarabangsa yang masih belum ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan nyatakan sebab penolakan kerajaan terhadap setiap undang-undang antarabangsa tersebut.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh di atas soalan yang dikemukakan. Ingin saya jelaskan bahawa ada beratus-ratus konvensyen yang berada di peringkat antarabangsa ataupun rantau. Oleh itu untuk menjelaskan di dalam bentuk jawapan mulut mungkin ia akan mengambil masa yang terlampau banyak dan kalau Yang Berhormat perlukan jawapan secara terperinci kita akan memberikannya secara bertulis.

Walau bagaimanapun, kerajaan sebelum menandatangani dan meratifikasikan mana-mana konvensyen akan sentiasa melihat kepada kepentingan negara dan ia berteraskan kepada undang-undang negara kita dan di antara konvensyen-konvensyen yang telah ditandatangani oleh Malaysia ia merangkumi pelbagai perkara dan isu. Di antaranya untuk sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu:

- (i) Triti Persahabatan dan Kerjasama Asia Tenggara yang telah ditandatangani pada tahun 1976
- (ii) Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara tahun 1995
- (iii) Konvensyen ASEAN mengenai Pencegahan Keganasan tahun 2007
- (iv) Deklarasi Sibui mengenai Sekuriti Tenggara Asia
- (v) Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak tahun 1995
- (vi) Konvensyen mengenai Pembasmian Diskriminasi Terhadap Wanita tahun 1995
- (vii) Konvensyen Senjata Biologi tahun 1972
- (viii) Triti Ketakcambahan Senjata Nuklear tahun 1968
- (ix) Konvensyen Senjata Kimia tahun 1993
- (x) Perjanjian Am mengenai Kerjasama Ekonomi Teknikal dan Komersial tahun 1978
- (xi) Perjanjian Promosi Perlindungan dan Jaminan Pelaburan pada tahun 1987

Ini adalah di antara konvensyen-konvensyen dan banyak lagi konvensyen lain yang berada di peringkat antarabangsa dan rantau. Ada yang telah kita tandatangi dan ratifikasikan dan ada yang belum lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sangka Yang Berhormat Menteri Luar hanya beri jawapan yang pendek sahaja kepada saya. Saya memang berharap untuk dapat, untuk semua penolakan kerana ini soalan yang saya tanya. Jadi saya ingin minta kalau boleh jawapan bertulis. *[Dewan riuh]*

Saya tak faham, kenapa saya tanya soalan tambahan mereka buat bisung di sana. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengar ya, soalan tambahan saya ialah yang saya tahu SUHAKAM telah pun menasihati kerajaan untuk meratifikasikan tiga konvensyen iaitu *Civil Political Rights Convention, Economic Social and Cultural Rights Convention* dan juga *Convention Against Torture*.

Jadi saya ingin tanya, apakah pendirian Yang Berhormat ataupun kerajaan ke atas nasihat dan cadangan daripada SUHAKAM ini dan kami juga tahu pada tahun lepas Kerajaan Malaysia juga telah menerima *refugee* ataupun pelarian daripada negara yang menghadapi masalah dalaman seperti Bosnia, Afghanistan dan Palestin yang berpandukan kepada 1967 *Declaration on Territorial Asylum*.

Jadi saya ingin tanya, kenapakah negara kita tidak menandatangani *Refugee Convention* kerana kalau berasaskan *Refugee Convention* ini ia menghendaki kerjasama daripada negara-negara serantau dan juga negara-negara antarabangsa bagi negara yang menerima *refugee*. Jadi kita menghadapi pelarian daripada Burma dan juga baru-baru ini daripada Selatan Thai.

Jadi, apakah prinsip kita? Kalau kita terima pelarian daripada Bosnia dan Palestin dan juga negara lain, apakah pendirian kita terhadap pelarian di rantau ini? Akhirnya ialah mengenai SIDOR dan *Convention On Rights of The Child*. Jadi adakah *reservation* negara kita terhadap kedua-dua konvensyen ini telah pun ditarik balik ataupun tidak?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat lebih faham tujuan soal mulut ialah jawabnya pendek supaya ia dapat kita jawab dengan ringkas dan kalau hendak jawapan yang panjang dan terperinci kita kena minta jawapan bertulis.

Jadi itu caranya dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat di Malaysia ini memang banyak tindakan yang kita ambil untuk membenarkan orang luar berhadapan dengan masalah kemanusiaan bukan melalui status *refugee*. Oleh kerana kita tidak mengiktiraf status *refugee*, tetapi di atas asas kemanusiaan yang memberikan mereka perlindungan sementara sehingga negara ketiga mengambil mereka.

Oleh itu, tidak ada masalah di dalam perkara-perkara yang melibatkan soal-soal kemanusiaan. Kita akan timbangkan satu persatu. Apa-apa juga konvensyen yang hendak kita tandatangi akan dikaji dengan terperinci oleh Jabatan Peguam Negara dan kita juga kena melihat kepada undang-undang negara kita. Ada undang-undang perlu dipinda dan bila kita hendak ratifikasi kita perlu membuat pindaan kepada undang-undang dalam. Oleh itu ia mengambil masa dan ia adalah satu proses.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa untuk menandatangani undang-undang ataupun peraturan antarabangsa ini berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan negara dan saya cuma hendak minta satu, berkenaan dengan *international agreement* ataupun *International Governor on Political and Civil Right*. Apakah sebab sehingga hari ini tidak ditandatangani? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peruntukan di dalam *International Political and Civil Rights* di bawah konvensyen itu melibatkan sentuhan kepada undang-undang di dalam negara kita, perlu kita mengambil tindakan. Sebab itu buat masa ini kita tidak menandatangani atau meratifikasikan konvensyen tersebut.

3. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong] minta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan matlamat jangka pendek serta jangka panjang penubuhan Majlis Biotek Negara dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil dalam mengembangkan bidang ini di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih. Assalamualaiku warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan di bawah pentadbiran kerajaan terdapat dua majlis yang berkaitan bioteknologi iaitu Majlis Pelaksanaan Bioteknologi (MPB) dan Majlis Biodiversiti Bioteknologi Kebangsaan (MBBN).

Majlis Biotek Negara yang dimaksudkan Yang Berhormat Parit Sulong adalah tidak wujud sebenarnya dan majlis yang sama peranannya adalah Majlis Pelaksanaan Bioteknologi (MPB). Kedua-dua majlis ini adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia.

Majlis Pelaksanaan Bioteknologi (MPB) diwujudkan berdasarkan kepada Pelan Tindakan Bioteknologi Negara yang bertujuan untuk:

- (i) menentukan dasar dan keutamaan bagi pembangunan industri bioteknologi untuk di aplikasi dalam pelbagai bidang;

- (ii) menyediakan rangka kerja bagi pembangunan industri bioteknologi;
- (iii) menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti bioteknologi di Malaysia; dan
- (iv) memantau pertumbuhan dan pembangunan bioteknologi di Malaysia sebagai jentera untuk membangunkan ekonomi nasional.

Manakala Majlis Biodiversiti Bioteknologi Kebangsaan (MPBN) yang ditubuhkan pada tahun 2004 adalah dikendalikan secara bersama di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pada masa ini sekretariat adalah terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. MPBN antara lain adalah memastikan aktiviti bioteknologi dijalankan secara selamat dan mendapat manfaat daripada pemuliharaan dan penggunaan lestari kekayaan biodiversiti negara. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melalui kedua-dua majlis ini bioteknologi negara berkembang dan hari ini boleh dikatakan di setiap negara mereka berlumba-lumba antara satu negeri dengan negeri yang lain bersaing untuk memberikan nilai tambah kepada bioteknologi negara ini.

Namun, apa yang saya lihat di negeri-negeri pada hari ini tidak ada fokus terhadap apa yang mereka usahakan. Jadi ini menyebabkan pelabur-pelabur asing agak sukar untuk membuat pelaburan dalam bidang ini kerana semua negeri dilihat hendak buat semua perkara. Jadi apakah langkah yang dimainkan oleh kementerian dan juga bioteknologi *corporation* yang ada untuk memberikan fokus kepada usaha-usaha setiap negeri, dan menarik pelabur-pelabur asing datang untuk melabur dalam bidang-bidang tertentu dalam bioteknologi ini? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Untuk pelaksanaan dan pelarasan sebenarnya, kerajaan telah mewujudkan - betul Perbadanan Bioteknologi Malaysia ataupun *Biotech Corp.* yang mana ia adalah sebagai satu agensi setempat yang dedikasi dan profesional, dengan objektif utamanya adalah untuk membangunkan industri bioteknologi negara. Ianya adalah diselia oleh Majlis Pelaksanaan seperti mana yang saya nyatakan tadi dan dinasihatkan oleh panel penasihat antarabangsa. Kedua-duanya adalah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Antara fungsi Perbadanan Bioteknologi Malaysia ini termasuklah menggalakkan aktiviti komersial untuk sektor swasta, membantu R&D berasaskan keperluan pasaran dan nilai komersial menerusi pembiayaan dan perkhidmatan pembangunan industri dan memajukan R&D dan perdagangan bioteknologi pertanian, juga penjagaan kesihatan dan perindustrian.

Kita juga telah wujudkan *bio nexus* Malaysia. *Bio nexus* Malaysia adalah merupakan *centre of excellence* ataupun pusat-pusat pelaksanaan dan program bioteknologi, yang mana mendapat kemudahan sepenuhnya daripada Kerajaan Malaysia iaitu melalui Perbadanan Bioteknologi Negara. Jadi, bagi negeri-negeri yang ingin melaksanakan, sepatutnya untuk mendapatkan sokongan yang penuh daripada kerajaan, sepatutnya berbincang dengan Perbadanan Bioteknologi Malaysia supaya fokus penyelidikan ataupun fokus produk yang hendak dihasilkan oleh setiap negeri adalah boleh ditetapkan ataupun ditentukan kepada produk-produk yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, keluaran terbaru *The Edge* ada satu rencana bersangkutan paut dengan soalan ini, dengan izin. "*In the Ninth Malaysia Plan biotechnology was identified as one of the new key growth areas for the local economy. The Ninth Malaysian Plan was launched in March last year, more than a year ago.*"

Yet today when we talk about the biotech sector, the response more often than not is what biotech sector? We are also still getting complaints from local entrepreneurs planning into venture big into the biotech the funding remains the huge stumbling block.

Singapore in comparison has been very aggressive in spurning the setting up of the biomedical companies even to the extends of providing the funding upfront according to some industry observes.

So, the question is must we always play catch up even when we are first of off the starting block in some instances". Soalan ialah must we always play catch up mengenai biotechnology dan usaha-usaha cutting age yang lain.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam pendekatan pelaksanaan kita, yang berdasarkan kepada polisi bioteknologi negara, ia sebenarnya merangkumi kepada tiga fasa.

Fasa pertama tahun 2005-2010 ini adalah lebih kepada pembangunan kapasiti, iaitu terutamanya mewujudkan majlis penasihat dan pelaksana, mewujudkan Perbadanan Bioteknologi Malaysia, mengadakan pendidikan dan latihan bagi pekerja mahir dan sebagainya. Ini adalah pelaksanaan berdasarkan Dasar Bioteknologi Negara.

Kemudian dalam fasa kedua, tahun 2011-2015 ini adalah merupakan produk sains perniagaan, sains *to business* ataupun produk untuk kita *commercializekan*, yang mana selepas membangunkan kepakaran dan juga penemuan dan permohonan ubatan yang menggunakan sumber asli tempatan dan sebagainya.

Ini antaranya dan fasa ketiga, 2016-2020, ini adalah untuk mewujudkan kompeni-kompeni bioteknologi di Malaysia yang bertaraf global. Ini adalah matlamat kita, kita jangka menjelang pada tahun 2020, Malaysia akan menjadi pemain global dalam bioteknologi dan mewujudkan sekurang-kurangnya 20 syarikat global Malaysia. Jadi kita tidak perlu bandingkan dengan mana-mana negara dan sebagainya. Kita mempunyai dasar kita sendiri dan kita mempunyai kaedah pelaksanaan kita sendiri. Terima kasih.

4. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil pertemuan tidak rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura di Pulau Langkawi baru-baru ini. Sejauh manakah pertemuan yang dikatakan telah menghasilkan '*chemistry*' yang cukup baik antara pemimpin dua negara ini berjaya menangani isu tertangguh dengan negara berkenaan.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Beluran bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gerik pada 5 Julai, oleh kerana soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan di antara Malaysia dengan Singapura adalah boleh dikatakan baik buat masa ini. Kadangkala ia menempuh pelbagai cabaran baru yang mungkin menimbulkan banyak persoalan dan tanda tanya. Namun begitu, ingin saya jelaskan setelah kita gagal untuk mencapai apa-apa persetujuan di dalam rundingan di antara Malaysia dan Singapura terhadap isu-isu yang tertangguh, tidak ada terdapat hubungan secara rasmi antara Malaysia dan Singapura di peringkat pemimpin-pemimpin tertinggi.

Walau bagaimanapun, jalinan hubungan itu dilaksanakan secara berterusan dan ia tidak menjejaskan hubungan yang akrab di antara satu sama lain. Setelah perkara itu berlaku hingga beberapa bulan, maka Menteri Luar Singapura semasa perjumpaan dengan saya di Manila pada bulan Januari tahun ini, telah bertanya sama ada masanya sudah tiba untuk kita mengaturkan lawatan bagi Perdana Menteri Singapura untuk berbincang perkara-perkara kepentingan bersama di antara Malaysia dan Singapura.

Ini telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka kita telah mengaturkan pertemuan pada 14 dan 15 Mei 2007. Pertemuan ini bukanlah satu pertemuan untuk rundingan, tetapi untuk kita melihat apakah cara untuk meningkatkan dan memperkukuhkan hubungan dua hala. Tidak ada perkara-perkara baru yang telah kita capai melainkan ada minat di antara kedua-dua negara untuk melihat kepada hubungan yang lebih lebar dan lebih luas bagi menjalin kepentingan yang akan mendatangkan manfaat secara bersama.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Datuk Menteri. Hakikatnya Singapore masih berfikir bahawa mereka itu lebih baik daripada negara kita. Sesungguhnya mereka sedang mengalami sindrom kompleks prioriti, tetapi di dalam perbincangan, sering kali kita bercakap tentang melihat *chemistry*, melihat *body language*. Seolah-olah negara kita memberi ...*advantage upper hand bargaining* kepada Singapore dalam perundingan.

Adakah kerajaan melihat ini sebagai memperkecilkan negara kita, melihat negara kita lebih rendah daripada Singapore, kerana kita seolah-olah memberi '*upper hand bargaining*' kepada Singapore? Adakah *chemistry* sekarang ini lebih baik dilihat oleh Menteri Luar Negeri sebagai *chemistry* yang berpunca daripada WPI, yang akan dieksploit oleh Singapore untuk manfaat ekonomi mereka? Adakah Kementerian Luar Negeri melihat perkara ini? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas soalan tambahan. Soal siapa lebih *superior* ataupun tidak, tidak timbul langsung di dalam hubungan kita dan perbincangan-perbincangan kita.

Singapura mengiktiraf kejayaan dan kemampuan Malaysia untuk menjuruskan kaedahnya sendiri di dalam menentukan kemajuan dan pembangunan negara kita. Oleh sebab Singapura, iklim dan persekitaran masyarakat dia, dan iklim dan persekitaran politik dia berbeza dengan kita, kadangkala dia terperanjat dengan perbincangan-perbincangan polemik terhadap pelbagai isu yang berlaku di Malaysia.

Mereka *is more close* daripada kita. Jadi saya tidak fikir soal Singapura hendak memperkecilkan, kerana dia khuatir kita punya kemajuan mungkin akan membawa kepada kesan yang negatif. Sebab itu kita melihat lebih baik untuk Singapura bekerjasama dengan Malaysia, dan ini mempunyai pandangan yang sama untuk bekerjasama dengan Malaysia. Kalau mereka berminat untuk mengambil bahagian di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua *it must be on our term*, bukan di atas apa yang Singapura hendak.

Kemajuan Malaysia bukan untuk kita bersaing secara negatif, tetapi bersaing sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Saya fikir Singapura mengiktiraf bahawa kedudukan Malaysia bergerak dan maju secara bersendirian untuk kepentingan negara kita. Jadi Malaysia dan Singapura bukan satu negara. Kita adalah dua negara yang merdeka dan berdaulat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita pelik, kita tidak faham sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Singapura sikapnya kepada negara, tetapi berbeza dengan rakyatnya.

Saya di Johor Bahru, Tuan Yang di-Pertua, kalau pemimpin Singapura boleh merasai hubungan mesra rakyat Singapura dengan rakyat Johor Bahru - Malaysia, makan di gerai kopi atau warung, ketawa berdekeh-dekeh, hubungan macam adik-beradik seolah-olah bukan rakyat datang dari dua negara. Begitulah, tetapi Singapura tidak berhenti-henti walaupun saya tahu falsafah Malaysia ialah ingin kepada jiran yang kaya dan jiran yang maju. Itu falsafah Malaysia.

Baru-baru ini Menteri Kanan Singapura berkata, UMNO Johor tidak mengalukan pelaburan di WPI. Satu kenyataan yang kita tidak faham, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana boleh keluar kenyataan itu sedangkan pemimpin-pemimpin kata mengalukan pelaburan daripada mana-mana negara termasuk Singapura di WPI.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau hendak ikut sentimen rakyat Johor, Singapura memang tidak mahu WPI ini membangun, hantar gengster ke Johor Bahru untuk memburukkan imej Johor Bahru seolah-olah Johor Bahru tempat samseng, tempat gengster...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...dan orang takut untuk melabur di Johor Bahru, di Malaysia. Pandangan yang seperti itu, boleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita yang bijaksana, yang ada pengalaman menjawab soalan dan kemusykilan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading di atas pandangan dan persoalan yang dikemukakan. Saya fikir yang pentingnya ialah bukan pandangan dari seseorang menteri daripada Singapura tetapi pandangan daripada Kerajaan Singapura secara keseluruhan.

Dalam pertemuan kita dengan pemimpin-pemimpin Singapura, Perdana Menteri dan menteri-menteri lain, mereka begitu berminat untuk melabur di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar. Kalau kita tengok pandangan seseorang yang berasaskan mungkin pandangan sejarah, mungkin pandangan-pandangan tertentu, kita akan terbawa-bawa dengan emosi.

Di Johor, kita mengalu-alukan sesiapa juga yang ingin datang ke Wilayah Pembangunan Iskandar untuk melabur di Malaysia tidak kira daripada Singapura ataupun dari negara lain. Terima kasih.

5. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah jumlah penuntut asing yang sedang belajar di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan. Apakah halangan yang dihadapi untuk mencapai matlamat 100,000 pelajar asing pada tahun 2010 dan apakah strategi-strategi untuk mengatasinya.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bakri bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Rembau esok, 3 Julai 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini terdapat kira-kira 50,000 pelajar-pelajar asing di universiti awam dan swasta di negara kita. Di universiti awam, terdapat kira-kira 10,000 pelajar asing, di universiti swasta kira-kira 40,000 pelajar asing yang belajar di negara kita. Kerajaan sedar bahawa untuk menambah bilangan kira-kira daripada 50,000 pada hari ini kepada 100,000 menjelang tahun 2010 menghadapi beberapa cabaran.

Yang pertama ialah persaingan yang agak sengit dalam pendidikan antarabangsa ini. Kita tahu bahawa negara-negara lain juga sedang mempromosikan pendidikan mereka, maka itu kita harus mampu untuk bersaing dengan mereka, dengan menyediakan pendidikan yang berkualiti. Ini yang pertama.

Yang kedua, cabaran yang kita hadapi ialah isu pengiktirafan oleh beberapa negara tertentu terhadap pendidikan di negara kita. Walaupun kelayakan di negara kita diiktiraf oleh banyak negara, tetapi masih banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk menambah bilangan negara di institusi yang diiktiraf di IPTA dan IPTS negara kita.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, halangan yang kita hadapi ialah kelewatan dalam kita memproses permohonan sama ada kemasukan ke universiti ataupun visa.

Itu tiga cabaran yang kita hadapi. Langkah-langkah yang kita sedang ambil untuk menangani perkara ini supaya kita dapat meningkatkan bilangan pelajar kepada 100,000 orang dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi ialah:

- (i) sentiasa berbincang dengan negara asing dan institusi di luar negara supaya lebih banyak kelayakan kita diiktiraf oleh negara-negara tersebut. Proses ini dilakukan *G to G* (kerajaan dengan kerajaan) dan juga dilakukan dengan institusi berkenaan; dan
- (ii) promosi yang lebih gigih yang kita laksanakan. Promosi dilakukan oleh tiga pihak iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, institusi berkenaan dan ejen-ejen.

Tahun ini umpamanya, peruntukan sebanyak RM14 juta disediakan oleh kerajaan untuk mempromosi berbanding RM9 juta pada tahun lepas. Ini membolehkan kita menjalankan promosi dengan lebih hebat lagi. Esok akan tiba rombongan lima orang daripada UAE.

Mereka akan berada di sini selama seminggu untuk kita menonjolkan kehebatan kita dalam bidang pengajian tinggi dan pada hujung bulan ini, kita ada rombongan daripada Kenya yang kita bawa khusus untuk mempromosikan pendidikan di negara kita. Ini contoh-contoh di mana kita sudah mulakan usaha dengan lebih agresif untuk mempromosikan negara kita.

Akhir sekali mengenai kelewatan - isu ini sedang ditangani. Pihak universiti sebelum ini mengambil masa agak lama semasa memproses permohonan. Hari ini mereka lebih cekap dan pengeluaran visa juga sudah lebih cekap. Kita sudah pun memperkenalkan apa yang dipanggil e-visa di mana visa dipohon secara elektronik dan pelajar-pelajar antarabangsa juga telah diberikan *i-pass* yang boleh mereka dicam dan dikenal pasti.

Inilah antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kelewatan memproses permohonan mereka. Insya-Allah langkah-langkah yang kita ambil itu, kita cukup yakin bahawa sasaran 100,000 pelajar akan dapat dicapai dalam tempoh tiga, empat tahun lagi. Terima kasih.

Dato' Chua Jui Meng [Bakri]: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Saya mengucapkan tahniah juga oleh kerana Kementerian Pengajian Tinggi telah memperoleh lebih banyak peruntukan untuk mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pendidikan tinggi.

Saya merujuk kepada visa yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Ada satu aduan di mana Yang Berhormat Menteri tidak sedar, yang datang daripada persatuan institusi-institusi pendidikan tinggi berkaitan dengan visa. Namun, sedikit-sebanyak Yang Berhormat Menteri sudah menjawab perkara ini, tetapi secara khusus aduan daripada penuntut ialah bila mereka sampai ke Malaysia, tidak ada visa penuntut untuk masuk ke Malaysia kecuali satu surat sahaja daripada institusi yang menerima mereka.

Oleh kerana masalah itu, pasport ditahan oleh pihak imigresen dan proses mengambil masa dua minggu. Dalam masa dua minggu itu, ada di kalangan mereka yang dapat tekanan daripada pihak imigresen atau RELA atau pihak polis. Umpamanya penuntut-penuntut daripada Singapura yang hendak balik menghadapi masalah, saya diberitahu. Sama ada masalah khusus ini telah diaddress dengan izin, oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Kedua, saya bersetuju dengan jawapan tadi iaitu kita perlu menawarkan pendidikan yang berkualiti tinggi. Amerika Syarikat ada 6,000 buah universiti di negara mereka dan sekarang ada daya tarikan umpamanya untuk penuntut-penuntut dari negara China. Mereka gemar hendak pergi ke Amerika Syarikat oleh kerana mereka berpandangan negara itu menawarkan kursus-kursus dan kualiti yang amat tinggi. Bilakah Malaysia boleh sampai ke tahap itu atau mendekati tahap itu yang telah dicapai oleh negara-negara Barat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Mengenai visa tadi, Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Untuk pelajar dalam negara belajar di luar negara ada tiga kaedah. Yang pertama, dapat visa di luar negara yang dikeluarkan oleh duta kita. Kedua, mereka datang dan diberikan surat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bakri dan yang ketiga mereka datang sebagai pelancong untuk *to do some shopping*, dengan izin untuk melihat kursus-kursus yang sesuai.

Dalam kes pertama, visa dikeluarkan di luar negara, tidak ada masalah. Mereka masuk ke imigresen tidak menghadapi sebarang masalah. Kes kedua di mana mereka diberi surat dan ini juga secara umumnya tidak ada masalah. Pada kebiasaannya mereka akan ditemui oleh wakil daripada IPTS. Kita mensyaratkan supaya wakil IPTS pergi ke *airport* berjumpa dengan pelajar. Jadi kes-kes ini sudah dapat ditangani.

Yang ketiga, mereka datang dengan *tourist visa* untuk melihat kepada kekuatan IPTS negara kita dan satu hari nanti mereka kena *convert* visa kepada visa pelajar.

Memorandum yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, telah diserahkan tiga bulan yang lalu. Semenjak itu, kita telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Jabatan Imigresen. Saya baru berjumpa, pada minggu lepas dengan presidennya, dan bertanyakan kepada beliau keadaan, dan mereka menyatakan bahawa beliau berpuas hati. Tindakan-tindakan juga sedang diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mengurangkan masalah.

Dalam pada itu kita sedar bahawa masih ada lagi isu-isu kelewatan, tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa dengan pendekatan yang kita ambil bersama dengan Jabatan Imigresen, sebahagian besar masalah ini dapat kita atasi. Jika Yang Berhormat Bakri ada isu-isu khusus, sila rujuk kepada imigresen ataupun pihak kami.

Berkaitan dengan universiti di Amerika, saya ingin memaklumkan di sini bahawa tahun ini, semalam umpamanya di Universiti Malaya, saya mendapat maklumat bahawa ada pertambahan 100% dalam pengambilan pelajar antarabangsa, *post graduate* Universiti Malaya. Ini adalah hasil daripada promosi yang gigih, yang dilaksanakan oleh universiti.

Selain daripada *reputation academy standard* dengan izin, harus ada promosi. Hari ini universiti-universiti awam adalah begitu agresif untuk mempromosikan program-program ke luar negara. Kita bertekad untuk meningkatkan prestasi universiti kita, untuk bersaing dengan universiti-universiti yang terkemuka dalam dunia. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan bahawa masalah-masalah yang kita hadapi dan juga cara-cara untuk mengurangkan masalah ini. Ini merupakan suatu proses pendemokrasian pendidikan kita. Saya amat berasa kagum.

Dalam suatu isu yang saya hendak jadikan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri ialah pemantauan pelajar-pelajar ini. Iaitu daripada jumlah seramai 50,000 yang dikatakan itu adalah pelajar dari luar negara. Berapa ramai jumlah mereka ini, yang benar-benar belajar di institut pengajian tinggi kita, baik di swasta ataupun awam?

Adakah kementerian ini bekerjasama dengan kementerian yang lain, seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan imigresen ataupun bersama dengan polis yang memastikan bahawa selepas mereka masuk dalam negara ini, sebagai contoh, tiga bulan atau enam bulan selepas itu, kita buat suatu audit, untuk memastikan bahawa mereka ini adalah benar-benar belajar di institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita.

Ini kerana ia akan menjejaskan imej dan reputasi negara kita bagi jangka masa yang panjang. Pemantauan gerak geri pelajar ini adalah penting kerana saya lihat ini akan memberikan suatu imej yang positif, kalau kita boleh memantau mereka secara positif. Saya mengutip *speech* daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar asing yang diberi visa pelajar untuk belajar, mereka hendaklah belajar, tidak boleh buat kerja lain. Malah membuat kerja sampingan pun tidak boleh, tanpa kelulusan daripada Jabatan Imigresen. Kalau mereka hendak bekerja secara *part time*, memang dibolehkan tetapi perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen. Para pelajar yang datang ke sini hendaklah belajar.

Pada hari Khamis lalu, iaitu 29 Jun, pertemuan telah diadakan dengan 214 IPTS di seluruh negara, yang melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan RELA. Dalam pertemuan tersebut telah ditekankan bahawa bukan sahaja Jabatan Imigresen, RELA bertanggungjawab untuk memantau pelajar asing di Malaysia tetapi juga ia merupakan tanggungjawab bersama.

Bagi pihak IPTS dan IPTA mereka juga ditekankan. Sebanyak 214 IPTS yang diluluskan oleh kerajaan untuk merekrut pelajar antarabangsa, ditekankan kepada mereka dan pada pertemuan yang telah diadakan pada hari Khamis lalu bahawa mereka juga ada tanggungjawab.

Insya-Allah dengan Jabatan Imigresen, RELA, PDRM dan IPTS sendiri memainkan peranan, kita harap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong tidak akan berbangkit. Terima kasih.

6. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar Petronas dikatakan tidak mahu atau tidak ada kapasiti untuk membekalkan gas secukupnya dan apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi kekurangan gas di negara sekarang ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan keupayaan bekalan gas di Semenanjung Malaysia adalah terhad dan telah pun dikontrakkan sepenuhnya atau *fully contracted out* dengan izin, di bawah perjanjian sedia ada dengan pengguna di sektor elektrik dan sektor perindustrian.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat pertambahan dalam permintaan terhadap gas khususnya dari pihak industri yang beralih kepada gas sebagai sumber tenaga. Antara punca utama peningkatan ini ialah harga gas yang dikawal oleh kerajaan semenjak tahun 1997 adalah jauh lebih rendah berbanding harga sumber tenaga lain yang telah meningkat mengikut harga pasaran dunia.

Dalam menangani masalah kekangan bekalan gas ini, satu pendekatan yang objektif dan menyeluruh perlu diambil. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk perbincangan, antara lain isu-isu berkaitan permintaan dan bekalan bahan tersebut khususnya di Semenanjung Malaysia.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Soalan tambahan saya ialah mengenai kekurangan gas di negara ini. Tadi kita dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa *supply* yang ada sekarang ini, iaitu perkataan yang disebut ialah *fully contracted out* kita jual ataupun diagihkan kepada pengguna-pengguna.

Soalan tambahan saya ialah, apakah kekurangan yang ada sekarang ini, ada kaitan dengan harga? Kerana harga kita dikawal seperti yang telah diberitahu tadi. Kalau tidak silap saya, harga di Singapura lebih tinggi. Apakah Petronas lebih suka menjual di pasaran Singapura misalnya kerana peruntukan yang lebih daripada yang dijual kepada pengguna-pengguna di negara kita ini? Apakah perbezaan harga ini yang menyebabkan kekurangan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana dari segi perbezaan harga itu tidaklah dapat saya jawab di sini kerana tidak ada maklumat itu pada saya.

Namun, untuk makluman Yang Berhormat bahawa, sebenarnya suasana ataupun senario keadaan bekalan sekarang adalah di tahap yang tidak memesongkan daripada objektif kita. Yang menjadi masalah kerana ada perkara-perkara baru, yang mana mereka lebih gemar untuk menggunakan gas kerana bekalan gas ini dirasakan lebih mudah dari segi kegunaannya dan perkara-perkara timbul dari segi teknikal penggunaan alat-alat baru kepada bidang penggunaan gas ini telah mula masuk di dalam sektor ini.

Sebab itulah masalah permintaan kepada bekalan gas ini semakin bertambah. Itu adalah salah satu faktor yang dihadapi. Satu lagi ialah kita tahu bahawa keadaan bekalan gas di dalam negara kita ini tidaklah seperti di sesetengah negara. Di mana mereka ada rizab gas di sebahagian daripada keluasan negara mereka.

Sedangkan di negara kita ini berada di poket, di sana sini dan sebagainya. Jadi masalah itulah juga menjadi salah satu daripada, kita kata strategi bagaimana kita membekalkan gas itu adalah lebih baik kita laksana secara sekarang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terperanjat bahawa kita agak kekurangan bekalan gas untuk pengguna-pengguna dalam negara kita. Setakat yang saya tahu dan dengar, di lautan berdekatan dengan negeri Kelantan, ada bekalan gas di kawasan yang bernama Cakrawala.

Gas daripada kawasan Cakrawala ini ataupun dengan lebih mudahnya gas Kelantanlah kita kata, sepatutnya mencukupi untuk membekalkan keperluan seluruh negara. Saya dengar, satu punca masalahnya ialah keengganan Petronas untuk mewujudkan apa yang dinamakan dengan izin, *supply base* – pangkalan bekalan untuk mengefisienkan lagi pengeluaran gas di kawasan Cakrawala ini.

Adakah kementerian bercadang untuk mengarahkan Petronas mengkaji dengan serius kemungkinan mewujudkan suatu dengan izin, *supply base* di Kelantan untuk menampung keperluan bagi pengeluaran gas dengan lebih banyak dan efisien gas Kelantan di kawasan Cakrawala ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan sebagai keadaan Cakrawala yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Yang kita tahu kita ada RDA di sana itu iaitu *Regional Development Authority* di mana kerjasama kita dengan pihak Thailand.

Jadi ini adalah perkara 50-50 di dalam ekuitinya. Jadi sekarang ini pun sebahagian daripada pengurusan, operasinya, Malaysia ataupun Petronas adalah lebih kalau kita katakan berperanan di situ. Jadi dalam waktu akhir-akhir ini pihak Thailand juga meminta supaya kita mengalirkan sebahagian daripada gas ini kepada mereka.

Jadi kita tidak boleh elak sebab ini adalah perjanjian RDA yang telah kita buat di antara Malaysia dengan Thailand. Jadi perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidaklah bermasalah. Cuma barangkali Yang Berhormat hendak ditempatkan di kawasan Yang Berhormat, itu adalah soal Yang Berhormat sendirilah.

7. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria penubuhan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dan adakah kementerian bercadang mewujudkan pejabat berkenaan di tiap-tiap daerah sebagai satu usaha untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat setempat serta mewujudkan peluang kejayaan yang lebih luas lagi bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua. Penubuhan sesuatu Pejabat Pelajaran Daerah ataupun PPD di Semenanjung Malaysia dan Pejabat Pelajaran Gabungan (PPG) dan Pejabat Pelajaran Daerah Kecil (PPDK) di Sabah dan Sarawak, adalah mengikut beberapa kriteria seperti yang telah ditetapkan oleh agensi pusat.

laitu bilangan sekolah, bilangan personel, bilangan murid, bilangan asrama dan juga keluasan sesuatu daerah. Kemampuan kewangan kerajaan juga merupakan perkara yang harus diberi pertimbangan utama dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan pendidikan termasuklah penubuhan PPD baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa 1 Februari 2007, agensi pusat telah meluluskan empat PPD baru.

laitu PPD Pasir Gudang, PPD Petaling Utama, PPD Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan PPD Kinta Selatan. Kementerian Pelajaran Malaysia akan terus mengemukakan permohonan kepada agensi Pusat, bagi menubuhkan sesebuah PPD baru secara berperingkat-peringkat. Usaha yang dilakukan ini adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat setempat seterusnya menyumbang kepada keberkesanan sistem penyampaian Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedia maklum di seluruh negara kira-kira ada 300,000 guru dan daripada jumlah ini, kira-kira 120,000 adalah merupakan guru-guru berijazah.

Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyediakan peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih banyak daripada setahun ke setahun, tetapi saya berpendapat, tiap-tiap daerah perlu ada Pejabat Pelajaran Daerah. Sebab sekarang ini, contohnya misalnya di Jelebu dia berkongsi dengan Jempol. Rembau berkongsi dengan Tampin.

Jadi kalau ibu bapa atau guru-guru ada masalah dari segi murid-murid atau masalah guru itu sendiri hendak mendapatkan khidmat kaunseling dia terpaksa pergi ke Tampin. Jadi saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan, sudah sampai masanya tiap-tiap daerah ini diwujudkan Pejabat Pelajaran Daerah seperti wujudnya pegawai-pegawai daerah di tiap-tiap 157 daerah di seluruh negara.

Yang keduanya, kita lihat dalam keadaan sekarang juga ada Pengarah Pelajaran Negeri yang grednya sama dengan DO sahaja. Jadi seharusnya saya berpendapat, kementerian harus memperjuangkan supaya selain daripada memberi peluang kerjaya yang lebih baik kepada 300,000 guru tadi, dalam masa yang sama juga dengan cara ini, kita rasa bila setiap daerah ada Pejabat Pelajaran Daerah, usaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat setempat akan dapat dijalankan dengan berkesan.

Jadi itulah saya harap, kalau boleh *target date* misalnya, contohnya di Rembau, bila hendak dapat PPD tempat sudah ada, kawasan sudah ada, bangunan pun sudah ada. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai perkembangan PPD. Sebagai yang di sedia maklum bahawa penstrukturan Jabatan Pendidikan Negeri-negeri telah pun kita laksanakan dan selepas ini sudah tentulah kita akan buat pula penstrukturan PPD.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita berusaha untuk memperbanyakkan PPD. Kalau boleh kita hendak ikut kawasan, bukan hendak mengikut daerah-daerah sivil, tetapi lebih kecil lagi. Kita sedar, seperti contoh di Selangor. Di Selangor kalau kita tengok di Shah Alam, di Subang Jaya, di Petaling Jaya, ada tiga OCPD. Kalau kena tindakan polis, tetapi PPD baru ada satu. Minta tiga tapi dapat tambah satu sahaja lagi. Jadi baru ada dua sahaja hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah merancang untuk menubuhkan 46 PPD baru, enam untuk PPG baru dan lapan untuk PPDK. Bagi Negeri Sembilan, kita merancang untuk menubuhkan PPD baru di Port Dickson, Kuala Pilah dan Jempol. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalan di sini ialah kita hendak mewujudkan PPD baru, tetapi bagaimana dengan persoalan asas di mana di Sabah dan Sarawak ini masih lagi ada PPJ.

Maknanya gabungan PPD dan kita berada dalam situasi di mana dalam satu kawasan Parlimen dibahagi dua PPD yang sebenarnya. PPJ lain dan yang sebelah PPJ lain. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Tuaran, kita ada PPD Tamparuli, kita ada PPD Tuaran. PPD Tuaran dia berada dalam Pejabat Pendidikan Gabungan Kota Kinabalu dan sebelah pula Pejabat Pendidikan Gabungan Kota Belud.

Dari segi pentadbiran dia, di kawasan Parlimen Tuaran begitu bercelaru sedangkan jumlah sekolah rendah kita mempunyai lebih 55 buah. Persoalan di sini ialah, bolehkah dalam penstrukturan ini, sesuatu PPD itu kita buat dalam satu kawasan Parlimen bagi seluruh Sabah. Setiap satu kawasan Parlimen satu PPD dan tidak perlu lagi ada PPG. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita amat sedar bahawa kawasan sesuatu daerah di dalam negeri Sabah begitu luas. Sebab itulah kita wujudkan Pejabat Pelajaran Gabungan dan di bawah Pejabat Pelajaran Gabungan ini, kita wujud pula Pejabat Pelajaran Kecil.

Namun demikian, cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan tiap-tiap Parlimen satu PPD, ini kita boleh kajilah. Walau bagaimanapun, ini terletak kepada kelulusan agensi pusat. Kalau ikut Kementerian Pelajaran memang kita hendak memperbanyakkan PPD ini supaya lebih mudah untuk berkhidmat kepada orang ramai dan juga memberi peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru kita. Terima kasih.

8. **Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah FAMA bercadang mewujudkan satu pasar raya besar di setiap negeri dalam usaha mempertingkatkan daya saing dan pendapatan golongan petani.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, FAMA tidak bercadang untuk membina pasar raya besar di setiap negeri. Walau bagaimanapun, FAMA sedang membina pasar tani yang lebih besar di beberapa tapak kekal seperti di Jerantut, Pahang; Bukit Gambir, Johor dan Guar Cempedak, di Kedah.

Pembinaan pasar tani kekal dijangka siap pada akhir tahun 2007. Diharapkan dengan adanya kemudahan tersebut akan dapat menempatkan lebih ramai usahawan tani berniaga dan lebih banyak hasil-hasil keluaran pertanian mereka dapat di pasaran. Di samping itu, FAMA juga akan membina terminal makanan negara atau ringkasnya TEMAN di setiap zon iaitu zon tengah, zon timur, zon selatan dan zon utara.

Pada peringkat permulaan ini, dua buah TEMAN akan dibina iaitu di Ipoh Perak bagi zon utara dan di Kota Bharu Kelantan bagi zon timur. Di TEMAN ini, hasil-hasil keluaran pertanian akan dikumpulkan dan proses pengedaran, pembungkusan, pelabelan akan dilakukan sebelum hasil-hasil pertanian tersebut diedarkan untuk dijual dalam negara atau dieksport ke luar negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kita lihat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini atau FAMA telah ditubuhkan sejak 30 September 1965 lagi. Tahun ini FAMA telah berusia 47 tahun sebenarnya.

Sehingga akhir tahun 2005, difahamkan FAMA telah mewujudkan dan menubuhkan 72 pusat pengumpulan, lapan pusat pengedaran, terminal makanan negara di Ipoh dan di Kota Bharu, tujuh pasar tani borong dan tadi baru disebut pula pasar tani kekal. Jadi apakah status dan prestasi perwujudan pusat pengedaran TEMAN, pasar tani borong dan ada pula pasar tani kekal dan berapakah bilangan yang terlibat dan nilai jualannya?

Setakat ini, sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan FAMA dalam memasarkan hasil pertanian produk luar bandar? Ini yang penting sekali, memandangkan FAMA berkait rapat dengan pemasaran hasil pertanian. Jadi sejauh manakah hubungan kerjasama antara FAMA dengan Pertubuhan Peladang.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah program pemasaran FAMA untuk menangani masalah lebihan bekalan buah-buahan bermusim termasuk cadangan memasarkannya secara lebih agresif ke pasar raya, *hypermarket* yang saya tanya asal tadi sebab sekarang pun sudah musim durian.

Selanjutnya, peranan anak syarikat FAMA iaitu FAMA Coperation Sdn. Bhd. (FAMA Co.) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1994. Berapakah perolehan dan keuntungan semasa produk utama dan apakah perancangan masa depan bagi meningkatkan lagi prestasi FAMA Co. khususnya bagi membantu saham Bumiputera untuk memasarkannya ke *hypermarket*? Berapa peratus barangan FAMA yang dapat menembusi pasaran *hypermarket* seluruh negara seperti GIANT, TESCO dan berbagai-bagai lagi? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat nampaknya dari soalan Yang Berhormat itu memerlukan satu taklimat yang lengkap mengenai FAMA. Jadi Yang Berhormat di mana saya dapat menjawab, yang saya ada maklumat di sini saya akan menjawab. Yang selebihnya saya rasa lebih adil kalau FAMA dapat memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Untuk makluman tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya mengenai prestasi. Saya telah mengatakan bahawa dua yang penting di dalam jawapan saya tadi iaitu pasar tani kekal akan hanya siap pembinaannya pada tahun 2007. Bermakna prestasi itu belum ada lagi kecuali dari segi prestasi, bila agaknya siap pembinaan.

Bagi pasar tani kekal Jerantut, insya-Allah ianya dijangka siap pada 15 Ogos tahun 2007, pasar tani kekal Bukit Gambir, Johor 11 September 2007 dan pasar tani kekal Guar Chempedak insya-Allah akan dijangka siap pada 2 Disember 2007. Mengenai TEMAN pula, hanya dua TEMAN yang kita telah cadangkan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu di Ipoh dan juga di Kota Bharu. Ianya masih dalam proses pelaksanaan. Insya-Allah kita berharap ianya akan beroperasi pada tahun 2010.

Konsepnya, seperti Yang Berhormat katakan FAMA memang telah wujud sekian lama dan dalam proses FAMA itu wujud, kita telah mencari pelbagai pendekatan yang terbaik. Kumpulan sasar yang kami bantu adalah petani dan dengan wujudnya pasar tani biasa yang ada payung itu sehinggalah nanti kepada TEMAN dan sebagainya, memang kumpulan sasar utama adalah petani.

Termasuk Yang Berhormat katakan tadi di mana ada penglibatan orang lain. Jadi, memang kumpulan sasar, penjualnya adalah petani dan nanti di pasar tani atau dinamakan TEMAN – Terminal Makanan, dilibatkan juga Persatuan Nelayan, Pertubuhan Peladang bersama di situ di dalam urus niaga.

Ini bermakna, memang semua ini adalah sasaran kami dan sebab itulah kita merasakan tidak perlu diwujudkan *supermarket* dan *hypermarket* sebab kami memang sudah ada satu usaha sama dengan TESCO, GIANT dan Mydin di mana petani kita menjadi pembekal. Sebab untuk mewujudkan pasar raya atau *hypermarket* dan sebagainya memang memerlukan modal yang besar dan juga kakitangan yang lebih profesional.

Kami rasakan bahawa pada masa kini tetapi kita tidak *roll out* dengan izin, supaya petani itu sendiri nanti boleh mewujudkan pasar raya mereka sendiri, insya-Allah. Setakat ini, FAMA tidak ada perancangan untuk mewujudkan pasar raya-pasar raya, tetapi dengan rangkaian usaha sama itu, insya-Allah boleh juga menembusi ke pasaran global termasuk rangkaian mereka di luar negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya menyokong penuh Yang Berhormat Kuala Lipis tadi kerana sekarang ini musim buah-buahan. Penduduk luar bandar menanti-nanti akan pasaran buah-buahan ini seperti dokong, durian, rambutan dan lain-lain lagi buah-buahan tempatan.

Apakah langkah FAMA ini setelah musim buah berlalu tiap-tiap tahun dan buah berlonggok-longgok sampai RM1 sekilo dan hasil pendapatan luar bandar tertumpu pada buah-buahan satu tahun, satu kali. Kita melaung-laungkan di Parlimen supaya ada langkah-langkah daripada pihak kementerian khususnya FAMA untuk mengatasi masalah ini.

Apakah langkah-langkah FAMA terkini untuk mengatasi masalah kais pagi makan pagi ini, di luar bandar yang menanti setahun sekali untuk memasarkan buah-buahan di musim buah dalam sebulan dua lagi ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, tadi sebenarnya saya tertinggal mengenai lambakan buah-buahan. Jadi ada berkaitan dengan soalan yang kemudian.

Satu, memang dari segi pemasaran, FAMA adalah dengan izin, dikatakan *the buyer of last resort*. Jadi kalau sudah tidak mampu hendak menjual di pasar tani, pasar mega dan sebagainya, FAMA akan masuk campur dengan kata sedemikian, di mana mengenai anti lambakan.

Satu, FAMA akan membeli segala buah-buahan yang mungkin ada berlambak di satu tempat dan akan membawa segala buah-buahan ini ke tempat-tempat lain yang bukan musim buah tersebut. Sebagai contoh mungkin durian dan sebagainya dan kita juga hendak menstabilkan satu harga di mana petani tidaklah merasa tertekan dengan harga yang begitu rendah jadi kita akan memberikan satu harga yang munasabah.

Pada masa yang sama kita juga ada mengadakan *fruits on will* macam *fish on will*. Kita akan bawa buah-buahan ini ke tempat-tempat yang lain dan insya-Allah akan mendapat harga yang baik. Kita juga mewujudkan *kiosk-kiosk* untuk menjual buah-buahan di merata tempat di seluruh negara.

Pada masa yang sama kita juga ada memproses buah-buah tersebut untuk menjadi *down stream* iaitu seperti membuat jus, boleh kita buat serbuk untuk dibuat di dalam bahan makanan dan sebagainya. Jadi insya-Allah, tetapi FAMA peranannya adalah *buyer of last resort*. Jadi kalau sudah tidak ada jalan lain, memanglah FAMA akan membeli buah-buah ini tetapi dengan gred dan mutu juga tetap kita utamakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krau

9. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian berpuas hati dengan khidmat guru-guru kaunseling di dalam menangani masalah disiplin pelajar.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk memantapkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Hal ini terbukti dengan pertambahan bilangan guru kaunseling di sekolah dengan nisbah, 1:500 iaitu setiap guru kaunseling 500 orang murid di sekolah menengah.

Manakala di sekolah rendah, diwujudkan jawatan guru bimbingan bagi mengendalikan perkhidmatan tersebut. KPM menyedari dan berkeyakinan dengan wujudnya guru kaunseling, guru bimbingan dan guru disiplin akan dapat membantu mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah mampu untuk mengurangkan masalah disiplin kerana murid-murid tersebut akan dirujuk kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling untuk mendapat khidmat kaunseling dari aspek psikologi dan pembinaan sahsiah.

Di samping itu, khidmat bimbingan kaunseling ini juga meliputi bidang akademik, perkhidmatan sosial, kerjaya dan juga psikometri serta Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Ini adalah kerana Program Bimbingan dan Kaunseling yang dilaksanakan di sekolah-sekolah bermatlamat membantu semua murid dan hanya tidak tertumpu pada murid-murid yang bermasalah sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, di mana modal insan menjadi teras kedua, memberi tumpuan khusus kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah akhlak dan juga jati diri pelajar.

Soalan saya, apakah tugas hakiki guru-guru kaunselor atau guru-guru kaunseling di sekolah selain menangani masalah disiplin kerana terdapat pertembungan di antara pendekatan yang dibuat oleh guru-guru kaunseling dengan guru-guru disiplin. Di mana kadang-kadang guru disiplin mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang bermasalah, tetapi guru-guru kaunselor atau kaunseling pula mengambil pendekatan memujuk, dan kadang-kadang memihak kepada pelajar dan mengatakan bahawa guru-guru disiplin tidak sepatutnya mengambil tindakan denda, merotan dan sebagainya.

Apakah pandangan kementerian dan apakah sebabnya terpaksa kita juga mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Disiplin Pelajar di setiap sekolah dan apakah kesannya kepada peranan jawatankuasa ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa guru bimbingan dan kaunseling ini ialah guru-guru yang ditugaskan sepenuh masa. Mereka ini luar *norm* dan kerja mereka ini hanya untuk berikan kaunseling kepada pelajar-pelajar yang bermasalah dan juga kepada pelajar-pelajar yang tidak bermasalah.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi memang tidak dinafikan. Memang kita dapati seolah-olah *overlap* atau bertindih tugas ini, walaupun penerangan-penerangan dan kursus-kursus kita telah jalankan untuk memberikan tugas di antara guru disiplin dan guru kaunseling ini dengan jelas.

Di mana guru disiplin, mereka akan mengambil tindakan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah dan guru-guru kaunseling ini pula mereka akan memberi bimbingan setelah tindakan diambil oleh guru-guru disiplin, supaya pelajar-pelajar ini sedar bahawa tindakan dan hukuman yang mereka dapat ialah kerana kesalahan mereka dan mereka melanggar peraturan-peraturan sekolah. Terima kasih.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanya sedikit tentang masalah yang mungkin ada kena mengena dengan masalah kaunseling ini. Apakah persiapan dan tindakan yang telah dan akan dibuat oleh kementerian untuk menghadapi masalah histeria, iaitu satu masalah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang mana tidak sedar, kemudian menjerit-jerit kerana ini mengganggu sistem pembelajaran di sekolah itu sendiri.

Apabila keadaan ni berlaku kebanyakan kementerian melepaskan kepada pihak sekolah untuk menguruskan ataupun membuat penyelesaian, tetapi daripada segi kementerian apakah tindakan untuk membantu sekolah-sekolah yang saya rasa banyak menghadapi permasalahan ini? Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat mengenai histeria. Guru-guru kaunseling ini kita latih daripada segi psikologi untuk membimbing pelajar-pelajar, tetapi kalau mengenai histeria yang disebutkan, apa yang berlaku di sekolah kita akan cuba pulihkan secara psikologi dan kita asingkan pelajar itu dalam bilik rawatan yang sedia ada di tiap-tiap sekolah.

Sekiranya pelajar ini tidak pulih sudah tentulah kita kena hantar kepada hospital selalunya untuk berjumpa dengan pakar yang lebih arif mengenai penyakit histeria ini. Terima kasih.

10. Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah golongan belia di negara kita dan berapakah daripada jumlah ini yang telah mendaftarkan diri dalam persatuan-persatuan belia di negara kita serta apakah tindakan kementerian dalam perkara tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada buletin perangkaan bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga 31 Disember 2006, terdapat kira-kira 11.02 juta orang yang dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun di negara ini.

Berasaskan kepada statistik keahlian pertubuhan-pertubuhan belia yang merupakan badan gabungan dan badan bersekutu Majlis Belia Malaysia pada tahun 2006 terdapat kira-kira 4.2 juta orang belia yang menganggotai pertubuhan belia.

Sehubungan dengan itu antara tindakan kementerian ini untuk meningkatkan penyertaan golongan belia dalam pertubuhan belia termasuklah:

- (i) memperkenalkan aktiviti berpersatuan melalui ceramah pengenalan di sekolah-sekolah sama ada oleh pegawai-pegawai kementerian atau wakil-wakil persatuan belia;
- (ii) memberi pendedahan kepada peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara tentang aktiviti berpersatuan serta keperluannya dalam pembentukan generasi muda yang cemerlang;
- (iii) kita memperluaskan kempen penamaan ahli persatuan belia di seluruh negara yang digerakkan oleh semua pertubuhan kebangsaan, Majlis Belia Negeri serta persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi;

- (iv) menyemarakkan minat golongan muda untuk terlibat dalam persatuan belia menerusi pelbagai aktiviti menarik di bawah Program Rakan Muda di pelbagai peringkat seperti aktiviti gaya hidup rakan muda, sukarelawan rakan muda, program rakan muda, jiran muda dan lain-lain;
- (v) kita memperkenalkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 bagi memperkasakan persatuan belia di seluruh negara dan memberi fokus terhadap pembangunan persatuan belia secara keseluruhannya;
- (vi) memperkasakan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional khususnya teras pembangunan belia tidak berpersatuan supaya lebih ramai belia lebih terlibat dalam aktiviti berpersatuan; dan
- (vii) mempertingkatkan modul mengenai pengenalan kepada persatuan belia dalam Program Latihan Kepimpinan Belia di semua peringkat di bawah Program Memperkasakan Tenaga Muda. Sekian.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang diberi, kita dapati bahawa lebih daripada 50% daripada golongan belia kita masih lagi tidak ada persatuan belia. Ini menunjukkan bahawa kegagalan kementerianlah untuk menarik para belia untuk berpersatuan.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua ialah, agaknya bilakah jangka masa yang diperlukan oleh kementerian walaupun ada pelbagai cara yang telah dijalankan untuk menarik para belia untuk berpersatuan, tetapi kita nak tahulah sebab perkara ini telah pun dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Dewan begitu kerap tentang belia untuk berpersatuan?

Agaknya berapakah jangka masa yang diperlukan oleh kementerian untuk memastikan setiap belia di negara ini mempunyai persatuan? Apakah program-program yang lebih menarik dan lebih konkrit yang berterusan bagi menarik mereka untuk masuk dalam persatuan belia ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya rasa yang penting belia berpersatuan ini kita tidak wajibkan ia adalah satu aktiviti orang kata sukarelawan. Kita menggalakkan belia berpersatuan kerana ia dapat menanamkan semangat kepimpinan dan pelbagai jenis latihan dapat kita lakukan untuk membangunkan belia tersebut.

Oleh itu kementerian sentiasa mengambil pendirian bahawa persatuan-persatuan belia hari ini adalah rakan kongsi Kementerian Belia dan Sukan dan bersama-sama kita bergerak untuk memantapkan lagi belia kita dalam pergerakan persatuan-persatuan.

Berkenaan dengan tempoh, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum untuk meningkatkan dan memperkasakan persatuan belia kita, di Dewan ini baru-baru ini kita telah luluskan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Saya yakin melalui akta yang baru lulus ini Kementerian Belia dan Sukan dapat mainkan peranan yang lebih aktif untuk membantu persatuan-persatuan belia menarik belia berpersatuan. Saya rasa dalam jangka masa yang pendek kita akan dapat lihat keberkesanan akta ini, sekian.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pihak kementerian. Adakah kerajaan sedar kedudukan belia-belia sekarang ini berbeza dengan belia-belia tahun 80-an dahulu. Walaupun sebahagian besar persatuan belia ini dipimpin oleh orang politik, tetapi pemimpin politik waktu itu memimpin belia ke arah berdikari bukan ke arah pro kerajaan.

Adakah kerajaan sedar di akhir-akhir ini, semangat belia ini sudah luntur kerana campur tangan politik terlalu banyak sehingga semangat juang belia, semangat berdikari sudah lumpuh kerana pemimpin-pemimpin memberi gambaran seolah-olah apabila masuk persatuan belia, kerajaan akan membantu seratus peratus kedudukan mereka.

Ini menyebabkan lemahnya dan adakah kerajaan sedar bahayanya pemimpin-pemimpin khususnya UMNO yang memimpin Gerakan Belia termasuk Belia 4B dan MIC? Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Saya rasa ini satu perkara yang tidak benar langsunglah dan secara tuduhan liar kerana niat itu tidak betul. Belia memang berdikari, belia berpersatuan dan pemimpin-pemimpinnya memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan negara. Oleh itu, kementerian dan kerajaan sentiasa menggalakkan belia kita menyertai persatuan dan memainkan peranan yang penting untuk pembangunan negara.

11. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) butiran angka terperinci jumlah wanita daripada golongan ibu tunggal, daif dan warga tua di seluruh negara khususnya daerah Kinabatangan; dan
- (b) dasar kerajaan dalam meletakkan penanda aras '*Bench Marking*' di atas kejayaan kementerian menangani masalah kebajikan wanita di negara ini khususnya golongan wanita yang berada di luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan banci penduduk dan perumahan negara tahun 2000, jumlah wanita di Malaysia yang terdiri daripada golongan ibu tunggal adalah seramai 126,810 orang, iaitu kira-kira 1.11% daripada keseluruhan penduduk perempuan tempatan yang berjumlah 11,421,258 orang.

Daripada jumlah ibu tunggal tersebut, seramai 20,779 orang ibu tunggal merupakan warga emas wanita yang berusia 65 tahun ke atas. Jumlah ibu tunggal daif di negara ini pada tahun 2005 adalah seramai 20,405 orang. Manakala pada tahun 2006, terdapat seramai 20,601 orang ibu tunggal yang dikategorikan sebagai miskin atau daif.

Kesemua ibu tunggal tersebut merupakan penerima bantuan am, iaitu bantuan sara hidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dengan kadar antara RM80 hingga ke RM350 sebulan. Pada tahun 2005, bantuan berjumlah RM22.8 juta diberikan kepada ibu tunggal miskin ini, dan pada tahun 2006 nilai bantuan yang diperuntukkan untuk golongan tersebut telah meningkat kepada RM30.2 juta.

Selain Skim Bantuan Am, pihak JKMM turut menyediakan bantuan kanak-kanak pada kadar antara RM100 seorang sebulan atau had maksimum RM450 sebulan bagi membantu keluarga miskin untuk menampung perbelanjaan anak-anak mereka yang masih bersekolah. Pada tahun 2006, terdapat seramai 825 orang anak-anak miskin di daerah Sandakan yang meliputi kawasan Parlimen Kinabatangan menerima bantuan ini dengan peruntukan berjumlah RM69,500.

Manakala menerusi Skim Geran Pelancaran, bantuan modal permulaan sehingga RM2,700 seorang diberikan bagi membantu golongan wanita yang berminat untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan. Sepanjang tahun 2006, terdapat seramai 15 orang wanita miskin termasuk ibu tunggal dan warga emas di daerah Kinabatangan yang telah menerima geran pelancaran yang kesemuanya berjumlah RM40,500.

Adalah menjadi dasar kementerian untuk meneruskan usaha-usaha bagi menangani masalah kebajikan golongan wanita di negara ini tanpa mengira sama ada wanita tersebut berada di bandar mahupun di luar bandar. Selain itu, bantuan yang diberikan bukanlah semata-mata dalam bentuk kewangan, malahan bersifat lebih menyeluruh iaitu merangkumi aspek pembangunan rohani, intelek dan motivasi dari wanita terbabit.

Pendekatan menyeluruh sedemikian amat penting bagi mengubah pemikiran dan sikap wanita terbabit agar mereka lebih berupaya dan berdikari bagi memperbaiki taraf hidup mereka sekeluarga. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, isu ibu tunggal, warga tua ini isu nasional, bukan isu Kinabatangan sahaja.

Rata-rata ibu tunggal di Kinabatangan, ini saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua. Dibagi bantuan RM50, RM80 satu bulan. Fikir apa yang hendak diselesaikan RM80, RM60 satu bulan ini Tuan Yang di-Pertua? Dalam kita menghadapi dunia global merdeka 50 tahun, tidak adakah penanda aras baru yang dicadangkan oleh kementerian ini untuk memfokus ibu-ibu tunggal khususnya di luar bandar, yang mereka ini tidak terdedah dengan apa-apa *knowledge* supaya mereka ini juga dibela oleh kementerian ini secara *total*.

Jangan pihak kementerian, Timbalan Menteri cakap membincang isu remeh temeh, yang dibawa oleh pembangkang itu pula menjadi perhatian. Perhatikan mereka ini. Mereka ini aset kita, harta kita. Mereka perlu pembelaan. Dibagi RM80 satu bulan, hendak makan apa? Tambang untuk ambil RM80 ini RM30.

Jadi, macam mana Tuan Yang di-Pertua? Dibagi RM80, tambang RM30? Hendak diambil, wakil anak pun tidak boleh dia kata. Mesti dia juga, sakit pun hendak angkat juga. Sistem apa ini Tuan Yang di-Pertua? Dalam dunia sudah berubah, mentaliti di kementerian tidak berubah. Minta penjelasan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya sebelum JKM untuk beri bantuan kepada seseorang ibu tunggal ini, kita akan menjalankan siasatan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan beli Tuan Yang di-Pertua, beri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan tegur. Tidak apa Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ikut keadaan okey. Seperti apa yang telah saya beritahu tadi, kadarnya antara RM80 hingga ke RM350. Oleh itu, bukan semua ibu tunggal mereka diberi RM80. Sekiranya Yang Berhormat rasa bantuan yang telah disalurkan adalah tidak cukup, Yang Berhormat boleh buat rayuan bagi pihak ibu-ibu tunggal yang berkenaan. Kita memang akan siasat dan kita akan timbang lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah menuju kepada jawapan yang pertama dan jawapan yang kedua, seperti mana dikehendaki oleh peraturan 24 yang ditegur oleh Kota Bharu baru-baru ini apabila Kepong meracau tidak tentu pasal.

Soalannya begini, tadi Yang Berhormat kata bolehlah Yang Berhormat merayu kalau tidak cukup. Maka sekarang saya hendak merayu bagi pihak semua Ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini supaya jumlah RM80 ke RM300 ini hendaklah dinaikkan sesuai dengan keadaan semasa, dan pendapatan rakyat yang telah bertambah. Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai kriteria. Yang Berhormat sebut dalam jawapan yang pertama tadi ialah bantuan ini boleh diberi kepada ibu tunggal, bapa yang keseorangan atau orang tua yang kesepian, orang tua yang tidak ada pendapatan. Yang saya hendak tanya kriteria di antara kita, wakil rakyat yang masuk ke kawasan jumpa orang miskin, jumpa ibu tunggal, jumpa dengan bapa yang tidak ada anak ini. Kriteria kita, kita kata layak. Maka kita tulis surat kepada JKM. JKM pergi, pegawai dia ada kriteria lain.

Yang saya hendak minta sekarang ini supaya ada penyelarasan antara kriteria kita, wakil rakyat ini dengan kriteria jabatan supaya sama. Apabila kita kata orang ini layak, dia pergi terus saja layak. Tiba-tiba kita kata layak pergi insya-Allah kita akan hantar pegawai datang. Pegawai datang kata tidak layak.

Maka kita balik, *who is the authority actually?* Persoalannya dengan izin. Jadi saya hendak minta ada penyelarasan antara wakil rakyat kerajaan dengan kerajaan supaya rakyat mendapat kesenangan daripada dasar yang kita tetapkan. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Melalui rayuan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi saya akan sampaikan kepada kementerian supaya kita dapat buat pertimbangan.

Mengenai kriteria siapakah yang kita akan ikut. Sebenarnya kalau kita sebut kriteria ini, semua orang ada kriteria sendiri. Oleh itu, susahlah untuk kita, JKM ikut semua kriteria yang ditetapkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri atau individu-individu sendiri. Oleh itu, adalah penting JKM mesti menentukan kriteria yang diikuti oleh semua.

Walau bagaimanapun, kementerian pun maklum ada masalah-masalah lagi mengenai bantuan ini. Oleh itu setakat ini kementerian telah menjalankan satu kajian mengenai *welfare reform* dan oleh itu tunggulah, *patient* sedikit dan kita akan mengumumkan selepas *welfare reform* ini diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PERMINTAAN MTUC TERHADAP GAJI MINIMUM
DAN ELAUN KOS KEHIDUPAN (COLA)**

11.31 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk kemukakan Usul yang berikut, bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan ini memberi laluan kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk membawa satu Usul berkenaan perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan iaitu permintaan MTUC terhadap gaji minimum dan Elaun Kos Kehidupan (COLA) untuk sektor swasta dengan potensi menyebabkan tindakan perusahaan secara besar-besaran.

Pada Isnin, 25 Jun 2007, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah mengadakan piket yang telah dihadiri beribu-ribu pekerja di 14 tempat seluruh negara selepas rundingan dengan kerajaan berkenaan Kempen Gaji Minimum RM900 dan Elaun Kos Kehidupan (COLA) RM300 untuk pekerja-pekerja sektor swasta menghadapi jalan buntu.

Seminggu yang lepas, MTUC menyerah satu memorandum tujuh muka surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meminta gaji minimum dan COLA untuk sektor swasta tetapi ianya tidak menghasilkan apa-apa respons bersesuaian.

Mengikut kajian MTUC, kira-kira empat juta daripada sepuluh juta pekerja-pekerja yang diwakilinya menerima gaji di bawah garis kemiskinan. Malahan di Johor Bahru di mana kos kehidupannya cukup tinggi, pekerja-pekerja kilang di sana hanya dibayar gaji serendah RM390. Hotel bertaraf lima bintang di Kuala Lumpur hanya membayar gaji asas sebanyak RM290 sebulan kepada pekerja-pekerja kebersihan dan pelayan-pelayannya.

Perdana Menteri harus mempelopori rundingan tiga hala melibatkan kerajaan, MTUC dan wakil-wakil majikan berkenaan permintaan MTUC terhadap gaji minimum dan COLA untuk mengelakkan teretusnya tindakan perusahaan dan memastikan kedamaian industri dengan adilnya untuk tiga sebab di bawah:

- (i) tindakan susulan terhadap kenaikan gaji sebanyak 35% dan kenaikan COLA sebanyak 100% untuk pekerja-pekerja sektor swasta untuk memastikan bahawa mereka dapat hidup dalam keadaan yang sesuai dengan gaji asas yang adil, khususnya mereka yang berada dalam kategori berpendapatan rendah;
- (ii) negara kita dibanjiri jutaan pekerja *migrant* dengan gaji rendah dan keadaan kerja yang amat tidak memuaskan; dan
- (iii) kehilangan keyakinan MTUC terhadap kemampuan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn untuk menyelesaikan masalah ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Ipoh Timor pada hari Rabu, 27 Jun 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati dan memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sedang meneruskan rundingan dengan pihak Kongres Kesatuan Kerja Malaysia dan pihak Persatuan Kebajikan Majikan Malaysia berhubung dengan tuntutan gaji minimum dan Elaun Sara Hidup untuk pekerja sektor swasta. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[28 Jun 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Sungai Petani untuk menyambung ucapan.

11.36 pg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang lagi sekali untuk saya meneruskan perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan penuntut-penuntut kita dari SMK Simpang Lima, Sungai Besar, Selangor. **[Tepuk]**

Ingin saya sambung lagi perbahasan ini yang mana pada minggu lalu iaitu pada hari Khamis telah saya nyatakan mengenai dengan ranking IPTA. Seperti telah saya sebutkan hari itu, saya juga perlu dapat penjelasan mengenai dengan ranking universiti-universiti tempatan iaitu adakah untuk *diranking* menurut satu, dua, tiga dan sebagainya ataupun menurut kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti berkenaan?

Selain daripada itu juga, saya telah membangkitkan apakah sekiranya besok, agensi yang akan menentukan kursus-kursus yang akan diajar di universiti-universiti yang mana saya bimbang ia akan menjadi sebagai penghalang kepada kebebasan akademik universiti-universiti.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: So, saya perlukan penjelasan itu daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan perkara itu. Selain daripada itu, saya juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Lipis.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Berkait dengan *ranking*, saya pun tidak faham kenapa kita perlu *ranking*? Mengapa kita lihat ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersungguh-sungguh sangat, heboh bercerita tentang *ranking* dan merankingkan universiti kita dengan luar negeri? Sedangkan kita membina universiti yang ada dalam negara kita ini untuk keperluan kita, untuk rakyat kita. Itu yang pertamanya.

Selain daripada kita hendak memasarkan kepada orang luar, tetapi bagi saya, kita *obsess* dengan *ranking* sampai kita sudah tidak ada kerja lain. Di universiti tidak ada cerita lain, *ranking*. Mungkin pelajar pun terabai, tetapi hendak *ranking* itu – *ranking*, *ranking*, *ranking*, tidak ada kerja lain. Jadi mohon penjelasan, perlu sangatkah *ranking* ini sehingga universiti kita kalau tidak ada *ranking* sampai tidak ada kualiti langsung? Mohon penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat dari Lipis. Bukan tujuan saya untuk menghalang mana-mana universiti menawar apa-apa kursus yang hendak ditawarkan.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah bila kita bercakap mengenai dengan *ranking*, dari segi kemampuan sesebuah universiti itu untuk menawar kursus-kursus tertentu. Kalau kita katakanlah sebagai contoh, *ranking* hendakkan universiti yang menawarkan kursus perubatan, misalnya. Jadi adakah antara universiti-universiti yang menawarkan kursus perubatan, apakah kedudukannya?

Itu sebagai di mana mereka dapat bersaing dengan lebih hebat. *Ranking* itu tidak semestinya bila kita letak ia di kedudukan teratas, bukan selama-lama ia teratas. Mungkin katalah misalnya, saya ambil contoh, Universiti Malaya, kursus perubatannya yang teratas kalau dibandingkan dengan USM, misalnya.

Jadi tidak semestinya USM senantiasanya nombor dua. Mungkin pada dua tahun atau tiga tahun, ia akan naik balik. Jadi itu maksud saya. Bukan tujuan untuk katalah universiti yang terke bawah itu adalah universiti yang corot, yang mana tidak ada *student* dan sebagainya, tidak. Itu bukan maksud saya.

Jadi untuk persaingan yang sihat antara universiti-universiti, bukanlah juga untuk kita hendak menyatakan kepada dunia ataupun antarabangsa bahawa di Malaysia ini *ranking*nya adalah yang terbaik. Seperti juga kita melihat seolah-olah yang dilakukan oleh *Times* baru-baru ini mengenai *ranking* universiti-universiti antarabangsa. Bagi saya kita tidak perlu takut dan bimbang kerana apa kursus yang kita tawarkan di sini ialah bagi kesesuaian kita.

Saya juga mahu mempertikaikan - bagi saya, saya lebih lihat *ranking* yang dilakukan pada masa yang lalu ialah lebih bersifat *racist*. *Racist* dalam erti kata bahawa hanya universiti-universiti yang *medium of instruction*nya dalam bahasa Inggeris dan bukan dari segi kursus-kursusnya.

Jadi saya tidak lihat universiti di Perancis, universiti di Korea, universiti di Mesir umpamanya, tidak ada pun yang dimasukkan dalam senarai itu. Ini yang saya mempertikaikan. Ya, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Sungai Petani, ada pula yang mengatakan kalau naib canselor itu datang daripada satu-satu kaum, universiti itu tidak ada kualiti. Bila kaum lain, ada kualiti. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Okey, saya mudah sahaja. Katalah Malaysia, saya berterus terang, adakah naib canselor terdiri daripada bumiputera ataupun naib canselor bukan bumiputera ataupun lelaki atau perempuan? Itu bukan persoalannya.

Bagi saya, saya masih nyatakan di sini kebolehan dan kemampuan seseorang itu untuk dipilih atau dilantik sebagai naib canselor, bukan kerana keturunannya, bukan kerana gendernya, bukan kerana apa-apa. Saya berbalik kepada persoalan akademiknya dan juga kemampuan dia untuk memimpin sesebuah universiti itu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya masih menyusul kepada soalan *ranking* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis. Kalau kita lihat dalam pandangan kebanyakan orang, *ranking* itu penting.

Oleh sebab *ranking* itu *simple benchmarking*, penanda aras untuk membolehkan seseorang masuk ke sana dan ke sini atau mengatakan yang mana taraf *excellent* ataupun mana taraf bukan *excellent*. Ia dianggap penting tetapi apa yang dipandangkan oleh saya sebagaimana juga mungkin daripada Yang Berhormat Lipis berhubung dengan *obsession* dengan izin, kepada *ranking* ini.

Kalau kita hendak tubuh sekolah atau universiti umpamanya, sekolah kita tidak boleh ada satu bangunan mengadakan bermacam-macam sekolah oleh sebab kita berkehendakkan *you must have* bangunan untuk satu kelas atau satu jurusan itu, mesti ada bangunan-bangunan yang berasingan, kita *more important stress on form*.

Jadi apabila kita hendak buat universiti, kita kena tahu berapa ribu ekar tanahnya dan berapa banyak bangunannya, *aesthetic value* yang kita *stresskan*. Jadi akhirnya kita mengejar. Dalam sekolah kita kejarkan A, kalau tidak dapat A, tidak boleh masuk universiti dan sebagainya. *This is all form of ranking* dan begitu juga dalam universiti, kita kejarkan dapat kelas satu, kelas dua, kelas tiga.

Akhirnya kita lihat *form* bukan *substance*, kita lihat bukan dari segi kebolehan universiti itu sendiri. Universiti sepatutnya *stress on human development*. *The centre of this human development* ialah profesor dia. Jadi kalau profesor dia, berapa banyak idea baru atau pemikiran baru yang dia boleh. *He must transcend boundaries and borders*. Dia tidak melihat *all* bimbingan ataupun halangan daripada semua *boundary*. Dia mesti *transcend the borders and boundaries* untuk melihat *what's next for the future*.

Jadi kalau ini tidak dilihat, kita sibuk dengan soalan hendak dapat kelas A, dapat kelas satu, dapat A dan sebagainya, ataupun lihat *ranking* universiti tadi. Kita tidak lihat *what actually the university is doing, whether they achieve excellent in terms of education* dalam konteks *education* itu sendiri ataupun kita hendak lihat oleh sebab *we have satisfied everything*.

Macam ISO juga, garis panduan kita sudah cukup. *That's it ISO* tapi sama ada orang dalam ISO itu *is doing ISO* ataupun tidak, jarang kita *stress*. Ini yang penting.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong, saya rasa ada perkara yang kita boleh bagi petunjuk dalam hal ini.

Iaitu pertama Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan *ranking* adakah dapat *first class, second class* dan sebagainya. Itu saya katakan balik terpulang kepada pihak yang membuat penilaian tadi, apakah kriteria-kriteria yang akan digunakan. Begitu juga adakah kriteria dari segi berapa luas kampusnya, berapa banyak kemudahannya, itu jangan kita ambil kira.

Bagi saya macam Yang Berhormat katakan tadi iaitu apakah kita panggil kemampuan akademiknya. Jadi dari segi sudut apa yang kita hendak *ranking* itu. Macam saya katakan tadi juga, saya beberapa kali bangkit dia mempunyai berapa orang profesor, berapa orang itu dan ini dan sebagainya. Adakah itu menjadi kriteria?

Jadi berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan *substance*. Apakah yang diwujudkan dalam kursus-kursus itu? Apakah kursus-kursus yang akan mendapat tanda aras daripada AKM tadi ataupun AKM yang akan menentukan apa-apa ini? Apakah jangka masa yang akan diambil oleh AKM untuk membuat penilaian bagi sesebuah universiti itu untuk diwujudkan *ranking*?

Soalnya, *obsession* ataupun tidak *obsession* itu bukan soalnya. Soalnya sudah sampai masanya untuk kita melakukan *ranking*, kalau ini dapat saya cadangkan kepada pihak AKM untuk sama ada hendak buat *ranking* ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan. Ada dua, tiga di sini.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ada dua. Tuaran dulu, selepas itu Sabak Bernam dan Pasir Puteh.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Bercerita tentang kualiti dari segi *ranking* dan kriteria-kriteria Yang Berhormat sebutkan tadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau kita lihat, ambil salah satu daripada kriterianya ialah dari segi *employability of graduate*.

Maknanya kita mohon yang lain, tetapi akhirnya apabila *graduate* keluar, dia tidak boleh digunakan dalam pasaran pekerjaan, *they are not employable* maknanya. Pada hari ini, inilah cabaran kita yang paling besar di negara kita yang beribu-ribu graduan tidak boleh diserapkan, tidak boleh digunakan atau tidak boleh di*employed* oleh pasaran pekerjaan. Jadi apakah ini yang kita mahu lihat sebagai satu *ranking*?

Maknanya kalau satu universiti, katakan kalau dia masuk ke universiti ini, peluang ataupun pihak majikan berebut-rebut mengambil graduan daripada universiti tertentu. Kalau universiti tertentu, langsung dia tidak mahu tengok sebab memang kualitinya rendah. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Ini sangat relevan dengan sahabat saya daripada Tuaran.

Sabak Bernam selalu menyatakan bahawa dia *concern* berkaitan dengan *ranking* tetapi lebih utama daripada *ranking* itu ialah *marketability* siswazah itu, dengan izin. Jadi kita lihat kalau di Sabak Bernam sendiri, kita ada 32 orang siswazah "tanpa pekerjaan". Itu "tanpa pekerjaan", sepatutnya tidak ada siswazah tanpa pekerjaan kecuali dia sendiri hendak menganggur.

Namun, apa yang lebih penting saya hendak tanya daripada Sungai Petani seperti apa yang disebutkan oleh Tuaran tadi ialah tidakkah apabila seseorang pelajar itu masuk ke institut pengajian tinggi, pihak kerajaan harus mengkaji tentang keperluan pasaran.

Jadi maknanya apabila pelajar-pelajar itu ataupun siswa-siswi itu keluar daripada universiti nanti, mereka sudah pasti mendapat pekerjaan. Jadi apa pandangan daripada Sungai Petani dan saya sebenarnya menyokong berkaitan dengan *ranking* dan juga *rating* tersebut. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuaran dan Sabak Bernam. Tadi saya lihat juga adakah soalan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh hampir sama?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan, penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Penjelasan, maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, jangan lama sangat ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Penjelasan ini, adalah hampir sama matlamatnya, tetapi tidak sama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Sungai Petani. Saya hendak tanya dalam Majlis Agensi Kelayakan Malaysia ini, lapan orang yang agama di peringkat profesional, peringkat yang hadhari, bolehkah dimasukkan seorang dalam lapan orang ini?

Begini Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kalau Agensi Kelayakan Malaysia ini hendak mencapai matlamat, iaitu matlamat untuk melahirkan manusia yang berbudaya tinggi, mempunyai daya juang, sanggup melaksanakan tugas dan tanggungjawab dan patuh kepada arahan-arahan kerajaan.

Biarlah pembangkang tak patuh. Dia kurang patuh pun tak apa, dia kata dekat kita, tetapi kita kena patuh. Hendak lahir ini boleh tak, kalau kita masuk kira dalam Majlis Agensi ini, orang-orang yang berkhaliber, *senior* mufti, ambil seorang misalnya. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya rasa apabila untuk menjawab penjelasan yang dikehendaki oleh Pasir Puteh, saya akan bincangkan juga mengenai dengan pelantikan kepada jawatankuasa tadi, saya akan masukkan.

Jadi, saya belum lagi ada ruang untuk menyatakan penjelasan itu. Cuma yang saya hendak *respond* kepada Yang Berhormat Tuaran dan Sabak Bernam, hampir sama. Cuma pihak Yang Berhormat Tuaran menyatakan mengenai dengan adakah kita hendak *ranking* sesebuah universiti itu berdasarkan sama ada graduannya itu dapat pekerjaan ataupun tidak.

Sekiranya ramai yang dapat pekerjaan, adakah *ranking* universiti itu akan menjadi yang teratas sekali? Bagaimana pula universiti yang mana graduannya tidak mendapat pekerjaan? Adakah universiti itu akan diturunkan *rankingnya*? Bagi saya mudah sahaja, iaitu universiti tidak seharusnya bergantung sama ada *graduate* ataupun graduannya itu dapat pekerjaan ataupun tidak?

Bagi saya, tugas universiti ialah menghasilkan mahasiswa yang berilmu. Itu tujuannya, sebab kursus-kursus yang diambil. Itu tugas universiti. Universiti bukanlah tujuannya, dia masuk universiti sekarang, dia boleh terus menerus dapat pekerjaan. Tidak, tidak semestinya. Pada zaman saya, betul. Pekerjaan tunggu graduan, bukan graduan menunggu pekerjaan.

Jadi, hari ini kita dapati oleh sebab kita mempunyai kalau tidak silap saya, 20 buah universiti, jadi universiti-universiti ini jangan takut dan jangan bimbang bahawa graduan-graduan ini, mereka dapat pekerjaan atau tidak, itu bukan persoalan dia. Persoalan dia, *graduate* ataupun mahasiswa yang hendak membuat kursus-kursus berkenaan, adakah dia mendapat pasaran kemudiannya?

Ataupun bidang macam kita katakan hari ini, adakah dia hendak ambil bidang *engineering*, sains ataupun bidang perubatan yang mana menjamin pekerjaan ataupun bidang sastera yang tidak ada ruang dalam dunia pekerjaan, misalnya. Jadi...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Oh, sekejap ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Sungai Petani. Kalau begitulah pandangan Yang Berhormat Sungai Petani, saya amat khuatir. Sebab kita ini semakin banyak universiti dan kalau pandangan kita setakat untuk memberi ilmu, melahirkan graduan. Selepas itu, kita tidak memikirkan soal *employability*, soal pekerjaan, saya amat khuatir.

Sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya ke semua universiti ini mengambil inisiatif untuk membuat jalinan kerjasama dengan pihak industri, pihak syarikat-syarikat dan sebagainya. Akhirnya ini akan menjadi salah satu daripada kriteria untuk *ranking*. Maknanya, kita ini *responsive* kepada keperluan pasaran.

Jika setakat memberi ilmu, jadi ilmu ini subjektif. Ilmu apa? Ilmu apa yang kita mahu ceritakan ini? Sebab akhirnya kita pun merasa malu yang graduan kita ini menjadi *salesgirl* ataupun dia bekerja jadi juru jual dan sebagainya. Ditanya, dia graduan daripada universiti. Sekali pandang kita lihat, apa punya universiti ini, apa kita sudah buat? Kenapa kita buang duit, kenapa buang...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Faham, penjelasan dari Sungai Petani. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Ya, Yang Berhormat daripada...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bila menyentuh soal *ranking*, ini saya rasa merupakan langkah yang positif sebenarnya. Menunjukkan komitmen kepada pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan.

Cuma dari segi rang undang-undang berkaitan Agensi Kelayakan Malaysia ini, kita berharaplah supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan satu unit yang khusus untuk memantau keadaan ini. Sebab hari ini kita tengok, banyak pihak tertentu yang beria-ia sangat untuk menubuhkan universiti-universiti. Seheinggakan kadang-kadang kita rasa seolah-olah bagai cendawan yang tumbuh.

Sedangkan hasilnya itu ataupun graduan-graduan yang tamat dalam pengajian, sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, tidak ada pekerjaan. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, adakah dengan penubuhan beberapa universiti yang dirancang, yang baru, agensi ini akan dapat memantau dengan lebih baik supaya *ranking* ataupun *rating* akan dapat dilaksanakan dengan tepat? Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat adalah dalam lebih lima minit lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Eh, tidak. Itu tidak ditentukan masa Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba cepat sedikit.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar, dengar...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebab oleh kerana rang undang-undang ini begitu tebal Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya mengambil masa...

Tuan Yang di-Pertua: Terus kan ya, jangan buang masa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, saya akan teruskan, insya-Allah. Menurut Yang Berhormat Batu Pahat, saya terima pandangan Yang Berhormat itu, dan saya percaya mereka pun sedang memikirkan dari segi soal untuk membuat *ranking* dan juga apa-apa kursus yang mereka fikirkan perlu ataupun tidak.

Begitu juga Yang Berhormat daripada Tuaran, juga bangkitan lagi sekali macam yang saya katakan. *Ranking* ini saya hendak cadangkan begitu mustahak dan penting. Kalau kita memikirkan tentang pekerjaan dan sebagainya, itu banyak faktor dia. Antara lain, ialah bergantung kepada ekonomi negara kita. Misalnya, adakah dia ada ruang untuk pekerjaan?

Jadi, saya tidak bimbang kalau dia memulakan pekerjaan sebagai *salesgirl* ataupun *salesman*. Mengapa tidak? Jadi, dia boleh naik selepas daripada itu. Jangan takut. Oleh sebab dia ada *degree*, dia tidak boleh bekerja pekerjaan yang rendah. Ini tidak baik *attitude* ataupun sikap yang tidak baik.

Berbalik kepada soal Sabak Bernam juga bangkitkan mengenai dengan graduan kita dapat pasaran atau tidak? Sekali lagi saya tegaskan, universiti bukan menentukan pasaran. Kalau kita memikirkan, masuk sahaja universiti, keluar ada kerja. Itu bukan kerja universiti.

Soalnya ialah pihak mana? Sumber manusiakah hendak memikirkan ini? Itu soal lain. Universiti memang jelas. Tugasan dia untuk mengadakan kursus-kursus dalam pelbagai bidang dan tahap-tahap bidang tertentu. Jadi, saya juga...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...Ya, ada Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat, belakang Sabak Bernam tadi. Belakang...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Belakang Yang Berhormat, tengok...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Saya dahulu. Saya ingat Yang Berhormat...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ya, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Maaf saya, sekejap...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya rasa pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani Tuan Yang di-Pertua, saya ingat agak berbahaya dan sensitif sedikit kalau dibawa ke Sabak Bernam. Maksudnya begini, anak kami ini sudah masuk universiti, tetapi nampaknya tidak ada pekerjaan. Elok saya ambil dalam konteks yang biasa sahaja.

Jadi maksud saya ini tadi, bukanlah saya hendak meletakkan satu bebanan khusus kepada Kementerian ini, tetapi di sebaliknya, satu agenda permuafakatan dengan jabatan ataupun Kementerian-kementerian yang lain harus diadakan. Supaya apabila seseorang itu keluar daripada universiti, maka dia akan mendapat pekerjaan. Ini termasuklah dengan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat supaya jalinan kerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain diadakan agar siswazah yang keluar daripada universiti dalam masa yang terdekat dan singkat boleh dia mendapat pekerjaan, dan kalau dia terlibat dengan PTPTN, dia boleh membayar hutangnya dengan segera. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya bersetuju sama sekali. Ya, Yang Berhormat Batu Pahat. Kuala Lipis.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Saya juga apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa kursus yang ditawarkan di dalam universiti tadi tidak berdasarkan kepada faktor pekerjaan.

Saya ambil contoh, kalau kata bidang geologi. Adakah sehingga sekarang bidang geologi dibuka pada peringkat awal tahun 80-an? Bidang geologi merupakan satu bidang yang hangat, ramai orang masuk. Masa itu Petronas pun baru dibuat, baru ditubuhkan, tapi, penumpuan ataupun dah penuh.

Begitu juga bidang ICT yang ada sekarang. Jadi adakah Yang Berhormat menyatakan bahawa dengan universiti yang ditubuh dan membuatkan bidang pengajian yang terbuka, masing-masing membuat yang lebih katakan sama, tidak mencerminkan bahawa akhirnya akan menyebabkan graduan yang dilahirkan tidak dapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa universiti sepatutnya adalah tempat mengajar pengetahuan dan ilmu, itu pokok asas.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Universiti adalah tempat mengajar pengetahuan dan ilmu, bukan untuk menyediakan seseorang dengan pekerjaan. Jadi, kita kena melihat kalau nak tempat penyedia pekerjaan bagi saya ialah pusat latihan, *specialize*. Universiti, dia mengajar *knowledge*, ilmu dan ada *wisdom* sepatutnya di dalam seseorang. Bila dia keluar itu, minda dia terbuka, punya *holistic view* dan itu yang sepatutnya.

Jadi sekarang ini, timbul persoalan ialah kenapa atau bagaimana banyak universiti yang mengadakan kursus-kursus yang terlalu *specialize* menyebabkan kadang-kadang seseorang pelajar, dia tak dapat nak bergerak dah, kerana dia khusus sangat dalam sesuatu bidang sehingga kalau kita nak letakkan dia di bidang-bidang yang lain, dia seolah-olah macam tak mampu dan tak upaya sebab bagi saya, universiti adalah untuk mengajar pengetahuan, ilmu dan *wisdomnya*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu Pahat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Arau pula bangun Yang Berhormat. Bagi jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, Arau dia bekas pensyarah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Petani. Sebagai bekas pensyarah universiti, saya rasa dan saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Sungai Petani.

Universiti itu adalah satu tapak di mana kita, orang kata membangunkan semangat berdikari dan membina *foundation* untuk pelajar-pelajar ini bila dapat satu ijazah, sekeping kertas yang mengatakan dia dah mencapai satu standard daripada universiti itu, dia keluar tetapi semangat berdikari itu patut ditanam di situ.

Sebagaimana yang saya sendiri *experienced* di mana saya dapat *Masters* di dalam bidang sains ternakan, dalam orang kata *beef technology* dengan izin, bila saya balik ke Malaysia tidak ada kerja. Jadi di situlah saya selepas jadi pensyarah, saya jual baja kimia, saya jual kosmetik dan kosmetik Kepong, sebab itu kulit saya elok dan maknanya kita janganlah mengharap sahaja apa yang kita belajar itu kita kena kerja itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tapi Yang Berhormat, yang kat atas tak berkesan ya?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Yang itu, saya tak, tak... baja itu baja untuk tanaman sahaja. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat daripada...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ada kaitan sikit.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat daripada Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ada kaitan sikit Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sungai Petani. Ini mengenai dengan pensyarah *ranking* juga. Kebanyakan pensyarah ini yang dia dok ada, kita tumpukan kementerian ini kepada *qualification* dia, tetapi kita tidak lihat dari segi pengalaman yang dapat diberi kepada pelajar-pelajar. Ini pun satu masalah.

Sedangkan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam satu-satu bidang kita tidak ketengahkan. Kita cuma dari segi *qualification* sebab itulah pelajar-pelajar ini dari segi kemahirannya kurang. Bila ditemu duga, asyik macam lepasan bukan universitilah, macam sekolah menengah aja. Ini telah pun kita boleh temu duga di pejabat-pejabat yang nak ambil surat-surat sokongan daripada Parlimen.

Jadi, kita rasa mutunya begitu rendah. Ini juga *ranking* daripada pensyarah-pensyarah itu sendiri. Bagaimana pendapat Sungai Petani jika sekiranya kita buka luas *ranking* ini kepada pensyarah-pensyarah yang lebih berpengalaman supaya dapat diatasi perkara ini kepada universiti-universiti yang dok ada 22 ini.

Kita dok tengok yang baru-baru yang tidak ada kepakaran, tapi yang lama-lama yang ada kepakaran, kita ketepikan. Kita tidak ketengahkan supaya pelajar-pelajar ini dapat mengambil contoh-contoh ataupun kemahiran-kemahiran yang ada di peringkat bekas-bekas universiti-universiti ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...Apa ini pensyarah-pensyarah ini. Bagaimana pandangan dan pendapat Sungai Petani? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Jadi, saya bercakap di sini untuk menggabungkan pandangan Batu Pahat, Lipis dan Arau.

Saya rasa, saya juga ada pandangan saya dan ada pandangan-pandangan saya yang dipersetujui iaitu pandangan saya mengenai dengan universiti kerana saya dah bertugas dengan universiti selama 23 tahun sebagai pensyarah. Jadi, saya faham sangat, misalnya *student* saya daripada *batch* akhir 70-an misalnya, yang pada ketika itu lulusan dia hanya Sejarah.

Saya mengajar dalam bidang Politik, dia bidang Sejarah, tetapi pada masa itu, peluang untuk menyertai Bank Negara. Ramai mereka boleh memasuki Bank Negara. Dia tidak perlu juga bidang *accountancy* ke apa bidang. Namun, hari ini oleh kerana peluang pekerjaan terutama sekali apa kita panggil di sektor awam misalnya amat terhad, tapi malang juga di sektor swasta tak banyak pekerjaan walaupun kerana pekerjaan-pekerjaan tadi sudah diisi.

Lagipun, saya boleh katakan macam saya sebutkan tadi. Itu masih bergantung pada ekonomi, kalau ekonomi kita begitu baik, pertumbuhan begitu baik, maka dengan mudah saja boleh dapat pekerjaan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Macam saya dengar, ramai daripada pelajar kita, graduan kita yang berkelulusan *Business Studies* umpamanya, mereka tidak ada peluang, nak suruh dia buat jual *beef burger* ke apa ke, 'Oh, saya ada ijazah, kenapa saya jual *burger*?' Ini saya rasa tidak semestinya gitu. Sebab itu saya bersetuju...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...Dengan pendapat, pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Arau tadi.

Universiti bukan tujuan dia untuk bila dia masuk saja, *register* universiti, saya keluar saya mesti ada pekerjaan. Kalau tidak kita akan tuduh universiti hari ini gagal untuk mengeluarkan graduan yang boleh dapat pekerjaan. Pekerjaan itu bergantung kepada banyak perkara.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Boleh tambah, boleh tambah pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan? Tebrau.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkas-ringkaslah Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, ya. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya rasa mungkin kita perlu cadangkan kepada universiti untuk melihat kepada kurikulum universiti yang diguna pakai.

Satu perkara yang perlu kita memfokuskan ialah tentang multidisiplin. Graduan-graduan kita perlu mempunyai kemahiran yang *versatile*. Jadi, perkataan *versatiliti* itu perlu diberi perhatian supaya mereka serba boleh. Dari segi kurikulum, kalau dia terlalu menumpu kepada satu bidang sahaja misalnya Sejarah, jadi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanyalah, jangan berucap ya.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, ya. Jadi dia punya pandangan mungkin terlalu sempit dan tumpu kepada perspektif Sejarah sahaja. Kalau kita boleh menambahkan *versatiliti* dia supaya dia lebih *versatile*, lebih multidisiplin dan pandangan dia lebih multiperspektif. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya saya boleh buat satu respons kepada Yang Berhormat bahawa ini yang sedang dilakukan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyatakan kepada universiti.

Adakah *multidisciplinary* kursus-kursus yang berbentuk sedemikian rupa boleh menjamin pekerjaan? Mereka juga telah mengajukan cadangan kepada universiti-universiti kalau tak silap saya. Yang Berhormat Menteri boleh buat penjelasan ini kemudian, untuk bagaimana nak melihat graduan kita mempunyai *soft skill*.

Kalau dikatakan masalah *soft skill* untuk dapat pekerjaan, misalnya cara dia bertutur, cara dia berkomunikasi dan sebagainya, itu telah dilakukan. Malah saya tahu semua universiti boleh dikatakan bahagian kaunseling dia mengadakan macam-macam program dari segi untuk kita kata *carrier week*lah, *carrier days*lah, dan sebagainya.

Ini juga untuk dapat membekalkan graduan-graduan kita apabila mereka meninggalkan universiti dengan sekeping ijazah, seperti kata Yang Berhormat bagi Arau tadi sekurang-kurangnya mereka itu ada kemampuan, berkebolehan. Jadi berbalik kepada Yang Berhormat bagi Arau tadi saya amat bersetuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ada, ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Janganlah panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian bangun pula Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalanlah Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Betul, mengenai dengan universiti tanggungjawab dia untuk memberi asas kepada seseorang pelajar itu dari segi disiplin akademiknya.

Jadi itu terpulang, kita kata bergantung pada kemampuan dan kebolehan seseorang itu untuk mendapat ilmu-ilmu yang berkenaan malah saya telah memberi nasihat kepada pelajar-pelajar saya dulu bagi mereka yang lulusan sastera misalnya, mereka boleh pula mengambil berbagai-bagai-bahasa misalnya. Kita perlu jurubahasa, kita perlu juga *translator*, kita perlu macam-macam lagi.

Misalnya kalau dia lulusan pengajian Islamnya, dia ada juga ruang dia, tidak semestinya bila kita kata bila dia lulusan Syariah, Usuluddin maka harapan dia cukup buntu. Berapa ramai kita hendak ambil kadi, berapa ramai kita hendak ambil pegawai agama? Jadi kalau yang tidak dapat pekerjaan ini, mereka dianggap sebagai gagal ataupun *drop out* dan sebagainya. Jadi saya balik kepada perbincangan saya...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sungai Petani sebagai bekas seorang pensyarah tentu faham apa yang dikatakan dengan izin, jangan kita jadi macam, *Jack of all trades, master of none*.

Kita hari ini berlumba-lumba hendak buat banyak universiti, kursus banyak tetapi apa sebenarnya yang, *what went wrong* yang ada pada hari ini apa sebenarnya masalah dengan isu-isu yang dihadapi oleh universiti pada hari ini? Adakah kita perlu banyak universiti?

Sudah 50 tahun kita tidak pernah menang satu anugerah pun, Nobel Laureate tidak pernah menang. Jadi apa sebenarnya masalah yang kita ada pada hari ini? Minta penjelasan kepada bekas pensyarah tersohor ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya tahu Yang Berhormat bangkit itu, kita tidak pernah pun menghasilkan Nobel Laureate. Saya rasa Nobel Laureate ini dia datang sekali sekala..

Walaupun kita dapati universiti-universiti telah pun membuat bermacam-macam *research*, insya-Allah saya rasa saya masih ada keyakinan universiti kita masih berkemampuan, tetapi Yang Berhormat bangkitkan tadi *what's wrong what went wrong*. Jadi saya hendak kata *what went wrong* macam saya katakanlah, kita buat universiti ini untuk memberi peluang lebih ramai, lebih terbuka kepada anak-anak muda kita untuk mendapat ilmu pengetahuan peringkat *tertiary*.

Jadi jangan bimbanglah Yang Berhormat, saya tahu pihak PAS akan membuat tuduhan berkali-kali, kalulah kita kata buat Universiti Malaysia Kelantan misalnya, mereka akan kata juga, bolehkah mereka dapat pekerjaan? Ini berapa lagi universiti hendak buat. Semalam kita tengok Universiti Malaysia Pahang pula, bila lagi kita hendak buat. Itu jangan bimbang Yang Berhormat, jangan takut dalam soal ini.

Jadi saya hendak balik juga perbincangan saya, adakah kita hendak banyakkann universiti ataupun kita hendak banyakkann politeknik? Soal dia. Itu masih jadi perbincangan dan perbahasan kita yang tidak kunjung padam. Saya akan teruskan, tadi kita bercakap mengenai dengan *twining*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani, kena gulunglah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan selain daripada ini perkara kita panggil *ranking* tadi kita sudah lebih jauh pergi.

Saya hendak bangkit di sini ialah mengenai dengan universiti-universiti luar dengan izin, *foreign universities* yang bertapak di negara kita. Apakah AKM akan membuat penentuan kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti luar? Umpamanya dari Australia, Britain ataupun dari mana sekalipun. Apakah AKM akan berperanan dalam hal ini ataupun kita langsung tidak berkemampuan untuk membuat teguran ataupun untuk menyatakan kursus-kursus apa yang boleh diajar dan kursus-kursus apa yang tidak boleh diajar?

Jadi, apakah AKM akan berperanan dalam universiti-universiti luar yang bertapak di pantai-pantai kita iaitu di Semenanjung mahupun di Sarawak, saya dengar khabar. Selain daripada itu, begitu juga dengan kursus-kursus *twining* antara universiti luar dan universiti swasta tempatan. Dalam hal ini juga, apakah pihak AKM akan bertanggungjawab dengan kursus-kursus yang dalam program *twining* antara universiti luar dan dengan universiti tempatan ataupun dengan kolej-kolej tempatan? Ini juga saya perlu dapat jawapan.

Selain daripada itu saya juga ingin menyatakan mengenai dengan penilaian kita, apakah sesebuah kolej swasta itu boleh dinaiktarafkan universiti kolej dan pada pemahaman saya universiti kolej dia mesti ada universiti ibu dia untuk mengeluarkan dia punya ijazah. Universiti kolej itu tidak boleh keluar ijazah. Jadi saya perlu penjelasan. Apakah beza universiti kolej dan yang tidak universiti kolej dan ada yang setengah pula universiti kolej tiba-tiba boleh dinaiktarafkan sebagai universiti?

Jadi ini juga kita perlu tahu apakah pandangan dan apakah tindakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi? Perkara yang saya hendak bangkitkan juga ialah jangka masa bagi satu-satu program. Khususnya yang saya lihat di sini ialah mengenai dengan *foreign students* yang mengikuti beberapa kursus di negara kita. Apakah mereka diberi ruang masa untuk menghabiskan satu-satu program itu dalam jangka masa yang tertentu?

Di sini bila saya bercakap dengan penuntut-penuntut asing, bukanlah hasrat dan niat kita untuk menyekat pelajar-pelajar luar untuk datang belajar di negara kita. Saya tidak mahu kita menjadi tempat yang mana mengehadkan pelajar-pelajar asing. Saya lihat perkembangan ini cukup sihat, dalam surat khabar hari ini kita lihat penuntut dari negeri China, Indonesia, Somalia, datang belajar di negara kita, kita mengalu-alukan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, Sungai Petani maafkan saya ganggu sedikit mengenai dengan pelajar-pelajar asing ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkas Yang Berhormat, janganlah berucap panjang.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kita sering dengar pelajar-pelajar asing ini membawa masalah sekarang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat sebagai bekas pensyarah?

Kita galakkan, kita mengalu-alukan mereka datang tetapi bila mereka ini membuat masalah umpamanya pelacur dan sebagainya sering kita baca dan kita tengok. Apa pendapat atau pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Adakah kita hendak galakkan perkara ini ataupun adakah pihak kementerian akan menghantar balik pelajar-pelajar asing yang membuat masalah di negara ini? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Pagi tadi kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri pun telah beri jawapan mengenai dengan pelajar-pelajar asing. Jadi saya juga telah bangkit perkara ini dalam minggu lepas.

Oleh yang demikian, apakah kita hendak buat saringan kepada mereka yang membuat permohonan kepada universiti-universiti tempatan khususnya IPTS? Apakah kelayakan mereka membolehkan mereka untuk mengikuti kursus ataupun tidak? Adakah ini akan diberi tumpuan khusus oleh pihak AKM?

Selain daripada itu, saya ingin juga mencadangkan kepada pihak kementerian sudah sampai masanya walaupun saya tahu ada Bahagian Pelajar-pelajar Asing. Kenapa tidak kita wujudkan jabatan pelajar-pelajar asing di kementerian sendiri untuk memantau dan mengikuti pelajar-pelajar, ataupun pelajar-pelajar yang mempunyai masalah?

Bagaimanakah mereka boleh dapat bantuan daripada kementerian ataupun jabatan yang terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi ataupun boleh atau tidak kita wujudkan jabatan penuntut-penuntut asing di universiti-universiti yang kita rasa ramai pelajar asing yang sedang menuntut di negara kita. Oleh itu kita dapat menyelaraskan pengambilan kursus-kursus mereka tadi. Selain daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan ucapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, saya hendak bangkitkan mengenai dengan perkara 126 dan juga 115. Apakah perlunya kita kalau tak silap saya mengenai penggunaan perkataan LAN kalau dengan ada akta ini, kenapakah tidak terus luputkan saja LAN? Kenapa LAN mesti wujud balik?

Kalau kita ambil perkara 115 Akta Lembaga Akreditasi Negara dimansuhkan dan Lembaga Akreditasi Negara dibubarkan, tetapi apabila kita masuk dalam perkara 126 ia masih sebut di sini 'agensi boleh terus menggunakan nama Lembaga Akreditasi Negara bagi maksud mengekalkan nama baik atau bagi apa-apa maksud yang disifatkan patut oleh agensi tadi.' Jadi saya perlu penjelasan daripada pihak kementerian apakah ini sebagai teknikalnya sahaja?

Begitu juga dengan perkara 124 iaitu mengenai dengan prosiding. Apakah jenis tindakan undang-undang yang kita hendak lakukan sekiranya kolej-kolej swasta terutama sekali, ataupun IPTS yang melanggar undang-undang ini? Apakah hukuman? Apakah naib cancellornya akan dipenjarakan ataupun diapa-apa sekalipun? Jadi, apakah hukuman sekiranya mereka melanggar segala macam undang-undang kita?

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan iaitu kursus-kursus yang diluluskan oleh pihak AKM dan sekiranya bagi IPTS untuk membuat *advertisement* ataupun mengiklankan kursus-kursus yang ditawarkan, perlukah ia mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak AKM? Oleh kerana ramai daripada kita, saya dapati daripada ibu bapa rasa tertipu dengan pengiklanan daripada IPTS tadi.

Di mana kononnya menawarkan kursus-kursus tertentu, tetapi sebenarnya mereka tidak ada pun menawarkan kursus itu. Cuma sebagai daya tarikan sahaja mereka lakukan ini. ini perlu diambil kira oleh pihak AKM untuk menjamin supaya kursus-kursus yang diiklankan itu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak AKM.

Selain daripada itu, apakah agensi boleh dapat jaminan mengenai dengan pelantikan ahli-ahli jawatankuasa didalamnya seperti yang dibangkitkan oleh Pasir Puteh tadi? Saya hendak melanjutkan sedikit mengenai dengan ini, iaitu dia bersabit juga dengan perkara jadual orang-orang yang berkepentingan dilantik untuk menghadiri mesyuarat AKM.

Jadi saya bangkitkan di sini ialah pelantikan-pelantikan ahli jawatankuasa itu. Apakah mereka yang mempunyai Tan Sri, Datuk ataupun Tun yang akan dilantik daripada berdasarkan kemampuan, kebolehan ataupun kedudukan dia sebagai profesor dalam pelbagai bidang tadi akan dilantik? Jadi tak mahulah kita dengar pelantikan itu akan dilakukan ke atas orang-orang yang mempunyai kepentingan dalam IPTS menduduki dalam *board* tadi.

Akhirnya dia akan buat *recommendation* itu, *recommendation* ini yang saya anggap di sini akan menjadi sebagai dengan izin, *conflict of interest*. Jadi bila berlaku *conflict of interest* dia akan menjual kolej dia ataupun universiti kolej dia. Dia akan mempengaruhi badan tadi dan dengan itu mereka malu alah akan ikut cakap dia.

Jadi inilah saya tak mahu dan satu lagi macam saya sebutkan tadi kerana kedudukan dia sebagai Tan Sri umpamanya, maaf saya cakap. Bukanlah saya anti Tan Sri ataupun kedudukan dia Tun ataupun kedudukan dia Datuk maka dia dilantik, walaupun dia tidak ada kemampuan dan kebolehan. Ini yang saya hendak minta AKM lihat perkara ini.

Jadi sekali lagi, yang akhir sekali yang saya bangkitkan di sini ialah mengenai dengan IPTS-IPTS yang tumbuh seperti cendawan dan sebagainya. Apakah pihak AKM akan memberi penilaian yang sebaik mungkin? Saya bukan kata IPTS tidak baik. Ada beberapa IPTS yang mencapai tahap yang begitu baik. Itu kita beri sokongan penuh kepada mereka.

Akhir kata sebelum saya menyokong, saya terus ingin membangkitkan lagi beberapa perkara yang telah saya bangkitkan agar dapat jawapan yang baik. Antaranya ialah kes mengenai dengan Universiti Malaya, apakah ia dianggap tidak layak dan tidak ada kualiti maka ia hendak dipindahkan kepada kawasan yang baru. Jadi apakah ini sebenarnya yang berlaku ke atas nasib Universiti Malaya?

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kerana berani membawa rang undang-undang ini iaitu Agensi Kelayakan Malaysia 2007 sebagai satu anjakan ke hadapan untuk menjamin kelayakan negara kita di tahap yang tertinggi. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai lagi hendak bercakap Yang Berhormat. Ya, Puchong.

12.27 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cakap sedikit sahaja. Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan satu rang undang-undang yang agak penting untuk pendidikan pengajian tinggi di negara kita ini.

Juga saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana akhirnya telah membawa satu rang undang-undang yang memberi makna yang penting kepada pembangunan pendidikan khususnya pendidikan pengajian tinggi negara kita.

Saya lihat daripada risalah yang saya terima iaitu AKM ataupun Agensi Kelayakan Malaysia ini atau dalam bahasa Inggerisnya *Malaysia Qualification Agency*, peranan yang telah dinyatakan di sini ialah tiga iaitu pembangunan modal insan ataupun *human capital development* dengan izin, globalisasi dan juga kepentingan kebangsaan atau kepentingan nasional kita.

Isu yang saya ingin mendapat pandangan dan juga penjelasan daripada kementerian ini ialah mengenai bagaimana peranan AKM sejajar dengan IPTS dan IPTA yang ada sekarang ini? Bagaimana kita boleh membangunkan modal insan sejajar dengan keperluan tenaga manusia, khasnya kita banyak rancangan ataupun wawasan tertentu seperti Wawasan 2020 ataupun Pelan Induk Industri yang ketiga yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tahun lepas dan juga bekas Perdana Menteri kita pada tahun 1991.

Daripada angka-angka yang saya terima, mengenai IPTS iaitu lebih daripada 21 IPTS yang ada, atau yang bertaraf universiti kolej dan lebih daripada 500 IPTS yang mengendalikan peluang-peluang pengajian tinggi untuk pelajar-pelajar kita dan juga pelajar-pelajar dari luar negara...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat berkeyakinan dengan adanya Akta Agensi Kelayakan Malaysia ini, maka IPTA kita akan mengeluarkan bilangan pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang, tetapi boleh menguasai keadaan. Bukan sahaja lulus dalam peperiksaan, mendapat *certificate* yang cemerlang tetapi tidak *marketable*.

Apakah Yang Berhormat juga berkeyakinan dengan adanya akta seumpama ini, di IPTA, IPTS kita, maka pensyarah-pensyarah dia terdiri daripada golongan bukan sahaja profesional, tetapi mereka terdiri daripada yang berkualiti. Iaitu mempunyai komitmen dan latar belakang mereka terdiri daripada *master holder*, bukan lagi dari sarjana muda. Minta penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Mengenai isu kualiti, tujuan utama AKM ialah untuk mempertingkatkan lagi kualiti *graduate-graduate* kita, itulah harapan yang penting untuk kita, tetapi mengenai isu *marketability*, kita akan masuk selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini telah berlaku dan satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah isu mengenai kualiti, *quality graduate* yang ada hubung kait dengan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu mengenai isu penawaran dan juga permintaan selepas *graduation* untuk pelajar-pelajar kita.

Saya anggap bahawa IPTS dan IPTA ini sebagai, seolah-olahnya satu kilang untuk mengeluarkan *graduate* ataupun pelajar-pelajar yang berilmu ini untuk pembangunan negara. Manakala AKM ini atau MQA ini sebagai satu konsep *quality control* ataupun kita mempunyai satu kawalan kualiti.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita belajar konsep-konsep pengurusan AKM ini sebagai seolah-olah dulu yang kita panggil untuk *total quality management*, iaitu TQM yang selalu kita tekankan. Namun, masalah sekarang ialah kita memerlukan 21 IPTA dan juga lebih daripada 500 IPTS, yang mana kita setiap tahun mempunyai *more than 200* ribu *graduates* ini. Adakah penawaran ini akan diminta oleh pihak industri?

Kalau tidak ada mengapa? Pada hari ini kita tengok ada yang kata bahawa *graduate-graduate* kita tidak ada pekerjaan yang tetap ataupun langsung tidak mendapat pekerjaan yang tertentu. Apa gunanya kalau kita ada satu kilang ataupun seolah-olah satu kilang ini mengeluarkan *graduate-graduate* yang dia dapat pekerjaan. Saya tadi mendengar daripada Yang Berhormat Sungai Petani berkata bahawa *graduate* yang berilmu.

Saya menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Tuanan bahawa yang paling penting sekali ialah dalam sebuah negara yang membangun ini, kita mesti mempunyai satu sistem. Apakah penawaran kita ataupun *graduate* kita ini mestilah mendapat pekerjaan yang baik supaya dasar-dasar negara dan wawasan negara dapat dicapai mengikut masa yang ditetapkan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga Yang Berhormat bangun. Pasir Puteh, Jasin.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sabak Bernam dahulu, selepas itu Jasin.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Isu pekerjaan ini selepas pelajar keluar dari universiti atau selepas *graduation*, dengan izin adalah penting dan kritikal. Kita bukan bercakap mengenai 1,000 - 2,000 orang. Kita bercakap mengenai puluh ribu dan seperti kata Yang Berhormat Puchong sebut, setiap tahun ratus ribu mereka menjadi siswazah.

Jadi mereka ini adalah golongan yang terpelajar. Mereka ini berada di universiti. Kita beri dia ilmu. Kita memperkenalkan kepada pelbagai kemahiran untuk persediaan mereka keluar apabila mereka di alam pekerjaan, tetapi saya lihat di sini, ada suatu ketidakadilan apabila kita memberikan fokus kepada pengajian tinggi dalam konteks kerjaya ini.

Sebenarnya pihak kerajaan telah mewujudkan pelbagai kementerian. Kalau yang khusus itu ialah Kementerian Sumber Manusia, begitu juga dalam konteks pembangunan usahawan, kita ada Kementerian Pembangunan Usahawan. Begitu juga dengan kementerian-kementerian yang lain, yang boleh menyediakan peluang pekerjaan yang begitu baik. Kalau kita menyebut mengenai dana bagi siswazah, saya ingat berpuluh-puluh dana.

Oleh kerana itu, apa pandangan Yang Berhormat supaya kementerian-kementerian yang lain yang melihat siswazah kita ini sebagai golongan yang cerdas pandai mempunyai kebolehan tertentu, yang telah terdidik supaya mengambil tanggungjawab bersama memastikan bahawa mereka ini mendapat pekerjaan mengikut kesesuaian seseorang itu. Kita tidak boleh *tune* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Jangan berucap sebenarnya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...Seseorang itu... Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Puchong. Mengapa tidak Yang Berhormat mengesyorkan kepada kerajaan supaya apa sahaja kelulusan ataupun latihan yang dibuat oleh kementerian-kementerian ini dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi, barulah kita mempunyai satu... yang boleh kita kawal.

Sekarang ini tentang kemahiran. Kementerian Sumber Manusia selepas itu kementerian-kementerian lain pula ada kursus yang lain. Saya berharap yang mana berkenaan dengan kemahiran dan juga pengajian tinggi ini biar satu kementerian sahaja yang *handle*, supaya kita dapat jaga mutu pelajar-pelajar kita. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya memang menyokong pandangan daripada Jasin dan juga mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya juga bersetuju bahawa pendedahan pelajar-pelajar kita di industri-industri tertentu sebelum dan selepas mereka *graduate* ini adalah sangat-sangat penting. Inilah yang saya hendak masuk Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya sedikit lagi Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada berkaitan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja. Yang Berhormat sedarkah, bahawa saya melihat kebanyakan graduan kita yang menganggur ini terdiri daripada jurusan-jurusan seperti akauntan, ICT, *business administration*, kelulusan statistik, *e-commerce*, sastera ini semua tidak berpasaran.

Jadi kenapa kementerian dan agensi kerajaan yang lain tidak berhasrat mencari satu jalan penyelesaian sehingga kita boleh mengeluarkan, kita *shortage*, kekurangan doktor, kita kekurangan farmasi, kita kekurangan *electrical engineer*, kenapa tidak diminta pelajar-pelajar cemerlang ini diisi di dalam subjek yang sedemikian. Kenapa diberi yang tidak *marketable* langsung? Minta penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itu yang saya hendak masuk ini, iaitu isu yang kita selalu kata *mismatch* dengan izin, iaitu kadar penawaran dengan permintaan pasaran. Apakah *graduate-graduate* kita ini betul-betul boleh memenuhi keperluan dasar-dasar negara ataupun wawasan negara?

Ini sangat penting kerana saya tahu, selepas beberapa *incident* dan sekarang ini saya berharap serta mencadangkan kepada kementerian bahawa mesti mengkaji semula, apakah satu pelan keperluan tenaga manusia kita di dalam negara ini mengikut keperluan pasaran dan juga sejajar dengan keperluan dasar-dasar negara?

Sebagai contoh hari ini apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan memang betul, mengapa ada kursus-kursus tertentu yang tidak mendapat pekerjaan tertentu? Mengapa ada kursus yang kekurangan *graduate* ataupun pakar-pakar kita? Ini sejurus dengan apa yang saya akan bangkitkan dan sejajar dengan apa yang dibangkitkan oleh Jasin tadi.

Banyak pembaziran telah berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ada universiti akan offer *English Course* kononnya selepas *graduate*, ini bermakna adakah ini gambaran bahawa *graduate* untuk universiti itu tidak *competent* dalam bahasa Inggeris. Selepas itu *graduate* kita menjalani latihan enam bulan atau satu tahun.

Ini bermakna apa yang telah *trained* dalam pengajian tinggi kita ini adalah tidak kompeten untuk masyarakat dan keperluan industri. Ini bagi saya adalah pembaziran bukan dari segi wang ringgit sahaja tetapi dari segi masa mereka. Bagaimana dengan tekanan emosi kepada *graduate* kita? Bagaimana dalam masa jangka masa panjang bagi imej dan reputasi pengajian di negara kita? Ini adalah satu isu yang kita mesti *address*kan.

Saya cadangkan kepada kementerian bahawa mesti bekerjasama ataupun panggil Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Kewangan ataupun kementerian-kementerian lain yang berkaitan, duduk semeja. Kita fokus dan anjurkan dalam Wawasan 2020 yang akan datang ini, berapakah jumlah *graduate* daripada bidang kedoktoran yang kita hendak? Berapa *graduate* yang kita hendak daripada *lawyer, engineer...*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Seterusnya ini adalah satu unjuran kita dan inilah cara kita untuk memberikan gambaran yang sepatutnya kepada masyarakat dan pembangunan negara kita supaya pembaziran tidak berlaku seperti yang saya nyatakan tadi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Pasir Puteh dulu, selepas itu Maran.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Yang Berhormat Puchong, sahabat saya yang saya kasihi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tengok Yang Berhormat Puchong ini sudah macam Menteri. Semua orang hendak bertanya soalan kepadanya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya. Saya hendak menyingkap pandangan Yang Berhormat Puchong sebab dia bijak mengkaji sikap ini. Apabila AKM lepas kita luluskan nanti, saya yakin bahawa satu taraf peningkatan tanggungjawab yang boleh dijamin. Apabila *graduate* yang kita lahirkan ini dijamin, saya hendak minta *create job*, siapa agensi saya tidak kira kena sediakan peluang-peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Puchong, saya dapat gambaran dalam kepala saya. Dulu *zero* sekarang sudah ada sedikit. [Ketawa] Bahawa ada sesetengah syarikat-syarikat di bawah GLC ada buang kerja dan ambil orang luar. Cuba *check*. Setuju atau tidak kalau kita buat satu R&D seluruh, contohnya, Syarikat Kenderaan Bas Kelantan.

Beberapa Ahli: Wah!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tolong buat kajian, ini satu benda yang patut kita ambil sebagai *benchmarking*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Buang kerja tidak payahlah buat R&D, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya tengok masalah graduan menganggur ini banyak, memang kita akui dan telah ditimbulkan oleh beberapa orang sahabat kita supaya kerajaan buat kajian balik.

Saya hendak membawa sedikit, memang menjadi hakikat dan realiti bahawa manusia ini tidak sama. Begitu juga IQ manusia ini tidak sama. Mungkin ada pelajar yang mampu kerana kekuatan IQnya yang lebih, dia boleh pergi ke tahap yang lebih. Mungkin ambil perubatan dan sebagainya.

Bagi saya, oleh kerana kita menyedari bahawa kalau kita memberikan pelajar-pelajar ini belajar ke pusat pengajian tinggi, akhirnya mereka tidak mempunyai pekerjaan, bahkan ibu bapa telah mengeluarkan belanja wang yang banyak dan kerajaan juga, tetapi akhirnya mereka kecewa. Bahkan yang membimbangkan lagi ialah ramai daripada graduan ini terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap itu. Sekarang ini Puchong yang berucap, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit saja. Saya faham. Saya hendak berikan pandangan kepada kerajaan. Suatu ketika dulu bumiputera kurang terlibat dengan perubatan sains dan sebagainya. Mewajibkan setiap pelajar yang mencapai cemerlang dalam Sains, Kimia, Fizik dan sebagainya dikehendaki supaya masuk dalam bidang Sains dan Perubatan. Apakah salahnya kerajaan memastikan supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong yang berucap, Yang Berhormat. Yang Berhormat minta kementerian...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya, minta Puchong memberikan pandangan kepada kerajaan supaya kerajaan boleh membuat kajian untuk pastikan supaya kursus-kursus yang kita hendak adakan ini adalah kursus-kursus yang boleh melahirkan graduan yang boleh mendapat pekerjaan dan mengikut kehendak pasaran semasa. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Yang Berhormat Maran. Itu yang hendak saya nyatakan tadi. Saya sudah jelaskan bahawa kita mesti menyelesaikan masalah *mismatch* ini. Jangan kita hanya mementingkan kuantiti sahaja iaitu berapa jumlah *graduate* yang kita akan keluarkan setiap tahun daripada IPTA dan IPTS.

Kuantiti itu penting dalam sesuatu tahap pembangunan tetapi bagi saya setakat ini, kita sudah memasuki suatu era di mana pembangunan negara ini mesti diberikan fokus dan tumpuan kepada kualiti *graduate* kita dan juga mesti memberi tumpuan kepada isu penawaran dan permintaan oleh pasaran. Pasaran ini termasuklah pihak kerajaan, agensi, jabatan dan seterusnya.

Untuk isu yang telah dibangkitkan oleh Pasir Puteh tadi, saya bersetuju. Itulah yang saya cadangkan bahawa kita mesti mempunyai satu kajian yang menyeluruh mengenai keperluan tenaga kita ini termasuklah tenaga kerja daripada bas dan juga sistem pengangkutan yang lain. Ini adalah satu kajian yang bagi saya sangat penting kerana bukan sahaja kita ingin mengurangkan pembaziran yang saya nyatakan tadi, tetapi yang penting adalah mengenai satu hala tuju mengenai pembangunan tenaga manusia. Pimpinan Kerajaan Barisan Nasional ini memberikan tekanan kepada pembangunan modal insan ini. Ini sangat-sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada dua isu lagi yang amat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cepat habiskan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu adalah cadangan saya. Saya harap dapat sedikit pandangan dan penjelasan daripada pihak kementerian. Isu yang kedua ialah mengenai kualiti yang seragam. Bagaimana kita boleh memberi pengawalan kualiti yang seragam sejajar di antara IPTS dan IPTA.

Secara umumnya, kita tahu bahawa fokus penggunaan bahasa di dalam IPTA ini - saya daripada IPTA iaitu dari USM, *graduate* dalam tahun 1989 dan penggunaan bahasa Malaysia bagi saya itu adalah sangat penting dalam IPTA tetapi *reference books* ataupun buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, kita ada IPTS yang ada dengan *twinning programme*, dengan izin, dengan universiti-universiti terkemuka dalam dunia ini yang penggunaan bahasa selalunya bahasa Inggeris.

Ini bermakna kalau secara logiknya - ini juga saya ingat boleh memberikan sedikit jawapan kepada mengapa *graduates* kita daripada IPTA secara umumnya tidak boleh diterima dengan secara lancar oleh pihak swasta oleh kerana mungkin kerana penguasaan bahasa Inggeris mereka kurang sedikit kalau dibandingkan dengan IPTS yang mempunyai *twinning programme* khasnya dengan universiti-universiti yang terkemuka dalam dunia ini.

Saya hendak tanya bagaimana dengan adanya AKM ini agar kita boleh menyelaras atau kita boleh mengurangkan jurang perbezaan ini ke suatu tahap yang lebih *acceptable*. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pihak swasta bukan mereka tidak ingin mengupah *graduates* daripada IPTA tetapi kerana permintaan ataupun *nature of job* dengan izin, mereka memberikan *emphasis* kepada bahasa tertentu.

Maka ini merupakan satu penekanan kepada penggunaan bahasa tertentu dan bagaimana AKM ini dapat mengurangkan jurang ini supaya memberi satu peluang yang lebih adil kepada semua *graduate* daripada IPTA dan IPTS supaya mereka *compete* antara satu sama lain dalam pasaran tenaga manusia yang sedang meningkat di dalam negara kita ini.

Isu yang akhir sekali yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu mengenai peranan MQA ataupun AKM ini untuk meningkatkan standard dan kelayakan supaya kewibawaan pengajian kita ini dapat dipertingkatkan dan juga mengenai *credit transfer* yang telah dinyatakan di dalam ini kerana saya dapati bahawa sebagai contohnya, Yang Berhormat Menteri, pengiktirafan sekarang ini dengan IPT ataupun universiti-universiti terkemuka di dalam dunia ini, kita mesti membuat satu pelan ataupun satu pendekatan yang berbeza.

Saya harap supaya AKM ini dapat diberikan satu nafas baru kepada pembangunan perindustrian pendidikan di negara kita ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, apalah salahnya kalau menjalankan kajian yang mendalam, bagaimana kita boleh bekerjasama dengan IPTA ataupun Kerajaan Malaysia ini melalui kementerian Yang Berhormat, memberi pengiktirafan ataupun *credit transfer* yang tertentu kepada universiti-universiti tertentu yang terkemuka di dalam dunia ini.

Sebagai contoh, universiti-universiti yang terkemuka di China, seperti University of Beijing, University of Ching Hwa, University of Cheow Tong di Shanghai ini adalah merupakan universiti yang terkemuka, di mana universiti-universiti yang terkemuka di Amerika Syarikat sebagai contoh, MIT, Harvard, Stamford semua ini Cambridge of America telah mengiktiraf mereka ini.

Kita mesti membuat suatu pengajian dan juga suatu perbandingan yang lebih khusus lagi, supaya pembangunan standard kita, pembangunan kelayakan kita dapat dipertingkatkan dengan suatu *bench mark*, dengan universiti-universiti yang lebih terunggul ini. Kita tidak semestinya tumpukan perhatian kepada universiti terkemuka di China.

Kalau di Indonesia kita ada universiti yang baik, kita *bench markkan* dengan dia ataupun dengan Singapura ataupun dengan negara-negara lain seperti Filipina ataupun dengan negara lain, sebagai contoh. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Menteri adalah seorang *graduate first class honors* dari University of Melbourne, *for example*. University of Melbourne adalah sebuah universiti yang *top three* di Australia.

Bukan senang sebagai seorang Malaysia untuk mendapat *first class honors* daripada sebuah universiti yang terkemuka di Australia, sebagai contoh. Jadi ini adalah satu *bench marking* yang kita mesti lakukan. Kita mesti mempunyai satu pendekatan yang lebih baru dan juga suatu nafas yang baru supaya semua ataupun kualiti pengajian atau pelajaran tinggi dapat dipertahankan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga perkara dalam akta ini saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang pertama ialah mengenai lantikan Majlis Agensi Kelayakan Malaysia ini. Mengikut perkara 11(2) ini, Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, dengan pengecualian anggota di bawah perenggan (b) hingga (g). (b) ini termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif yang di bawah majlis ini adalah tidak dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Namun pada masa yang sama, iaitu perkara 12(2) ini menyatakan, Majlis boleh memberikan Ketua Pegawai Eksekutif arahan khusus yang selaras dengan peruntukan akta ini berkenaan dengan kuasa dan fungsi Agensi dan arahan itu tidak selaras dengan arahan am Menteri di seksyen 8, dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan arahan itu.

Ini bermakna satu CEO yang tidak akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi beliau terpaksa mengikut arahan Menteri ini. Saya bimbang, kalau CEO yang boleh *care along well* dengan izin, dengan Yang Berhormat Menteri, tidak ada masalah. Bagaimana dengan seorang CEO yang tidak dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi tidak boleh menjalankan tugas sejajar dengan Yang Berhormat Menteri.

Bagaimana untuk mengurangkan ataupun boleh mengurangkan konflik untuk bertanggungjawab di dalam Majlis ini. Itu sahaja yang saya hendakkan pandangan dari Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua ialah mengenai pelantikan Ketua Eksekutif juga dalam perkara 21(6) iaitu mengenai, Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, untuk membantu Ketua Pegawai Eksekutif. Saya melihat, apakah kewajarannya untuk kita melantik lebih daripada seorang sebagai Timbalan CEO dalam sesuatu organisasi atau Majlis?

Saya tidak tahu, sebab ini pandangan saya. Mungkin kalau kita ada banyak Timbalan CEO ini, adakah isu itu berkesan dan juga pembaziran berlaku bukan sahaja dari segi wang ringgit. Kalaulah berlaku sesuatu perkara yang tidak sejajar dengan objektif dan fungsi Majlis, bagaimana kita boleh menyelesaikan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, itu saya hendak bangkitkan untuk kali ini. Saya di sini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa rang undang-undang ini supaya kualiti dan juga prestasi pendidikan pengajian tinggi ini dapat dipertingkatkan. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran.

12.55 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyingkap suatu laporan yang dibuat oleh *MVD International* iaitu sebuah syarikat yang menjalankan perkhidmatan penyiasatan dan risikan mengenai gejala pemalsuan sijil akademi dan kurikulum institut pengajian tinggi tempatan dan luar.

Di dalam siasatan ini didapati bahawa sebanyak 20,000 kes pemalsuan dokumen diri yang disiasat di seluruh negara semenjak tahun 2000, kira-kira 10% membabitkan kes pemalsuan sijil akademik.

Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak lari daripada masalah sijil palsu dan dikatakan bahawa ia menular di kalangan masyarakat kita, bukan sahaja di kalangan kakitangan awam, kakitangan pekerja sendiri dan swasta, di kalangan ahli perniagaan, mungkin di kalangan ahli-ahli politik kerajaan dan pembangkang.

Maknanya ini suatu masalah yang serius, yang harus dilihat oleh kementerian. Bukan sahaja melihat kesannya mengambil tindakan terhadap mereka yang bekerja di perkhidmatan awam, tetapi melihat masalah ini sebagai suatu masalah besar yang harus ditangani di setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Mungkin kita tidak melihat kesannya jika mereka bekerja di luar daripada perkhidmatan awam, tetapi jika ijazah palsu ini digunakan sebagai bukti, sebagai landasan untuk mempromosi makanan herba, bahan kesihatan, bahan-bahan kecantikan dan sebagainya, ia akan memberi kesan kepada masyarakat kita.

Banyak syarikat MLM ini yang memberikan bahan kukuh terhadap produk mereka, melalui *background* seseorang yang mempunyai kelayakan Ph.D dan sebagainya. Sebagai untuk mempromosi ia sebagai bahan kukuh untuk mempromosi produk-produk yang diketengahkan kepada masyarakat Malaysia.

Adakah kerajaan tidak melihat ini sebagai suatu perkara serius yang harus dikaji, disiasat? Bukan sahaja mengkaji kelayakan sijil-sijil ijazah yang ada pada kakitangan awam, tetapi bagi mereka yang menggunakan sijil palsu ini, yang boleh memudaratkan masyarakat di negara ini. Saya tidak melihat perkara ini di *address*, ditangani dalam rang undang-undang ini selain daripada mengkaji, menyasiat ijazah yang digunakan dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa perkara-perkara ini harus dilihat. Banyak kaedah untuk mendapatkan ijazah palsu. Bukan sahaja kertas itu palsu, tetapi ada modus operandinya yang seolah-olah ijazah yang diperolehi daripada universiti itu sebagai suatu ijazah yang tulen. Ada universiti luar negara ini yang mengizinkan pendaftaran seseorang itu dan dua tahun atau tiga tahun kemudian barulah ijazah dikeluarkan daripada universiti berkenaan.

Ini mungkin satu kes konflik. Suatu kaedah yang kompleks dan mungkin susah disiasat oleh kementerian. Maknanya ijazah yang dikeluarkan itu, adalah ijazah tulen daripada universiti tersebut, tetapi hakikatnya seseorang itu tidak pernah ke universiti. Walaupun dalam rekod universiti, mereka adalah pelajar universiti kerana ijazah hanya dikeluarkan selepas dua tahun atau tiga tahun seseorang itu mendaftar sebagai penuntut di sesuatu universiti.

Dalam kes yang beginilah yang harus dibuat penelitian rapi oleh kementerian. Untuk menentukan bahawa ijazah yang dikeluarkan oleh universiti *especially* universiti yang *directly* oleh kerajaan. Banyak kes yang berlaku. Banyak iklan-iklan di akhbar yang kita lihat, seorang yang mendapat ijazah kedoktoran daripada universiti yang *directly* oleh kerajaan.

Umpamanya Universiti Preston, ada kakitangan kerajaan yang dihantar ke universiti ini untuk mendapatkan ijazah dan ijazah sarjana, tetapi ada seseorang yang tidak pernah ke luar negara boleh mendapat ijazah kedoktoran daripada universiti yang *directly* ini. Maknanya kaedah untuk mendapatkan universiti itu boleh dibuat secara legal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak habiskan? Ada lagi masa dua, tiga minit.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...Hakikatnya ijazah yang dikeluarkan itu merupakan ijazah yang tidak menepati syarat-syarat dan kehendak. Ya, boleh sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sambung petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dijemput Beluran sambung ucapan.

2.33 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung apa yang saya berhenti tadi. Lebih serius jika kita tidak mengambil berat tentang modus operandi seperti apa yang saya katakan tadi kerana *qualification*. Ijazah yang diperolehi daripada secara tidak betul ini, terutama ijazah pertama boleh digunakan sebagai *entry qualification* untuk mereka menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di universiti tempatan.

Kalau itu berlaku bererti ada kecacatan dari segi kelayakan masuk seseorang itu, tetapi akhirnya nanti akan menjadi *legal* apabila mereka mendapat ijazah sarjana daripada universiti tempatan. Perkara ini harus dilihat oleh kementerian agar ia tidak berlaku. Dalam konteks yang sama, pengiktirafan kita terhadap universiti-universiti yang sudah sekian lama ini harus dikaji oleh kementerian terutama dalam era internet, di mana *degree*, ijazah pertama, ijazah sarjana boleh diperolehi dengan cara-cara yang tidak betul dengan menggunakan universiti yang diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada keperluan untuk agensi kelayakan Malaysia, apabila ditubuhkan kelak untuk menggantikan LAN. Melihat perkara ini dan membuat *house cleaning* terutama di kalangan Ahli Parlimen, di kalangan Dewan Undangan Negeri dan di kalangan mereka yang berangan-angan untuk menjadi pemimpin negara ini. Kerana perkara ini harus dilihat sebagai satu perkara yang telus, perkara yang tidak ada unsur penipuan pada diri sendiri, kepada masyarakat yang akan mereka wakili kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Saya mahu minta penjelasan Yang Berhormat Beluran. Pada masa sekarang begitu ramai orang kita di Malaysia ini gila dengan gelaran Dr, kedoktoran, Ph.D macam-macam. Jadi kadang-kadang kita nampak yang tidak sepatut menyandang pangkat itu pun ada juga yang menyandang pangkat itu.

Macam mana pandangan Yang Berhormat? Haruskah kerajaan membuat satu garis panduan supaya orang yang menggelar diri mereka doktor ini, diambil tindakan supaya tidak mengelirukan rakyat. Lebih-lebih lagi apabila mereka menggunakan gelaran itu untuk memasarkan sesuatu yang mereka tidak layak pasarkan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Memang saya sudah katakan tadi Yang Berhormat, memang saya setuju dan itu merupakan inti pati ucapan saya, perbahasan saya hari ini. Saya memberi insiden, seorang pemimpin di sebuah negeri yang beria-ia untuk mendapat gelaran doktor ini, berurusan dengan satu universiti tetapi tidak yakin mendapat *title* itu daripada universiti yang satu ini. Kemudian berurusan juga pada masa yang sama dengan universiti yang lain untuk mendapatkan gelaran doktor, Ijazah Ph.D.

Akhirnya kerana sogokan yang cukup, kerana mekanisme yang cukup, kedua-dua universiti ini telah menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada seorang ini. Jadi pada masa yang sama, beliau telah mendapat dua *title* doktor daripada dua universiti. *See how serious it is*. Ini merupakan perkara yang serius. Kita tidak boleh *confine* siasatan kita, keperluan untuk mendapatkan ijazah yang betul untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan sahaja. Tidak boleh!

Agensi pada ketika ini harus melihat *title* doktor ini tidak boleh digunakan secara sewenang-wenang. Biar mereka yang layak, dari universiti yang diiktiraf dengan melakukan kajian yang sepatutnya memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh universiti. Sebab itu kita mesti ada satu badan yang dapat mengawal penggunaan *title* doktor ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya memang tertarik dengan hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kepalsuan *degree-degree* atau ijazah ini.

Satu aspek yang kita, *I think* belum bincang ialah mengenai universiti-universiti yang dikatakan *distance learning* ataupun dengan izin, ataupun universiti yang kita belajar sesuatu secara maya (*distance learning*). Kita sekarang dalam era internet, mereka juga menawarkan *degree* ataupun ijazah-ijazah yang berbentuk pertama ataupun ijazah sarjana muda, yang kedua *masters* ataupun sehinggalah Ph.D.

So, adakah Yang Berhormat bercadang bahawa kalau dalam akta ini pun kita, saya pun tidak nampak ada satu *distance learning* di bawah kawalan ataupun di bawah pemantauan daripada agensi ini. So, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita mesti juga mempunyai satu proses pengawalan yang lebih ketat lagi terhadap universiti-universiti yang saya telah nyatakan tadi kerana unsur-unsur pemalsuan ini mungkin juga akan berlaku di masa depan dengan adanya proses perkembangan teknologi ICT ini yang mungkin akan menjadi faktor utama di mana pemalsuan ini berlaku di masa-masa hadapan, di negara kita ini dan juga ijazah-ijazah daripada luar negara. Apa pandangan Yang Berhormat Beluran?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kementerian sendiri mempunyai *information* terhadap kolej, universiti yang mengiklankan kursus-kursus Ph.D. Ada kolej dan universiti di luar negara yang boleh memberi Ph.D setelah seseorang itu mengikuti kursus dalam jangka enam bulan hanya dengan menghantar enam *assignment*. Habis enam *assignment*, dianugerahkan Ph.D.

Saya setuju dengan Puchong. Tentunya kementerian mempunyai mekanisme, jika serius mahu mengawal salah guna *title* Ph.D di kalangan masyarakat di Malaysia ini. Tentu ada mekanisme daripada kursus yang diiklankan. Tentu ada pemantauan daripada pihak kementerian untuk melihat ijazah doktor falsafah ini tidak diperoleh dengan cara-cara yang sedemikian, dengan cara mendapatkan ijazah palsu pada tahap pengajian tertinggi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih saya sahabat saya dari Beluran. Saya ingin mendapat pandangan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Beluran. Kalau kita lihat sekarang ini seseorang yang menggunakan *title* doktor di pangkal namanya kita tidak boleh membezakan sama ada dia doktor perubatan atau doktor falsafah.

Kalau kita tengok ada sistem di Indonesia, saya difahamkan ini merupakan satu sistem antarabangsa. Kalau doktor perubatan ditulis dengan 'D' huruf besar dan 'r' huruf kecil. Kalau doktor falsafah itu ditulis dengan 'D' huruf besar dan 'R' huruf besar. Saya rasa ini satu pendekatan yang baik kerana ini tidak boleh mengelirukan orang awam sama ada seseorang itu doktor perubatan ataupun doktor falsafah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Beluran ke atas perkara ini?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya setuju tetapi itu merupakan isu yang lain kerana di kalangan dukun pun ada yang mengaku diri mereka sebagai 'D' huruf besar, 'r' huruf kecil. Di kalangan dukun, tukang urut, *technical assistant*, itu isu yang lain, tetapi isunya adalah *the fact degree* sama ada doktor *medical* ataupun ijazah falsafah kedokteran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam, bagi jalan Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya rasa pertikaian kita bukan di antara mereka yang merupakan doktor perubatan ataupun doktor falsafah.

Apa yang lebih menakutkan kita apabila seseorang menggunakan *title* doktor padahal hendak bertutur dalam bahasa pun tidak reti, itu yang menjadi masalah kerana mereka membeli *title* itu dengan harga RM12 ribu kerana di US, ada enam ribu syarikat universiti di mana tiga ribu adalah universiti tulen dan tiga ribu lagi adalah merupakan satu tempat yang menjual ijazah, itu berlaku di Amerika.

Kalau kita tengok di Honolulu, Hawaii mereka cuma ada satu bilik kecil dengan seorang kerani dan menjual bagi konvokesyen. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah dengan adanya MQA ini? Adakah kita dapat membanteras orang yang menggunakan *title* ini daripada kita membuat pertikaian sama ada 'DR' besar atau 'Dr' huruf kecil?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Ayer Hitam. Ada di kalangan ahli politik yang juga mendapat ijazah daripada *Hawaiian University* ini. Satu bilik kecil yang kerjanya hanya fotostat mesin. Itulah yang dikatakan masalahnya, kita tidak ada pemantauan, tidak ada undang-undang untuk menghalang seseorang itu daripada menggunakan *title* doktor ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, saya akan gulung. Sebab itu saya rasakan perkara ini serius, ahli-ahli politik, pembangkang pun ada, orang kerajaan pun ada...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kudat

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya memang begitu tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Beluran berkaitan dengan mereka-mereka yang begitu gilakan gelaran-gelaran sebegini.

Saya ingin berkongsi satu pengalaman iaitu seorang yang saya kenal hanya mempunyai kelulusan darjah enam, tetapi disebabkan beliau ini adalah seorang ahli perniagaan yang agak berjaya, beliau telah dapat membeli satu gelaran doktor. Beliau hari ini ke sana ke mari dengan gelaran doktor dan sebahagian besar orang yang mengenali beliau mengetahui bahawa beliau tidak mempunyai kelulusan yang setara.

Satu kes tertentu di mana satu ketika dahulu seorang yang telah dilantik untuk bekerja di sebuah bank di mana saya berkhidmat dulu. Beliau ini telah menjawat satu jawatan yang begitu penting di dalam perkhidmatan bank yang mengaku bahawa dirinya mempunyai kelulusan *chartered accountant* sehingga bank tersebut telah melantik beliau ke satu jawatan yang agak tinggi iaitu sebagai *audit manager*.

Namun, ada orang yang mengenali beliau dan mengetahui beliau tidak lulus dan tidak menghabiskan pelajaran beliau di dalam *chartered accountant* dan melaporkan kepada pihak bank dan bank telah membuat *search* di luar negara dan mengetahui bahawa beliau memang tidak lulus di dalam *chartered accountant course* yang beliau ikuti itu. Akhirnya beliau telah dilucutkan jawatan.

Inilah satu masalah yang akan timbul yang boleh *infiltrate* dalam semua bidang bukan sahaja di jabatan kerajaan, bank apatah lagi sekiranya ia *infiltrate* kepada bidang-bidang profesional seperti perubatan yang boleh membahayakan kepada profesion tersebut dan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang pelik tu Yang Berhormat, orang itu tidak malu. [Ketawa]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, ini merupakan contoh-contoh di mana masalah ini harus di ambil perhatian. Sebab itu saya katakan tadi agensi ini sebagai permulaan, haruslah membersihkan *title*, gelaran-gelaran doktor ini.

Dengan membersihkan *certificate* yang diperoleh oleh seseorang itu sebagai *entrance qualification* untuk masuk ke universiti tempatan akan dapat dikawal melalui penubuhan agensi. Saya pergi kepada tajuk yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang ada sekarang ini, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi kemudian Kementerian Sumber Manusia kemudian Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Belia dan Sukan. Keempat-empat kementerian ini menganjurkan pendidikan dalam satu cara ataupun yang lain, tetapi semua menuju kepada pengajian tinggi.

Umpamanya MLVK, di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pelajar yang lulus daripada MLVK ini boleh masuk ke peringkat ijazah dan masuk di Kolej Universiti Teknikal Malaysia. Masalahnya, kita tidak ada pemantauan di peringkat MLVK. Ianya tidak jatuh, tidak *falls* dalam pengawasan Agensi Kelayakan Malaysia ataupun LAN sebelum ini kerana saya melihat soalnya, di mana agensi, di mana kementerian yang mengawal menetapkan *benchmark* untuk institusi-institusi kemahiran di negara kita.

Seperti saya katakan tadi, di bawah Kementerian Sumber Manusia, MLVK, 16 Institut Latihan Perindustrian dan lima buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTECH), termasuk juga Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) di Pulau Pinang. Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Institut Kemahiran MARA dan Maktab Kerjasama Malaysia. Semuanya mengarah kepada pengajian di peringkat ijazah pertama.

Masalahnya, institut di bawah kementerian lain daripada Kementerian Pengajian Tinggi ini, tidak termasuk dalam pengawasan LAN dan tentunya tidak masuk dalam pengawasan AKM ini kelak. Jadi, tidakkah kerajaan memikirkan tiba masanya sekarang ini agar semua aspek pendidikan sama ada teknikal ataupun pendidikan yang lain harus jatuh dan di bawah pengawasan satu agensi sama ada di Kementerian Pengajian Tinggi ataupun Kementerian Pelajaran.

Yang ini harus kerajaan lihat dan tentukan, selaraskan agar bukan sahaja institut-institut di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dikawal oleh LAN, tetapi institut-institut di bawah kementerian-kementerian lain yang menjurus kepada pengajian ijazah, harus dikawal oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat habiskan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat tiba masanya untuk kementerian ini mewujudkan satu tribunal bagi mengambil tindakan terhadap institusi-institusi yang menghampakan harapan pelajar. Pelajar berbelanja, keluarga berbelanja untuk menghantar seseorang itu ke pusat pengajian tinggi di peringkat diploma tetapi akhirnya disebabkan oleh masalah institut itu, pelajar tersebut tidak dapat menyambung pengajiannya di peringkat yang lebih tinggi disebabkan oleh masalah pengiktirafan.

Saya melihat perlu ada satu tribunal dibentuk oleh kerajaan untuk mengawasi dan *panelize* dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap institusi-institusi ini. Saya mengambil contoh satu kes pelajar Norhazlina Hassan dari IUCTT, yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya dalam bidang *architecture* di IPTS disebabkan masalah pengiktirafan. Dalam kes yang sedemikian, siapa yang akan bertanggungjawab terhadap pelajar ini, dari segi kewangan yang dibelanjakan dan dari segi masa depan pelajar itu?

Ini disebabkan kita tidak mempunyai pengawasan dan kementerian tidak boleh bertindak. Mungkin kalau dibentuk tribunal, kita boleh *panelize* dan membayar balik kos yang telah digunakan oleh pelajar demikian untuk mengambil kursus yang lain dan untuk mendapatkan tempat di universiti yang di iktiraf oleh kerajaan. Saya melihat ini satu keperluan dan kementerian harus melihat perkara ini.

Saya lagi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, IPTS tenaga pengajarnya harus dipantau secara dekat oleh kementerian. Banyak di kalangan IPTS yang cuma *employ* tenaga pengajarnya pada peringkat ijazah pertama. Susah Tuan Yang di-Pertua, kalau pensyarahnya ijazah pertama, mengajar *studentnya* yang juga mengambil ijazah pertama. Kita tidak nampak ketinggian statusnya daripada segi tenaga pengajar.

Kementerian harus melihat bagi menandakan satu tanda minimum *requirement* untuk pensyarah-pensyarah ini *at least* pada peringkat *master degree* atau peringkat sarjana untuk seseorang itu dilantik sebagai pensyarah. Saya nampak ini sebagai satu keperluan di IPTA, tetapi mungkin terlepas pandang di IPTS-IPTS. Oleh itu, saya berharap agar kementerian meneliti perkara ini secara dekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasaan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Saya secara ringkas ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh di sini. Pertama, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini dibentangkan berbanding dengan versi dahulu di mana ianya lebih menyeluruh dan saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Akan tetapi ada beberapa perkara yang patut diberi perhatian.

Pertama, saya melihat muka surat sebelas mengenai definisi badan profesional. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini kerana di Malaysia apabila kita menyebut tentang badan profesional biasanya ianya merujuk kepada dua, yang pertama adalah profesional *regulatory body* dan satu lagi profesional *learned body*.

Saya mengambil satu contoh, Lembaga Jurutera Malaysia itu secara *regulatory*. Kalau kita mengatakan *learned society* ianya merupakan Institusi Jurutera Malaysia, ini sebagai satu contoh. Jadi apabila kita memberi takrifan ataupun definisi tentang profesional *body* ini saya berpendapat bahawa adalah wajar sekali, kedua-dua itu perlu dimasukkan dan diberi definisi yang lebih jelas.

Saya juga mengambil contoh di sini, di mana kalau kita melihat di negara-negara lain, kedua-dua badan profesional sama ada *regulatory body* ataupun *learned body* mereka bekerjasama antara satu sama lain. Sebagai contoh di New Zealand, IPENZ merupakan satu profesional *learned body* yang menjalankan kerja-kerja akreditasi tentang program yang ditawarkan.

Di US pula, ianya mempunyai satu badan yang dinamakan sebagai ABET sebagai satu badan atau entiti yang membuat segala kerja akreditasi untuk badan-badan yang dikatakan badan *regulatory*. Begitu juga di UK ianya dapat dibahagikan dengan lebih halus lagi di mana IET adalah untuk membuat akreditasi tentang kejuruteraan elektrik dan begitu juga kalau IMECE merupakan bagi kursus kejuruteraan mekanikal dan IC adalah untuk kejuruteraan awam.

Akhirnya mereka ini membuat akreditasi masing-masing kepada satu *regulatory body* yang dinamakan sebagai *engineering consult* di UK. Saya mengambil contoh ini ianya hampir serupa di Malaysia di mana fungsi IEM, fungsi BEM masing-masing ada fungsi.

Macam rakan-rakan kita di Dewan ini, ada yang mendapat *title* Ir. (*engineer*) atau profesional jurutera itu adalah melalui dua cabang, yang pertama ada yang melalui BEM dan satu lagi mungkin melalui IEM. Jadi apabila berdefinisi tertakluk kepada *regulatory* mungkin dari segi undang-undang ini belum lagi lengkap.

Saya menyeru kepada pihak Menteri melihat perkara ini, di mana kalau kita melihat fungsi profesional *regulatory body* ini adalah untuk mengawal, menjaga kepentingan orang awam, tetapi kalau kita melihat *learned body* ini ianya disertai oleh rakan-rakan yang memang di dalam profesion itu. Malah mereka merupakan satu *pre-review* bagi apa yang berlaku, jurutera lain mungkin profesional yang sama dan mereka ini mempunyai satu *common gold* atau mempunyai satu matlamat yang sama.

Jadi dalam hal ini saya rasa ianya juga perlu melibatkan profesional *learned body* dalam definisi ini. Jadi secara keseluruhannya apa yang ingin saya katakan di sini, apabila kita membuat takrifan ia sepatutnya merangkumi profesional *regulatory body* dan profesional *learned body*.

Perkara kedua adalah tentang Bahagian III, di mana kita dapati bahawa CEO bagi MQA itu telah jelas dinyatakan merupakan seorang anggota dalam Majlis Agensi Kelayakan Malaysia. Bagi saya mungkin apa yang lebih sesuai adalah jawatan *X-EFEO*. Ini adalah memberi satu gambaran bahawa ini adalah satu *good corporate governance* dengan izin. Saya rasa mungkin pertimbangan ini dapat diberikan kerana kita ingin menonjolkan satu imej yang lebih baik

Satu perkara lagi, apabila kita menyebut tentang keanggotaan dalam majlis ini dan saya rasa banyak badan-badan profesional yang mewakili kepentingan masing-masing. Apa yang lebih penting saya rasa sekurang-kurangnya setiap profesion itu mempunyai wakil dari *regulatory body* dan juga dari *learned body*. Saya rasa itu adalah amat penting kalau tidak ianya tidak lengkap. Saya menyeru supaya semua profesion itu mempunyai wakil masing-masing yang menduduki dalam majlis ini.

Akhir sekali mengenai Bahagian VIII, Bab 2 perkara 50(1) - Jawatankuasa Teknikal Bersama. Saya rasa dalam hal ini apa yang lebih penting ialah jawatankuasa teknikal ini. Sekali lagi saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya merangkumi kedua-dua aspek *regulatory body* dan juga *learned body*.

Para 51(2) mengenai senarai kursus yang telah diberi akreditasi. Saya menyeru kepada kementerian supaya apa yang telah diberi akreditasi oleh lembaga, institusi ataupun badan-badan profesional yang saya nyatakan tadi sepatutnya disenaraikan dengan jelas supaya mengelakkan apa-apa kerenah birokrasi. Itu adalah perkara yang penting.

Sebagai penggulungan, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula. Oleh kerana fungsi LAN ini tidak ada lagi selepas MQA ini berkuat kuasa. Kita tahu banyak perkara seperti rintihan tentang LAN mengenai proses sesuatu permohonan. Selepas dua tahun dan memenuhi minimum standard, akreditasi mengambil tempoh lima tahun dan sebagainya. Mungkin itu akan menjadi satu masalah.

Sekarang pula MQA ini merangkumi IPTA dan IPTS. Saya meminta untuk jaminan kualiti IPTA. Adakah lebih wajar sekiranya di bawah LAN sekarang ada universiti swasta yang dapat menetapkan di mana macam MMU. Mereka mensyaratkan semua pensyarah perlu menghantar satu jurnal atau satu karya dalam *International Journal* iaitu bagi setiap dua orang mesti ada satu. Bermakna 0.5 per *International Journal* setahun.

Saya rasa mungkin piawai ini patut ditetapkan, baik untuk IPTA ataupun IPTS. Saya yakin ini akan menjamin kecemerlangan akademik baik di IPTA atau IPTS. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya hendak Menteri jawab lebih kurang pada pukul tiga setengah. Kalau boleh kita pendekkan ucapan iaitu lima minit seorang. Silakan, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang turut serta dengan Timbalannya dan Setiausaha Parlimen yang turut hadir.

Perkara yang pertama tentang Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007 ini ialah tentang istilah yang digunakan iaitu istilah agensi itu. Menurut muka surat iaitu... iaitu tentang tafsiran.

Agensi ertinya Agensi Kelayakan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 tidak diberi pengertian sebenarnya apa maksud agensi itu. Agensi itu apa maksudnya? Kita dapati di Malaysia ini kita ada MIDA, kita ada FELDA dan yang "A" di belakang itu adalah membawa konotasi autoriti. Sedangkan di sini kita mengguna pakai istilah agensi sahaja. Kenapa berlaku sedikit perbezaan konsistensi dari segi pemilihan istilah dan kata ini?

Apakah agensi itu dipilih semata-mata ia merupakan satu istilah yang lunak untuk kita memantau dan memberi keberkesanan dalam kita memberi jaminan kualiti ini. Apakah pula ia tidak mempunyai autoriti penguatkuasaannya. Sedangkan apabila saya baca tentang rang undang-undang ini, cukup banyak penguatkuasaan yang akan dilakukan. Jadi ini adalah merupakan persoalan saya. Apakah pengertian sebenar agensi ini? Kenapa ia berbeza dengan konsep yang selama ini kita gunakan iaitu autoriti, FELDA. "A" yang di belakang itu ertinya autoriti. MIDA membawa maksud autoriti juga. Ini adalah merupakan persoalan saya yang pertama.

Perkara yang kedua di sini ialah saya melihat bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini adalah merupakan *a gatekeeper*. Ertinya yang akan mengawal segala *database* dan juga jaminan kualiti dan akan memberi satu standard piawaian antarabangsa, *international comparability*. Ini akan membawa satu keyakinan kepada dunia ke atas standard yang akan digubal dengan wujudnya AKM ini melalui rang undang-undang ini.

Satu perkara juga yang saya hendak sentuh di sini dengan keberanian ini juga, saya melihat Kementerian Pengajian Tinggi meletakkan kementerian ini terutamanya agensi ini dalam satu keadaan yang cukup mencabar dengan izin, *in the challenge zone*. Saya dapati daripada laporan yang dibuat oleh LAN tempoh hari bahawa sekarang ini terdapat kira-kira 839 program yang telah mendapat akreditasi sepenuhnya, yang mendapat akreditasi sementara adalah sebanyak 586 program dan yang sedang menunggu adalah kira-kira 1,600 program lagi.

Ertinya kerja berat atau kerja besar harus dilakukan. Pokoknya apakah mempunyai tenaga, mempunyai *manpower* untuk melakukan apa yang disebut penilaian, pemantauan dan *assessor* yang mencukupi. Silakan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Jadi, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Kita tahu bahawa ini salah satu perkara utama ditubuhkan MQA. Ini adalah soal yang berkaitan dengan politik yang telah banyak kita bincangkan, soal yang berkaitan dengan birokrasi. Sebelum dulu memang banyak dihadapi.

Yang ketiga juga telah dibangkitkan soal koordinasi dengan badan-badan profesional. Jadi, yang saya lihat soal kualiti ini. Selain daripada kualiti yang dilihat dan dipantau semasa permulaan sesuatu institusi ini, kita juga mahu adakah jaminan? Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu jaminan tentang pengawasan kualiti tersebut?

Contohnya sekarang ini saya sungguh berasa risau kerana contohnya beberapa kenyataan daripada Ketua Pengarah Kesihatan sendiri yang sungguh risau tentang kualiti doktor-doktor perubatan yang dihasilkan oleh IPT swasta. Jadi, ini saya rasa satu cabaran dan kita mahu tahu adakah MQA ini boleh menyelesaikan masalah ini?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih rakan saya. Saya kira ini adalah merupakan satu persoalan yang besar juga yang harus dijawab iaitu jaminan terhadap kualiti dan mutu ini. Lebih-lebih lagi orang sekarang bercakap kualiti itu adalah *a moving target*. Kualiti itu sendiri, mutu itu sendiri sesuatu yang tidak tetap, dia berubah-ubah.

Dalam konteks perubahannya itu, ini adalah merupakan satu perkara yang terus bergerak dan kita harus sentiasa siap siaga dengan trend-trend yang berlaku di seluruh dunia. Maka dalam konteks ini juga saya kira persoalan itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit. Siap siaga itu apa maknanya?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Bersiap-sedia, *ready, alert*.
[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, *all right*.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baiklah, terima kasih Jerai. Biasalah dia hendak bergurau pada petang-petang begini. Jadi, saya menyokong itu sebab lebih-lebih lagi konotasi, makna, kualiti itu sendiri adalah sesuatu yang bergerak, yang berubah, yang tidak kekal sifatnya.

Dalam konteks itu, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk melakukan penilaian ini harus mendapat latihan-latihan yang khusus. Malah saya ingin mencadangkan supaya ada universiti-universiti kita di Malaysia ini untuk mengadakan dan menyediakan satu program ataupun kursus ke atas penilai-penilai (*assessors*) ini supaya mereka dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin dan supaya apa yang dilakukan itu sah, boleh dipercayai dan boleh diterima pakai. Ini adalah merupakan perkara yang saya kira penting untuk difikirkan.

Saya juga menyebut di sini adalah bila pemantauan itu dibuat. Saya merujuk kepada rang undang-undang ini yang berhubung dengan Bahagian VII iaitu berkaitan dengan akreditasi program dan juga kelayakan selain daripada audit institusi. Saya kira di sini, perkara yang cukup penting yang perlu diambil perhatian adalah kerjasama daripada pihak yang dinilai dan juga pihak penilai itu sendiri.

Kalau sekiranya tidak ada kerjasama ini, saya kira perubahan dan penambahbaikan itu tidak akan berlaku. Ini adalah merupakan perkara yang penting. Jangan pula yang dinilai itu akan berasa bimbang dan waswas terhadap apa persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pihak yang menilai itu.

Maka timbul apa yang disebut sebagai *the smell of fear*, sindrom kebimbangan dan ketakutan. Dalam keadaan begini, saya kira tidak banyak perubahan yang akan berlaku. Maka di dalam konteks ini, saya kira pihak yang melakukan penilaian itu perlu benar-benar terlatih. Saya bersetuju seandainya penggunaan konsep agensi itu adalah *to facilitate* dengan izin, *rather than to have the authority* ataupun bersifat autoritatif. Maka dalam konteks ini saya kira perbincangan dan permuafakatan di antara dua pihak iaitu pihak yang dinilai dan juga pihak penilai itu perlu ada.

Saya juga ingin menyentuh di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Okey, saya hendak gulung. Saya juga ingin menyebut di sini bahawa mungkin cadangan-cadangan banyak akan diberikan oleh pihak penilai itu.

Saya kira dalam masa cadangan-cadangan yang diberi, mungkin ada *constraint-constraint* dari segi pelaksanaannya, dari segi pelbagai kemudahan untuk memastikan penambahbaikan dan jaminan kualiti itu dapat dicapai. Apakah kita ambil kira *constraint-constraint* yang akan dihadapi oleh pihak-pihak yang dinilai itu sendiri? Sama ada daripada pihak IPTA ataupun di IPTS untuk memastikan martabat dan juga pencapaian yang tinggi itu dapat dicapai.

Akhir sekali, saya ingin menyebut juga bahawa perlu ada pendekatan secara bersepadu. Apa yang dibuat ini adalah yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan mutu dan jaminan kualitinya. Bagaimana pula daripada pihak Kementerian Pelajaran? Saya kira pendekatan harus dibuat secara menyeluruh, secara bersatu dan secara bersepadu. Tidak bersifat *compartmentalize*, secara berpaksa-paksa begitu. Ia perlu ada kesinambungan.

Dari konteks ini juga, saya kira rundingan-rundingan dengan pihak penaziran daripada pihak Kementerian Pelajaran perlu diadakan dari semasa ke semasa untuk benar-benar kita melahirkan produk dan juga harapan mencapai kualiti dan juga pendidikan tinggi yang berkualiti. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh empat perkara Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, soalan dan konsep pendidikan. Saya berpendirian sama dengan Yang Berhormat daripada Sungai Petani bahawa pendidikan bukanlah untuk menjurus kepada pembinaan ataupun penjana keperluan sumber tenaga negara.

Maknanya apabila graduan yang keluar daripada universiti, tidak perlu mereka ini dikatakan mesti sudah dijurus mengikut *stream* dia sendiri dan mengikut keperluan negara itu sendiri berkehendakkan *employment* dan sebagainya. Fikirkan kalau tiap-tiap tahun universiti-universiti kita mengeluarkan 100 ribu graduan, tetapi dalam masa yang sama, dalam tahun itu juga kita hanya perlu 50 ribu orang yang diambil untuk bekerja. Dengan sendirinya 50 ribu itu akan *unemployed*.

Jadi dengan keadaan sedemikian kita mesti melihat konsep pendidikan ialah untuk menjana sebanyak mungkin, setinggi mungkin, secemerlang mungkin masyarakat Malaysia yang berilmu, yang terdidik, tidak kira sama ada dia mempunyai gred Kelas I, Kelas II, Kelas III, tetapi manusia yang berilmu, manusia yang tahu di mana hala tuju kehidupannya dan boleh hidup atas kakinya sendiri. Inilah manusia yang berilmu, kita tahu, untuk mengisi keperluan sumber insan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya meminta kepada pihak kementerian supaya berbincang dengan pihak-pihak kementerian yang lain. Soal istilah *unemployable graduate* ini kerana kita tidak mahu mendengar 50 ribu, 60 ribu graduan keluar tiap-tiap tahun tetapi tidak *employable*. Kalau peguam hendak cari kerja peguam, kalau jurutera hendak cari jurutera, kalau akauntan hendak cari *accounting firm* untuk bekerja.

Memang kita tidak boleh mengisi keperluan ini. Maknanya ada bilangan-bilangan profesional yang keluar ini akan bekerja selain daripada apa kelulusan mereka. Maknanya dalam keadaan sedemikian, istilah ini perlu difikirkan semula dan dipertimbangkan semula.

Yang kedua, soal *grading* universiti. Kita banyak berbincang pagi tadi soal universiti kita dapat tahap berapa dan peringkat berapa. Namun begitu, persoalan yang besar kepada kita di sini, adakah semua universiti di Malaysia telah mengetahui kriteria-kriteria yang tertentu yang dikehendaki oleh pihak yang hendak buat *grading* universiti ini?

Telah diketahui bahawa tiap-tiap universiti di Malaysia, cara mana mereka, adakah kita hendak isi sahaja secara formalnya ataupun pengisian ilmunya, pendapatnya, penulisannya, perkara yang boleh ditimbulkan dan didapati oleh mereka, *invention* yang telah dibuat oleh mereka. Ini perlu dilihat dari semua segi iaitu soal kriteria dan pengisian oleh pihak profesor dan *lecturer* ataupun pensyarah-pensyarah di negara kita dalam universiti kita.

Jadi jangan kita mendorong sangat persoalan *grading* ini walaupun baik, boleh menunjukkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa universiti kita telah sampai ke satu peringkat yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga iaitu soal yang *basic*.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Hendak mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Ya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan *grading* atau *ranking* atau *rating* tadi. Sebenarnya bagi saya, setiap universiti ditubuhkan ada keperluannya sendiri dan berbeza-beza. Kalau mungkin Universiti Malaya yang sudah lama ada keperluannya, Universiti Kebangsaan ada keperluannya, Universiti Malaysia Pahang ada keperluannya.

Ada kursusnya yang berbeza. Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sarawak dan pelbagai lagi universiti. Jadi bagaimana kita hendak letak *ranking* atau kriteria yang sama? Kita hendak bandingkan di antara ayam, itik, kerbau dan kambing, bagaimana? Jadi itu saya kata *ranking* ini sebenarnya tidak perlu, tetapi yang penting ialah kita mengetahui kualiti universiti kita ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita banding ayam dengan itik, memang tidak boleh Yang Berhormat, tetapi kalau kita banding peguam yang keluar daripada Universiti Malaya dengan UPM ataupun Institut Teknologi MARA, kita boleh membandingkan mereka ini sama ada kualiti produk yang dikeluarkan oleh tiga atau sepuluh universiti ini sama atau tidak sama.

Dalam konteks ini, kualiti ini lebih penting daripada pengisian *formnya*, tetapi itu *substancenya* lebih penting daripada *form*. Dalam keadaan sedemikian, kita mesti tahu kriteria kerana kriteria ini boleh *dimarket*.

Yang kedua, pengisian ini yang akhir produk kita itu diterima oleh masyarakat, bukan di negara kita sahaja tetapi juga di antarabangsa,

Saya berpindah kepada soalan ketiga. Ini yang *basic*, Tuan Yang di-Pertua, iaitu *academic freedom*. Sejauh manakah universiti-universiti kita memberi *academic freedom*, kebebasan mentadbir, menaik pangkat dan sebagainya di dalaman kerana orang universiti itu sendiri mengetahui siapa yang layak, siapa yang tidak layak naik. Bukan jabatan kerajaan, bahkan mungkin kementerian pun tidak begitu dekat dengan pihak akademia di dalam universiti tersebut.

Saya melihat ini kerana kalau kita wujudkan undang-undang ini adalah untuk *regulating*, untuk membendung, untuk melihat, akhirnya kualiti dalam universiti itu nanti akan terbendung dan akhirnya konsep *education*, iaitu kebebasan dalam mencari ilmu itu akan juga terbendung kerana kebebasan mencari ilmu adalah *basic* dari mula-mulanya konsep universiti, konsep pendidikan tinggi ini.

Daripada zaman Plato lagi memang konsepnya ialah kebebasan. Kalau kebebasan ini kita bendung, kebebasan ini kita tidak dapat dalam universiti kita, akhirnya ia mengikut telunjuk pihak-pihak yang mempunyai *vested interest* dalam hala tuju universiti itu sendiri.

Yang terakhir, yang keempat, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua – saya janji lima minit kerana Tuan Yang di-Pertua sudah beri arahan lima minit – iaitu soal profesor dan *lecturer*. Pendapat saya apabila orang sampai satu peringkat umur, dia lebih *matured*, lebih bijak, lebih pandai. Jadi kriteria-kriteria menilai sama ada profesor ini patut *diretiran*, dengan izin, pensyarah selepas 56 tahun, jadi ini adalah *prime* bagi *intellectual*, *prime age*, tetapi peringkat itulah mereka ini digugurkan daripada berkhidmat.

Dalam masa yang sama kita tidak boleh menafikan bahawa banyak universiti awam ataupun swasta yang tidak mempunyai cukup pihak yang terdidik, yang mempunyai pengalaman, yang mempunyai pengajian tinggi, yang banyak kepakaran, tidak dapat diterima bekerja lagi oleh kerana mereka ini telah sampai kepada satu peringkat umur yang mereka patut berpencen ataupun bersara.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang bangun, hendak bagi jalan?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dalam keadaan sedemikian, adakah cadangan kementerian untuk melihat supaya pihak profesor di universiti dan *lecturers* ini, satu kumpulan orang yang berlainan sedikit macam hakim, diberi peringkat pencen ataupun *retirement age* mereka dinaikkan sedikit kepada satu peringkat atau tahap umur yang lebih tinggi daripada yang ada sekarang ini? Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

3.18 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berbahas mengenai Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Saya ingin mendepankan persoalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Sejak kita mengamalkan proses penilaian dan *quality accreditation*, kita telah melalui banyak transisi daripada tahun 1992 sampai sekarang. Kita sudah ada banyak badan, BJK untuk politeknik, untuk IPTA kita ada LAN dan sekarang ini kita ada Agensi Kelayakan Malaysia.

Saya rasa kita berbicara mengenai *survival* Malaysia, dengan izin. Bila kita berbicara mengenai perkara ini, ini ialah *survival* Malaysia kerana pendidikan akan menelan dunia. Dulu adakah kita buat ini untuk menjadi kompetitif dalam dunia *business* ataupun kita hendak melahirkan kualiti modal insan. Ini persoalan utama. Dengan izin, *are we going to globally compete in terms of business and education or are we going to create quality human resource?*

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin mengatakan bahawa dunia sudah berubah daripada *information human beings* kepada *knowledge human beings* sekarang kepada *innovative and creative human beings*. Kalau kita tidak boleh melahirkan warga yang kreatif dan inovatif, kita akan kalah. *It is a plain truth*. Ini adalah kebenaran yang mutlak. Maka dalam konteks ini, sekarang kita tengok perubahan yang begitu serius berlaku.

Kalau dulu Asia membekalkan *hardware, software* pun sekarang dibekalkan. *The brain...*, so pelajar China pergi ke US, tapi Barat sekarang semua telah menghala ke Asia untuk pendidikan. So, dalam konteks ini, apakah inti pati perkara yang berkaitan dengan agensi kelayakan ini? Saya rasa perkara pertama ialah kepimpinan dan pengurusan. Kita sudah ada banyak agensi dalam satu dekad yang lalu, tetapi masalahnya adalah *we are compromising* dengan izin. Dalam semua peringkat kita *compromising*. Di manakah budaya *compromising* ini? Bertolak ansur itu perlu diperketat dan ini perlu dilihat.

Perkara yang pertama adalah, contohnya dalam penguatkuasaan. Kita benarkan kolej-kolej teruskan, selepas itu baru kita hendak ambil tindakan. Ini masalah kita. Di manakah kita boleh mengukuhkan dan memperkasakan budaya bertolak ansur ini yang menjadi faktor utama dalam Agensi Kelayakan Malaysia ini. Itulah masalahnya. Punca kualiti kita runtuh adalah kerana perkara itu.

Kalau kebocoran itu dapat diperbetulkan, saya rasa mungkin kita boleh melahirkan. Maka ini memerlukan *political will* kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang banyak mempunyai panca. Ia ada pancaroba, dan kena lihat dalam perspektif yang berbeza-beza. *Do we have* dengan izin, *the political will to make sure that fundamental changes are brought to this basic issue of quality?*

Dalam konteks ini, ada tiga hala tuju yang perlu dilihat mengikut persepsi saya. Dalam Agensi Kelayakan Malaysia, yang pertamanya adalah *relevance, quality* dan *internationalization* iaitu pengantarabangsaan. Dalam hal ini, saya rasa perkara pertama *academic freedom are institutional autonomy*. Kita banyak menceritakan mengenai hal ini, tetapi Universiti Malaya sendiri masih terikat.

Bolehkah kita membenarkan Akta ini membenarkan universiti itu berfungsi seperti Harvard? 75%, 80% pelajarinya ke *research base*. Ia punya *under graduate* sudah tidak lagi begitu ramai kerana ia bawa ke *excellent*. Maka ramai menghala tuju ke sana, kerana dia melahirkan *world bitters*. Inilah perkara yang mungkin menyebabkan kita memerlukan satu atau dua institusi seperti itu untuk melahirkan golongan Malaysia yang berwibawa antarabangsa.

Yang kedua, *multi dimensional concept*, perlu dilihat dalam kualiti ini. *Embracing all main function and activities higher education* dengan izin. Akhir sekali *the inherent characters of higher education which has been considered believed enhance toward the later half of this century will be on internationalization*. Pengantarabangsaan institusi, kita maka Agensi Kelayakan Malaysia mesti melihat perubahan global bukan dalam konteks Malaysia itu sendiri.

Kalau tidak *we will be out of date*, kita mungkin tidak relevan. Perkara ini perlu dilihat. Maka pra perlunya perkara-perkara ini adalah dilihat dalam konteks hubungan antara kerajaan dengan rakyat kita sendiri. Pelajar yang mahukan sesuatu dan harapan kerajaan untuk melahirkan negara maju, dan di sini kita ada satu kekangan.

Sebab itu kita ada seramai 65 ribu pelajar yang tidak ada kerja, graduan yang tidak ada kerja, maka ada sesuatu yang tidak kena. Maka Agensi Kelayakan Malaysia ini perlu lihat lubang di antara dua ini, di mana salahnya? Kita ada segala data, Perangkaan Malaysia mempunyai segala data mengenai keperluan, peluang pekerjaan dan sebagainya, di mana kita terlepas? Perlu kita lihat ini, *the entire associate economic environment, compares higher education institute to build up times and link it with the state*, itu yang perlu dilihat. Saya ringkaskan ya.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan Yang Berhormat Cameron Highlands. Ucapan Yang Berhormat itu pada hemat saya menjerumus kepada dasar, dan seperti Yang Berhormat tahu, rang undang-undang ini memberi kuasa dasar itu kepada menteri yang ada kena mengena dengan Agensi Kelayakan. Jadi penjelasan saya, adakah Yang Berhormat Cameron Highlands mencadangkan bahawa soalan dasar sekalipun, harus di bawah bidang kuasa agensi?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya rasa mungkin sudah terlambat, tetapi Menteri boleh memberi pengaruh kepada agensi ini, kerana di bawah naungan kementerianlah terdapatnya agensi ini. Maka sekiranya kalau ada stamina untuk membawa perubahan secara serius, saya rasa Menteri sendiri dengan kepimpinan kementerian boleh memberi pengaruh terhadap agensi ini. Itu sebab saya rasa perkara itu perlu dilihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *Quality staff* dan kepimpinan menjadi isu tadi, yang saya katakan tadi. Saya memohon supaya golongan-golongan yang bakal memimpin dan mengurus agensi ini, adalah golongan yang benar-benar berjiwa untuk membawa kualiti ke Malaysia. Saya rasa ini adalah perkara yang perlu.

Juga perlu ada titian antara sekolah menengah dan universiti, iaitu satu lagi perkara yang perlu dilihat. Apa yang sedia ada di peringkat sekolah dan apa yang akan bakal ditawarkan di peringkat universiti. Perkara ini belum diperkatakan. Maka diharapkan bahawa perkara ini dapat dilihat, dan saya akan habiskan dengan tiga persoalan.

Saya depankan dan saya letakkan di depan Yang Berhormat Menteri. Keperluan kerajaan dan harapan institusi pendidikan kita. Kedua, adakah pencapaian pelajar selaras dengan keperluan yang sedia ada? Ketiga, jika ada jurang di antara dua ini dengan harapan yang sedia ada, apakah *option* atau penyelesaian yang sedia ada terletak di meja kita untuk empat perkara, *educational attainment, enrollment, cost institutional and programmatic adequacy*.

Inilah perkara-perkara yang terletak dan saya minta supaya perkara ini dapat dilihat secara serius kerana saya rasa ini adalah *survival* negara pada dua dekad akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya hanya boleh bagi dua orang bercakap saja. Lipis, lepas itu Kepong, lepas itu Menteri menjawablah.

3.27 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tidak boleh ambil seorang lagi Tuan Yang di-Pertua? [*Ketawa*] Runding-runding sikitlah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan AKM atau Agensi Kelayakan Malaysia ataupun AQM, merupakan satu langkah wajar dan bagi saya menepati masa bagi menyokong usaha kerajaan menjamin kualiti pendidikan tinggi negara ini.

AKM yang merupakan *one stop center* mempunyai *data base* setiap pusat pengajian tinggi di Malaysia dan menjadi pengawal atau *gate keeper* untuk memastikan jaminan kualiti serta semua kelayakan dan program ditawarkan di semua institusi pengajian tinggi di negara ini sama ada daripada awam ataupun swasta. Jadi tanpa entiti seperti AKM agak sukar untuk meyakinkan dengan izin, *stake holder* terutama dari luar negara bahawa pendidikan tinggi di negara ini dijamin kualitinya.

Berkait dengan Kerangka Kelayakan Malaysia di Bahagian VI, Tuan Yang di-Pertua, jadi salah satu peranan AKM ialah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia. Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak boleh berucap, saya mencelah bolehlah Tuan Yang di-Pertua ya? Sekurang-kurangnya dapat mencelah pun jadilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkas Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya pun menyokong penubuhan Agensi Kelayakan ini, tetapi adakah kelayakan ini hanya dari segi *academician* ataupun kelayakan dari segi perandai, dari segi disiplin, ini juga harus kita ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua ataupun Yang Berhormat Lipis, kerana kadang-kadang banyak yang lepasan universiti ini, kita tanya dia tentang rukun negara pun dia tidak faham dan dia tidak tahu. Kita tanya tentang konsep Islam Hadhari pun tidak tahu. Apatah lagi kalau kita tanya dia tentang perlembagaan negara.

Jadi setakat kita memberi, mengawal dari segi *academician*, dari segi kebolehan, kepandaian, tenaga pengajar dan sebagainya, kita harus juga melihat kerana kita hendak membentuk modal insan. Jadi inilah modal insan kita. Jadi apakah kita hendak membentuk modal insan yang cerdas, tetapi tidak berhemah. Atau kita hendakkan modal insan yang kedua-duanya sekali. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju?

Satu lagi saya hendak celah, sikit sahaja lagi. Satu lagi saya hendak celah *twinning programme* ini yang kita ada di antara kadang-kadang *Monash University* dan hanya *student* kita, tetapi kita juga tidak dapat *student* daripada luar negara untuk ataupun negara Australia sendiri untuk bersama program *twinning* di universiti kita di sini. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya *twinning programme* ini bagus, untuk pertamanya memendekkan masa pengajian, mengurangkan kos tetapi juga kita hendakkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, macam mana pandangan saya, baik ke tidak baik?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu dan rasa saya ini dirangkumi dalam Kerangka Kelayakan Malaysia itu.

Jadi, bagi saya Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Framework* amat berguna kepada pelbagai pihak kerana KKM merupakan satu sumber rujukan yang boleh memberi maklumat yang jelas dan mudah dicapai mengenai program dan kelayakan dalam pendidikan tinggi negara ini.

Selain daripada dapat menjamin standard kelayakan dan memperkukuhkan dasar jaminan kualiti, KKM mewujudkan satu sistem kredit untuk memudahkan pengumpulan dan pemindahan kredit yang boleh diterima di dalam dan di luar negara. Itu jawapan bagi *twinning programme* itu, Yang Berhormat Jerai. Sistem kemasukan terbuka yang diperkenalkan di bawah KKM merupakan peluang kepada mereka yang berminat melanjutkan pelajaran tinggi terus ke peringkat sarjana, walaupun mungkin tidak ada ijazah pertama.

Pihak universiti akan menilai aspek berkaitan seperti tahap pengetahuan, kemahiran, kebolehan, pencapaian dan pengalaman kerja. Penilaian itu memberikan kredit yang menentukan sama ada input yang dimiliki oleh calon terbabit setara ilmu peringkat ijazah pertama. Ini biasanya diamalkan juga di negara-negara luar. Sekali gus melayakkannya memasuki pengajian pasca siswazah itu atau sebaliknya.

Mengambil kira pendidikan dan pengalaman terdahulu, adalah satu langkah baik bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Seseorang diberi peluang memilih laluan pelajaran, *learning pathway* dengan izin, paling sesuai bagi dirinya untuk terus menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran secara berkesan. Cara yang fleksibel ini sangat memudahkan sesiapa sahaja untuk memperbaiki diri melalui pendidikan.

Persaingan dalam era globalisasi hari ini begitu hebat sehingga mereka yang tidak berilmu akan ketinggalan. Menyedari hakikat itu, kerajaan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha melakukan apa sahaja yang boleh membantu meningkatkan kualiti pendidikan kebangsaan. Tanpa kecemerlangan yang berkualiti, maka sukar bagi mereka untuk bersaing dalam era globalisasi ini.

Berkaitan dengan akreditasi pula Tuan Yang di-Pertua, perakuan akreditasi merupakan satu pengiktirafan rasmi kepada institusi pendidikan tinggi swasta. Bahawa sijil, diploma atau ijazah yang akan dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh LAN dahulu berdasarkan norma antarabangsa.

Jadi bersesuaian dengan nilai pengiktirafan ini, bahawa sudah tentu banyak kelebihan yang akan diperolehi oleh kursus-kursus pengajian yang mendapat perakuan akreditasi ini. Di pihak IPTS, memiliki perakuan akreditasi bermakna kursus-kursus pengajian ini layak menggunakan perkataan pengiktirafan dari LAN sekarang, mungkin selepas ini MQA.

Dalam iklan dan tawaran kursus mereka malah dibenarkan memfrancaiskan kursus apa yang tersebut ke IPTS lain tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Walau bagaimanapun, persoalannya sejauh manakah AKM punyai mekanisme untuk memantau institusi pengajian tinggi yang tidak mematuhi syarat-syarat perakuan akreditasi yang diberikan.

Setelah mendapat akreditasi bagi satu program, ada IPTS yang menghadapi masalah kekurangan pensyarah, kekurangan peralatan, dan kekurangan tenaga pengajar dan tidak menepati standard yang ditetapkan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat Lipis, terima kasih. Yang Berhormat menyebut tentang akreditasi dan peranan agensi di bawah akta ini dan mengalu-alukan peranan agensi dalam hal ini.

Saya merujuk kepada satu peruntukan di bawah akta ini di mana sebab jawatankuasa teknikal di bawah agensi ini sebenarnya boleh meluluskan dan menarik balik akreditasi ini. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Sebuah jawatankuasa teknikal di bawah agensi seolah-olah lebih kuasa daripada agensi itu? Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ini pada pandangan saya, jawatankuasa teknikal itu mungkin akan memberi cadangan. Sama ada boleh menarik balik atau tidak, itu rasa saya, dia memberi cadangan kepada agensi.

Maknanya bukan dia lebih berkuasa daripada agensi Yang Berhormat, ya. Jadi, itu sebabnya kita perlukan mereka yang pakar dalam bidang-bidang tertentu untuk memastikan bahawa kursus itu benar-benar boleh diakreditasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Jadi, berkait dengan akreditasi tadi, apa yang bagi saya yang menjadi persoalan, sejauh manakah nanti AKM ini Tuan Yang di-Pertua, berhubung atau bekerjasama rapat dengan JPA?

Adakah program-program dalam IPTS ini yang telah diakreditasi oleh AKM ini diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pemegang-pemegang ijazah atau diploma ini bekerja dalam perkhidmatan awam. Ini satu persoalan kerana ada kemungkinan JPA, dia tidak dapat bersama-sama dengan AKM ini.

Jadi isu kedua yang saya hendak bawa di sini ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Parit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey..

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan Yang Berhormat berkenaan dengan apa Yang Berhormat sebutkan kerisauan, tidak mendapat pengiktirafan JPA.

Pada pandangan saya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab agensi kelayakan Malaysia ini ditubuhkan untuk membuat penilaian, dan sebagainya, saya berpendapat agensi kelayakan Malaysia ini lebih berkuasa untuk menentukan sesebuah universiti itu boleh diiktiraf dan sebagainya daripada JPA, kerana mereka ini ditubuhkan bagi maksud itu.

Jadi, tidaklah wajar pihak JPA membuat keputusan yang lain daripada yang dicadangkan oleh AKM ini. Itu pada pandangan saya. Jadi, Yang Berhormat boleh jelaskan sedikit? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Jadi Yang Berhormat Parit, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah harapan saya. Jadi saya pun tidak pasti sebab saya membaca dalam bil atau rang undang-undang ini, tidak ada yang menjelaskan perkara yang sebegitu. Jadi, saya juga mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak bagi bantuan penjelasan kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey, sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Setahu sayalah, kerajaan menjanjikan pendidikan kepada rakyat dan kerajaan tidak menjanjikan pekerjaan kepada rakyat.

Jadi sekarang ini Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa agensi ini juga harus memperjelaskan atau ada *guideline* kepada universiti supaya memastikan pelajar ini jangan keluar universiti sahaja, hendak makan gaji, hendak kerja dengan kerajaan. Depa patut jadi usahawan, patut jadi korporat, patut jadi *interpreter*, patut jadi *politician* dan sebagainya.

Jadi, sekarang ini tumpuan bila dia keluar. Dia ambil *business study* pun dia hendak jadi pegawai pentadbir. Jadi di sinilah yang menyebabkan bebanan balik kepada kerajaan. Dah kerajaan bagi mereka belajar pandai-pandai semua, pergilah sendiri cari makan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat supaya kita jangan menumpu supaya bila kejar di universiti itu, mestilah menjadi pegawai kerajaan semata-mata dan tidak berfikir tentang menjadi pegawai dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa, Mother Theresa bising apa lagi? [Ketawa]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jerai. Jadi memanglah ada yang akan bekerja dengan kerajaan, ada yang akan bekerja dengan swasta dan ada yang akan bekerja sendiri.

Jadi, apa yang penting bagi saya ialah kalau yang bekerja dengan kerajaan bermakna program-program IPTS yang telah diakreditasi itu memang diperakukan juga oleh JPA kalau dia hendak bekerja dengan kerajaan.

Jadi, untuk akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melihat tentang Audit Institusi. Jadi bagi maksud akta ini, AKM boleh menubuhkan satu jawatankuasa audit yang terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman khas dalam perkara ini yang berhubung dengan audit institusi. Jadi difahamkan juga bahawa dengan wujudnya AKM, lebih ramai *auditor* diperlukan untuk mengaudit institusi. Jadi adakah AKM telah membuat perancangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...Akhirnya, adakah AKM ini membuat perancangan untuk melatih lebih ramai *auditor* kerana tanpa *auditor* yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja khas, dari segi mengaudit institusi ini, saya yakin AKM atau akreditasi ini tidak dapat menepati kehendaknya. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Jadi dengan itu saya mohon menyokong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong dia tak bersedia lagi Tuan Yang di-Pertua. Dia tengah dok cari-cari.

3.40 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lima minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tak bersedia tu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, lima minit memang tak cukup tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, dia berikhtiar untuk menyempurnakan AKM dan untuk melaksanakan KKM dan DKM. Ha, ini semua KM punya pasal tapi ini memerlukan penguat kuasa yang cukup.

Saya mencadangkan supaya kita adakan kaedah yang baru untuk melantik kakitangan yang cukup bagi LAN dan juga bagi jaminan kualiti pendidikan. Di sini saya petik daripada perangkaan sepintas lalulah kerana ini baik juga. Daripada ini kita nampaknya Tuan Yang di-Pertua, misalnya pada 2005, LAN telah menerima sebanyak 1,011 permohonan untuk sijil, diploma, sarjana dan kedoktoran dan sebagainya dan sebanyak 796 permohonan telah selesai dengan mengambil masa yang panjang.

Kalau kita tidak ada kaedah yang baru untuk melantik pakar-pakar termasuklah Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu untuk menjadi ahli-ahli LAN dan juga itu jaminan kualiti kita akan menghadapi masalah.

Satu lagi di sini kita nampak kalau untuk Bahagian IV iaitu politeknik dan kolej komuniti hanya 13 muka sahaja perangkaannya tapi untuk IPTA memang 27. Ini bermakna masalah politeknik dan kolej komuniti memang tak cukup kerana kalau kita bandingkan kemasukan ke IPTA hampir 300,000, IPTS hampir 300,000 tetapi untuk politeknik dan kolej komuniti tak sampai 90,000.

Ini bermakna, kalau kita hendak menjayakan AKM, kita perlu wujudkan lebih banyak politeknik dan kolej komuniti kerana bukan semua orang layak untuk memasuki universiti. Kalau terlalu banyak masuk ke universiti tidak mengikut kriteria yang ditetapkan, banyak kriteria itu untuk amalan jaminan kualiti.

Kalau di sini itu ada sembilan kriteria itu, hebat bukan main kriteria yang diperlukan. Kita mesti melaksanakan semua kriteria ini dengan tepat. Saya percaya kepada Yang Berhormat Menteri kerana dia mempunyai ijazah yang tinggi, *first class* dan sebagainya dan mungkin dia akan berikhtiar lagi untuk memperbaiki keadaannya Tuan Yang di-Pertua.

Untuk birokrasi, kita mesti berikhtiarlah untuk mengurangkan birokrasi sebab sekarang kita diberitahu, akreditasi profesional hanya memerlukan satu hari dan kemudian dengan akreditasi yang sepenuhnya di dalam tempoh enam bulan. Bolehkah ini ditetapkan supaya kita boleh dengan lebih cepat lagi untuk mendapat akreditasi profesional dan juga akreditasi yang sepenuhnya?

Tuan Yang di-Pertua, jadi banyak lagi masalah sekarang termasuklah IPTA/IPTS yang mana kita mempunyai 40,000 pelajar asing. Ini memang satu perkara yang penting. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri berfikir bolehkah kita tubuhkan satu jabatan khas untuk menguruskan semua masalah pelajar asing? Jabatan khas di dalam Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menguruskan khasnya bagi pelajar asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagilah, banyak lagi. Sebab kita itu ada matlamat sasaran kita pada 2010 kita nak meningkatkan kepada 100,000 pelajar asing. Itu matlamat kita dan saya pun sukalah sama-sama baca ini. Semua orang mesti dapat perangkaan sepintas lalu kerana ini menunjukkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Kepada tahap kita untuk mencapai kedudukan pengajian tinggi kita dan juga kita berharaplah dengan kelulusan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia ini. Kita harap semua pelajar di Malaysia dapat masuk ke universiti ataupun ke kolej komuniti ataupun kepada politeknik dan sebagainya, menerima pendidikan yang setaraf dengan negara-negara maju. Itu semua harapan kita, semualah tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lima minit macam mana nak bincangkan masalah yang begitu rumit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu peluanglah itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya? Itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cukup dah ya? Saya pun nak menyertai perbincangan Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sebab Yang Berhormat bagi Kota Bharu kena menghadapi masalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap Yang Berhormat dapat itulah, mempertimbangkan cadangan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah Yang Berhormat, habis dah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha? Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Yang Berhormat Kota Bharulah pasal Kota Bharu jarang-jarang dia berucap. Lima minit ya, Yang Berhormat. Lepas ini Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

3.46 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil ucapan ringkas. Saya hanya ada beberapa perkara yang saya ingin menyebut mengenai Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Salah satu ciri, sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pengajian Tinggi kerana membuat penggubalan ini. Ini adalah satu *positive start* dengan izin, untuk memperbaiki *higher education* di negara kita. Saya hanya ingin membuat tumpuan kepada matlamat atau ciri-ciri MQF ini tentang harmonisasi antara aliran akademik dan profesional. Hubungan agensi ini dengan badan-badan profesional.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, kita banyak dengar cerita *sad story*. Seorang pelajar MARA pergi buat kursus dengan biasiswa, balik tapi tidak diterima oleh sesuatu badan kelayakan *professional body* yang tertentu. Ada yang membuat *law* ataupun mengambil pelajaran undang-undang di universiti tertentu yang diiktiraf, yang ada akreditasi tetapi bila balik, badan profesional masing-masing seperti peguam, *a qualifying board*, ataupun arkitek, *engineers*, mereka juga ada syarat-syarat tertentu.

Maka tadi kita dengar bahawa tujuan pembelajaran pendidikan ialah juga untuk mencari pekerjaan. Jadi kalau tidak ada harmonisasi ini, maka sia-sialah ataupun rugilah pelajar-pelajar kita yang mengambil kursus yang diiktiraf itu, yang mendapat *accreditation* tetapi tidak dapat menjadi seorang profesional kerana ditolak oleh badan-badan profesional yang saya sebutkan tadi.

Saya tahu dalam rang undang-undang ini dicadangkan satu jawatankuasa teknikal di bawah seksyen 51. Ada satu penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama tetapi saya tidak merasakan ini memadai kerana dalam seksyen 51(1), bahawasanya suatu Jawatankuasa Teknikal Bersama yang terdiri wakil badan profesional yang berkenaan (*the relevant professional body*) itu, seorang pegawai agensi dan mana-mana orang yang didapati perlu oleh badan profesional yang berkenaan. Ini bererti jawatankuasa teknikal bersama ini, ramai orang daripada badan profesional tadi. Wakil agensi hanya seorang.

Jadi saya tak tahulah berapa rupa bentuk jawatankuasa teknikal ini dan di bawah seksyen 54, badan profesional yang berkenaan boleh; ini saya baca dengan izin;

“Atas syor Jawatankuasa Teknikal Bersama, pada bila-bila masa mengeluarkan perakuan akreditasi di bawah subseksyen 52 mengenakan apa-apa syarat yang disifatkan perlu dan sesuai, meminda, mengubah dan sebagainya”.

Jadi, di bawah seksyen 55, apa-apa syarat yang dibuat oleh jawatankuasa ini, agensi hendaklah membatalkan perakuan akreditasi kalau jawatankuasa ini kata batal. Maka inilah yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kerajaan merasakan perlu mengawal ataupun *coordinate* dengan badan-badan profesional ini, kerana badan-badan profesional ini dia orang ini degil juga kadang-kadang.

Dia orang buat syarat sendiri kononnya untuk menjaga *members interest* termasuklah badan saya yang saya juga ahli badan peguam, tetapi kerajaan ada hasrat dan ada dasar yang lebih luas untuk menentukan bahawa syarat yang ditentukan oleh badan-badan profesional ini secocok dengan hasrat kerajaan menggubal NQF, menggubal agensi kelayakan, sebelum ini kita ada LAN untuk badan-badan pengajian tinggi swasta.

Jadi kalau kita tidak dapat walaupun perkataannya harmonis, kerajaan dan menteri dengan dasar yang dibimbing oleh kerajaan sekurang-kurangnya *share* yang kuat dalam hal ini kita akan terus dalam keadaan di mana arkitek buat peraturan sendiri. Apa pun yang dilakukan agensi di bawah akta ini, arkitek kata itu agensi punya keputusan.

Lagipun di bawah jawatankuasa teknikal ini seolah-olah mereka lebih ramai daripada wakil agensi. Jadi saya tidak tahulah semasa Kabinet meluluskan penubuhan ini pada tahun 2005, apakah ada *understanding* jangan sentuh *professional bodies*, kerana pada saya selagi kita tidak menyentuh *professional bodies*, selagi kerajaan tidak sanggup berdepan dengan isu-isu, masalah yang saya sebutkan tadi saya rasa perkara ini akan berterusan.

Harmoni tidak ada dan permasalahan orang ramai, buat kursus kena pergi *check* dulu, *check* dengan siapa mungkin *check* dengan agensi. Agensi kata okey kursus ini ada pengiktirafan tetapi bila dia mahu *call to the Bar*, atau hendak jadi arkitek, mungkin dia ada masalah lain. Jadi apakah *assurance* kerajaan dalam hal ini, di bawah akta ini? Kalau saya mungkin terlupa ataupun *overlook* saya minta maaf dengan menteri tetapi saya tidak nampak persoalan ini diatasi ataupun dihadapi.

Perkara kedua dan akhir Tuan Yang di-Pertua, ialah agensi ataupun badan ini. Menteri melantik selain daripada jawatan-jawatan tertentu, KSU misalnya, semua KSU, ramai KSU yang jadi ahli dan Menteri, ada lapan orang kalau tidak silap saya, boleh lantik.

Saya ingin mencadangkan kalaulah boleh Menteri, biarlah agensi ini diduduki oleh orang-orang akademik. Saya tidak nampak bagaimana perlunya kita, pembaharuan bagaimana yang kita hendak lakukan kalaulah orang yang bertanggungjawab sekarang ini pun, KSU-KSU pun bertanggungjawab sekarang ini dan kalau kita ambil balik dia orang masuk dalam agensi ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Jerai.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: ...How it is going to change, dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tetapi nanti Tuan Yang di-Pertua marah saya pula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak marah Tuan Yang di-Pertua ini baik. Saya kurang bersetujulah semua *academician*. *Politician* di mana? Kita memerlukan juga *politician* untuk menyuarakan hasrat rakyat. Apa salahnya lantik seorang dua wakil rakyat, Ahli Parlimen kita untuk menduduki dalam Majlis ini supaya kita boleh menyuarakan pandangan dan pendapat rakyat, rintihan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya tidak bermaksud *academician*, maksud saya kerana hendak cepat tadi, maksudnya mereka-mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang baik seperti Yang Berhormat Menteri sendiri. Kalau ramai orang macam dia mudah dia hendak atur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada Ahli Parlimen yang profesor juga Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Ya, saya percaya ada profesor dan ada orang-orang lain. Jadi kalaulah kita...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kadang-kadang Yang Berhormat, profesor sahaja pun tidak jadi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kadang-kadang orang itu terlampau cerdik Tuan Yang di-Pertua, dia jadi tidak cerdik. Ini ada, dia *too smart* sampai dia jadi tidak *smart*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi kita kena letak orang-orang yang ada *vision*, ada pandangan, ada persefahaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, duduk. Kota Bharu sila gulung, habiskan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Jadi maksud saya biarlah jawatankuasa di bawah agensi ini terdiri daripada orang-orang yang lain daripada orang yang ada sekaranglah, yang bertanggungjawab tentang pelajaran tinggi sekarang ini.

Saya juga ingin kalau boleh Yang Berhormat Menteri sedikit penjelasan kerana di bawah seksyen 51(2), saya agak sedikit tidak dapat memahami maksud *provision* itu dan saya harap Yang Berhormat Menteri mungkin dapat secara *written reply*kah apakah, saya rasa agak *a bit of* tidak faham, saya tidak fahamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah banyak masa mencelah habis masa orang lain bercakap.

3.55 ptg.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi banyak pandangan yang substantif, yang bernas kepada kementerian dan pegawai-pegawai saya daripada Lembaga Akreditasi Negara, Kementerian Pengajian Tinggi dan wakil universiti hari ini amat rasa bersyukur dapat mengikuti perbahasan yang cukup bermakna.

Untuk itu saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Padi tadi apabila saya mendengar perbahasan saya berasa amat risau tetapi pada petang ini nampaknya begitu bernas sekali pandangan-pandangan yang dikemukakan. Saya cukup insaf, sedar bahawa harapan Ahli Yang Berhormat amat tinggi kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana ia menyentuh perasaan kita semua.

Memanglah tujuan kita ialah untuk meningkatkan keyakinan kepada pengajian tinggi di Malaysia. Tujuan kita ialah untuk meningkatkan dengan izin, *comparativeness* seperti yang disebut dan juga untuk melahirkan modal insan yang terbilang di negara kita. Saya juga mengucapkan terima kasih atas pandangan yang diberikan supaya ditingkatkan *delivery system* dengan izin. Untuk mengurangkan kerenah birokrasi yang disentuh oleh banyak Ahli Yang Berhormat, pandangan untuk diberi kursus kepada pegawai-pegawai agensi, meningkatkan kecekapan supaya dipertingkatkan penguatkuasaan.

Jadi pandangan ini amat bermakna dan saya memberi jaminan di sini bahawa kita selaras dengan kehendak semua rakyat Malaysia, kita akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya perbahasan tertumpu pada tiga perkara besar ataupun tiga kategori.

Yang pertamanya perbahasan yang menyentuh secara langsung akta ini ataupun *bill* ini, peruntukan-peruntukan seperti Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi sentuh secara khusus *bill* ini, itu yang pertama. Yang keduanya, perbahasan yang relevan kepada Kementerian Pengajian Tinggi tetapi kaitan dengan *bill* ini kurang jelas. Yang ketiga di tengah-tengah, 50/50 dengan izin, yang relevan kepada akta tetapi pada masa yang sama juga relevan kepada pengajian tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada petang ini saya akan merujuk secara khusus isu-isu spesifik yang dibangkitkan dan isu-isu yang umum saya ambil perhatian dan pegawai saya ambil perhatian. Contohnya berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Beluran berkaitan dengan sijil palsu.

Saya ingin maklumkan di sini bahawa kita sedang merangka satu Akta Pengajian Tinggi Negara (APTN) dan memanglah kita cukup sedar isu ini penting seperti yang dibangkitkan oleh Beluran, oleh Sri Aman dan lain-lain mengenai Ph.D yang palsu dan lain-lain kaedah dapat diberi yang boleh dipertikaikan ini akan kita rangkumkan dalam akta ataupun *bill* yang sedang dirangka oleh kerajaan.

Jadi hakikat bahawa masalah, isu yang tidak disentuh dalam *bill* ini tidak bermakna kerajaan tidak akur dengan isu-isu yang dibangkitkan. Ini contoh isu yang penting untuk Kementerian Pengajian Tinggi tetapi tidak ada kaitan secara langsung dengan *bill* yang kita timbang pada petang ini. Begitulah juga berkaitan dengan *employability*, ada pertikaian pendapat antara Sabak Bernam dengan Kuala Lipis umpamanya dan juga dengan Sungai Petani di satu sudut.

Sabak Bernam menggesa supaya ada dengan izin, *perfect match* antara keluaran universiti dengan keperluan industri. Di sudut yang lain Kudat dan juga Sungai Petani dan juga Lipis, Santubong menyatakan bahawa kita perlu beri tumpuan kepada ilmu akses kepada *education* dan pendemokrasian pendidikan juga adalah amat penting.

Isu ini penting tetapi saya sebut tidak ada kaitan secara langsung dengan *bill* ini. Begitulah juga komen-komen berkaitan dengan pelajar-pelajar antarabangsa yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Kita sudah tubuhkan satu unit antarabangsa yang dibangkitkan tadi oleh Kepong dan ada juga cadangan. Ini tidak ada kaitan langsung dengan *bill*, tapi relevan untuk Kementerian Pengajian Tinggi dan insya-Allah kita akan ambil perhatian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa Kepong?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kepong juga ada bercakap tentang politeknik, tidak ada kaitan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You are not prepared.*

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...dengan *bill* ini tapi kita ambil perhatian. Jadi Tuan Yang di-Pertua setelah tiga...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya selesai dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai. Tak fahamkah? Tak fahamkah apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, Kepong tak faham. Lain *bill* lain dia bercakap. Saya yang tadi Yang Berhormat kata ada tiga kategori, saya yang tengah-tengah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri sudah kata yang tak dapat jawab nanti ambil perhatian. Jadi duduklah tunggu jawapan nanti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan pelajar antarabangsa ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah berkaitan dengan *bill* ini Yang Berhormat Menteri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada, ada. Ia di tengah-tengah. 50-50.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau 50-50 saya buat keputusan tak payahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apa, cuma satu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlulah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu sahaja, pertamanya hendak ucap...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Haiya, *mother* Teresa ni bising sahaja hari-hari. [*Ketawa*] Cuma satu Tuan Yang di-Pertua saya teringat fasal baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua bawa kami, Ahli Parlimen ke Australia.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tak bawa saya pun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Five of us, five of us.* Yang faham fasal politik ini Australialah yang bawa. Jadi kita berbincang juga fasal pertukaran pelajar antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, kerana *tuning programme* ini kadang-kadang menguntungkan di sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah perkara ini berkaitan dengan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Berkaitan fasal ia dalam *bill* ini kelayakan jawatankuasa Tuan Yang di-Pertua. Ini Jawatankuasa Agensi Kelayakan Malaysia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ada berkaitan kenapa Yang Berhormat kata 50-50.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, 50-50 yang tadi itu yang saya tanya fasal permulaan itu, tapi ini saya masuk ikut arahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau arahan saya sudah putuskan, saya sudah pun membuat keputusan supaya Menteri tak payah jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak apa yang itu satu, yang keduanya Tuan Yang di-Pertua terima kasih kelmarin *intake students* universiti saya dapat *feedback* memuaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini hendak jek Menteri sedikit. Hendak bagi Menteri *happy* sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cuma satu Yang Berhormat Menteri tolonglah, kadang-kadang orang susah. Universiti dekat-dekat ini ada tapi hantar pergi jauh jadi ini masalah kepada wakil rakyat. Kita kena bagi duit sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lepas ini saya akan rujuk balik kepada peraturan mesyuarat supaya ada peraturan mesyuarat untuk saya mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat tak mengikuti keputusan yang dibuat. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tarik balik dan saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat Menteri sila.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya akan menjawab isu-isu yang ada kaitan langsung dengan *bill* yang kita bahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat, tadi yang saya putuskan memang betul.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tak berkaitan, betul? Jadi saya harap tidak ada Ahli Yang Berhormat yang lain mengikuti Jerai. Sila ingat baik-baik.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama tadi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong pun tak ikut tadi.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang pertama Tuan Yang di-Pertua berkaitan nama. Sungai Petani ada bangkitkan tentang kenapa digunakan MQA dan bukan AKM.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa ini adalah untuk memastikan bahawa penjenamaan ini diketahui oleh masyarakat antarabangsa, kerana salah satu daripada perkara penting yang ingin kita buat melalui *bill* ini ialah untuk mempromosikan Malaysia di luar negara dan perkataan "Q" itu adalah sinonim dengan kualiti. Itu sebabnya kenapa kita akan gunakan sebagai akronimnya seperti yang kita cadangkan ialah MQA dan saya harap Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan perkara ini.

Berkaitan dengan Kuala Terengganu kenapa bukan autoriti, kenapa agensi. Di peringkat antarabangsa nama agensi ini lebih digunakan kerana kita kena *benchmark* dengan negara-negara luar dan agensi ini memberi satu gambaran yang *facilitative* ataupun mempermudah dengan *customer friendly authority*, memberi gambaran bahawa kita akan dengan izin, *'breath down their throat'* tapi ini bukan bermakna bahawa kita tidak akan melaksanakan penguatkuasaan.

Ada juga banyak peruntukan dalam ini satu bab yang memperuntukkan beberapa bahagian berkaitan dengan denda yang akan dikenakan kepada mereka yang menyeleweng yang tidak selaras dengan akta. Jadi itu rasional kenapa MQA digunakan iaitu rasional kenapa agensi dan bukannya autoriti digunakan.

Saya hendak rujuk seterusnya kepada isu yang dibangkitkan oleh Ketereh. Isu utama yang dibangkitkan oleh Ketereh, beliau risau adakah ini akan mengurangkan kuasa badan-badan profesional. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa sebenarnya hasrat kami ialah untuk membentangkan *bill* ini lebih awal di sidang Parlimen yang lalu, tetapi sebenarnya pergi ke Kabinet pada bulan Mac yang lalu.

Oleh kerana terdapat beberapa bantahan yang agak substantif daripada badan-badan profesional termasuklah *surveyor*, arkitek, *engineers*, *lawyers* maka kita telah mengadakan satu lagi pusingan perundingan. Jadi saya beri jaminan di sini bahawa *bill* ini memberi kuasa yang besar juga kepada banda-badan profesional.

Jadi ini pandangan Ketereh yang bercanggah dengan pandangan Kota Bharu. Kota Bharu menyatakan bahawa adakah *bill* ini akan membuka ruang yang lebih luas. Adakah ini bermakna bahawa badan profesional akan menguasai kerajaan. Jadi pendekatan yang kita ambil di sini ialah pendekatan *consultative*, perundingan malah rundingan diadakan dalam tempoh 18 bulan. Rundingan sebenarnya diadakan sebelum *bill* dibentangkan.

Semasa sekarang ini pun rundingan dan selepas berterusan jawatankuasa teknikal yang disebut oleh Kota Bharu, fasal 51 umpamanya, adalah berkaitan dengan perundingan yang akan berlaku setelah *bill* ini diluluskan oleh Parlimen. Jadi ini *approach* yang kita ambil pendekatan. Kita bukan membuat ini semua berseorangan ataupun bersendirian. Ia merupakan proses perundingan yang berterusan daripada mula hinggalah sampai bila-bila. Ini pendekatan.

Oleh itu saya ingin memberi jaminan kepada Ketereh bahawa tidak ada pengurangan dalam kuasa badan profesional. Ada perbezaan pendapat antara Kota Bharu dengan Ketereh. Saya harap mereka berdua akan menyelesaikan.

Berkaitan dengan Ahli-ahli Majlis ada lapan. Jadi peruntukan menyatakan sekurang-kurangnya lapan dan lapan adalah daripada orang lain sekurang-kurangnya dua daripada badan profesional. Perkataan digunakan sekurang-kurangnya dua. Maknanya lebih daripada itu dan saya ambil kira pandangan Jerai. Jerai kena dengar ini. Ya Jerai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, Yang Berhormat Menteri panggil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Dato' Mustapa bin Mohamed: Jerai, sila duduk. [*Ketawa*]

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Siapa Tuan Yang di-Pertua ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya ingin mengambil pandangan daripada Jerai. Saya rasa pandangan Jerai ini bernas beliau mencadangkan supaya ahli-ahli politik bukan sahaja ahli akademik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...ahli akademik sahaja. Jadi lapan ini kita ambil kira pandangan Ketereh, pandangan Kota Bharu dan Jerai kita ambil kira dan memang perancangan kementerian ialah untuk melantik seorang Ahli Parlimen yang terbaik di kalangan untuk menjadi ahli majlis ini. Jadi ini saya hendak bagi jaminan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Seorang sahaja Yang Berhormat Menteri? Lapan Yang Berhormat Menteri, tak akan seorang sahaja, Yang Berhormat Menteri. Sekurang-kurangnya dua Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata sekurang-kurangnya dua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. Jadi itu berkaitan dengan Ketereh, Kota Bharu dan Jerai. Sungai Petani banyak bercakap semalam dan hari ini dan saya akan cuba untuk menjawab beberapa isu yang dibangkitkan oleh beliau.

Isu yang utama dibangkitkan yang mencetuskan banyak perbahasan ialah isu *ranking* dan *rating*. Memang matlamat kita ialah untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi dalam negara kita. Walaupun *bill* ini tidak ada kaitan langsung dengan *ranking* dan *rating*, tapi sudah pasti ia akan ada kesan kepada kedudukan universiti-universiti di negara kita.

Jadi saya ingin memberi jaminan di sini saya tak mahu pergi dengan izin, *too details* kerana tidak ada kaitan secara langsung. Ini 50-50 tadi. Saya ingin beri jaminan di sini bahawa kita telah mendengar pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat tentang *rating* dan *ranking* tadi dan ada juga pertanyaan sama ada LAN akan menjalankan penarafan institusi dalam negara kita.

Saya ingin maklumkan bahawa pihak LAN sudah pun memulakan penarafan institusi dalam negara kita dan sedang dimuktamadkan, belum lagi selesai dan ini ialah untuk institusi dalam negara kita. Kita hendak buat perbandingan kedudukan universiti. Kita ada 20 IPTA umpamanya. Mana yang difikirkan terbaik berbanding dengan universiti lain ini sedang kita lakukan. Jadi saya tak mahu pergi dengan *detail* perkara ini.

Berkaitan dengan pelajar asing yang dibangkitkan oleh Sungai Petani saya sudah sebut tadi dan berkaitan dengan penguatkuasaan. Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini dan seperti yang sedia maklum ini terkandung dalam salah satu bahagian dalam *bill* ini. Memang peruntukan-peruntukan tertentu telah dikenakan ataupun telah diperuntukkan umpamanya merekrut pelajar untuk program tidak mendapat akreditasi.

Hukumannya RM100,000 atau dua tahun penjara dan banyak lagi. Ada lapan semuanya peruntukan berkaitan dengan perkara ini dan yang penting ingatan oleh Yang Berhormat supaya ditingkatkan penguatkuasaan. Tak guna kita ada undang-undang kalau tidak dikuatkuasakan. Ini saya kira satu ingatan yang amat baik daripada Yang Berhormat. Ingatan kepada pegawai-pegawai saya dan kita akan pastikan bahawa penguatkuasaan ini berkesan supaya kualiti dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Sungai Petani juga - adakah tindakan undang-undang akan diambil terhadap ketua eksekutif IPTS yang menyeleweng. Saya telah sebut tadi ini diperuntukkan dalam salah satu bahagian dalam rang undang-undang ini. Berkaitan dengan definisi universiti dan kolej universiti dibangkitkan oleh Sungai Petani, kita sebut tadi tidak relevan kepada *bill* ini, maka saya tidak akan sentuh perkara ini.

Perkara yang disentuh oleh Sungai Petani juga ialah mengenai kebebasan akademik IPT. Adakah bermakna dengan adanya *bill* ini akan menyekat kebebasan akademik universiti. Ini isu yang penting untuk ahli-ahli akademik. Saya memberi jaminan di sini bahawa universiti ada kebebasan, tetapi ada hadnya. Dalam negara kita ada undang-undang, universiti bergantung kepada kerajaan untuk perbelanjaannya, maka sudah pasti kerajaan ada kawalan terhadap universiti.

Dalam pada itu, universiti mempunyai banyak autonomi dan dengan adanya rang undang-undang ini, bukan bermakna kita menyekat kebebasan akademik IPT. Namun apa yang kita hendak buat ialah memastikan kualiti institut pengajian tinggi ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, juga dibangkitkan tentang *twinning programme* tadi dan juga kualiti program-program luar negara akan juga dipantau oleh *bill* ini.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain yang dibangkitkan dan banyak celahan yang saya kira saya tidak perlu untuk menjawab satu-persatu. Satu lagi isu substantif yang dibangkitkan oleh Jasin ialah berkaitan dengan pengawalan program oleh Kementerian Sumber Manusia dan beberapa kementerian yang lain. Seperti yang sedia maklum, pengajian tinggi disediakan oleh beberapa kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Belia dan Sukan.

Jadi, persoalannya kenapa tidak satu sahaja agensi yang bertanggungjawab untuk menjamin kualiti. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa Parlimen sudah meluluskan Akta Sumber Manusia yang merujuk kepada *skills* yang mana berkaitan dengan kursus-kursus yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Maka akta ini mengiktiraf proses yang telah dilalui oleh institusi ini.

Oleh hal yang demikian, akta ini akan menerima pakai apa yang telah diiktiraf oleh pihak Kementerian Sumber Manusia. Dalam pada itu, saya ingin menjelaskan bahawa ini tidak melarang beberapa badan atau institusi untuk mendapat pengiktirafan dan akreditasi secara *voluntary* (sukarela).

Jadi saya ingin menegaskan di sini bahawa *bill* ini mengiktiraf beberapa peruntukan dalam akta yang lain iaitu NASDA (National Skills Development Act) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Akta MQA menerima pakai keputusan penilaian yang dibuat oleh NASDA. Ini bermakna bahawa NASDA hendaklah memastikan bahawa proses jaminan kualitinya berjalan dengan baik untuk memastikan ia mendapat pengiktirafan dan keyakinan daripada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu antara isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang lain-lain seperti yang saya maklumkan tadi, ia ada kaitan secara tidak langsung, penting untuk pengajian tinggi tetapi tidak ada kaitan langsung dalam *bill* ini, maka saya telah memilih untuk tidak menjawab secara khusus.

Ada isu-isu lain yang dibangkitkan, Puchong umpamanya membangkitkan tentang kebimbangan kerana adanya percanggahan antara arahan menteri dengan arahan majlis. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa dalam mana-mana keadaan sudah pasti menteri mempunyai kuasa untuk memberi arahan yang jelas kepada pihak ketua eksekutif.

Ada isu-isu yang spesifik dibangkitkan oleh Kota Bharu, saya sudah menjawabnya iaitu isu berkaitan dengan 51(2). Beliau telah meminta saya memberikan kenyataan bertulis. Nampaknya saya telah meneliti perkara ini, mungkin timbul sedikit salah tafsiran, maka saya akan memaklumkan kepada beliau apa yang dimaksudkan sebenarnya dengan 51(2).

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab isu-isu utama. Yang penting ialah *bill* ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat yakin dengan pendidikan tinggi dalam negara kita, bukan sahaja masyarakat Malaysia, tetapi juga masyarakat antarabangsa. Yang keduanya kita hendak tingkatkan kualiti dan yang ketiga kita hendak tingkatkan modal insan dalam negara kita.

Saya akur dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa harus ada penguatkuasaan yang tegas untuk memastikan tidak ada penyelewengan dan untuk memastikan kualiti dapat dipertingkatkan. Saya telah sebut tadi dan memberi jaminan bahawa kita sudah mengadakan konsultasi dengan badan-badan profesional dan *bill* ini tidak bertujuan untuk menghakis peranan dan kuasa badan profesional.

Berkaitan dengan keanggotaan Ahli Majlis, insya-Allah kita ambil perhatian pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya ucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan membantu dalam memastikan bahawa *bill* ini akan diluluskan dan seterusnya akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 127 -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

4.18 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma berhubung dengan fasal 96 - Pendaftaran Pelajar Bagi Program Yang Didakwa Diakredit.

Saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa dalam fasal ini dikatakan mana-mana orang yang mendaftarkan pelajar bagi suatu program yang didakwa sebagai program diakredit tanpa suatu pengakuan melakukan suatu kesalahan.

Saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa didapati ada pemberi pengajian tinggi swasta yang menganjurkan program-program di bawah *distance learning* dengan universiti asing, tetapi mereka tidak berniat untuk mengakreditasikan program mereka mengikut akta ataupun rang undang-undang ini. Apakah dalam keadaan ini, orang-orang ini boleh dikatakan melakukan satu kesalahan?

Sebab mereka memang tidak ada niat untuk akredit program mereka dengan MQA, tetapi mereka lebih berminat untuk menganjurkan *tutorial* dan sebagainya untuk *distance learning* dengan sebuah universiti asing. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sebentar ya. Yang Berhormat Kuala Terengganu dulu.

4.19 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada kuasa untuk meminjam pada muka surat 27, fasal 32. Yakni saya bacakan, "Agensi boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa kadar bunga." Apabila disebut tentang kadar bunga ini, konotasinya adalah pinjaman daripada bank komersial. Apakah agensi ini hanya sanya meminjam daripada bank komersial sahaja iaitu yang menggunakan istilah.

Saya perbahaskan dari segi konsep istilah bunga itu. Kalau dari segi bank Islam, barangkali *Islamic banking*, ia melihat ini adalah merupakan satu konsep yang haram iaitu riba, maka digunakan konsep keuntungan. Atau apakah lebih baik kalau sekiranya, saya baca sekali lagi, "...pada apa-apa kadar bunga atau kadar keuntungan". Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, memanglah bukan menjadi hasrat agensi ini untuk meminjam cuma daripada bank-bank konvensional. Kita juga kalau ada keperluan, kalau hendak pinjam memanglah yang pertama itu perlulah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Itu satu perkara yang asas.

Pertama, mesti mendapat kelulusan Menteri Kewangan. Kedua, adalah bukan hasrat kita untuk meminjam cuma daripada bank-bank konvensional, bank-bank lain termasuk bank-bank Islam juga boleh, jika perlu menyediakan pinjaman kepada agensi ini.

Kedua, berkaitan dengan perkara 96, yang dibangkitkan oleh Bandar Kuching...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tanjong. Minta maaf. Sesiapa yang ingin mengendalikan program di Malaysia hendaklah mengakreditasikan program itu dalam negara kita walaupun ia merupakan program berkembar. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 127 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan Persekutuan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam adalah terletak di bawah perkara kebersihan dalam senarai bersama. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai kuasa legislatif mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pada ketika ini, sisa pepejal dan pembersihan awam pada umumnya adalah diurus oleh pihak berkuasa tempatan. Sungguhpun demikian Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga terlibat secara aktif dalam pengurusan sisa pepejal, terutama dalam memberikan peruntukan kewangan bagi membantu pihak berkuasa tempatan yang tidak berkemampuan secara persendirian menguruskan sisa pepejal.

Kerajaan Persekutuan juga telah mengeluarkan peruntukan kewangan yang banyak dalam membina kemudahan-kemudahan rawatan dan pelupusan pengurusan sisa pepejal di samping pembinaan infrastruktur lain yang diperlukan bagi memastikan kemudahan-kemudahan berkenaan dapat beroperasi dengan sempurna.

Dalam hal ini, untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan sisa pepejal di negara ini, Jemaah Menteri pada 6 September 1995, bersetuju supaya tanggungjawab yang dipikul oleh PBT ini diswastakan. Sebagai langkah pra penswastaan, Jemaah Menteri sekali lagi pada 8 April 1998 bersetuju supaya penswastaan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara dilaksanakan secara interim, sementara menunggu penswastaan sepenuhnya dilaksanakan.

Dalam proses penswastaan secara interim ini, dua buah syarikat konsesi iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. dan Southern Waste Management Sdn. Bhd. masing-masing telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam dari 48 buah PBT di Wilayah Tengah dan Selatan.

Bagi Wilayah Utara pula, konsesi tersebut diberi kepada Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. dan pada ketika ini syarikat ini masih belum mengambil alih perkhidmatan tersebut. Dalam hal ini, pengurusan sisa pepejal bagi Kelantan masih diurus oleh pihak berkuasa tempatannya.

Majlis Negara bagi kerajaan tempatan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2007, telah bersetuju supaya perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam di Terengganu dan Wilayah Utara diswastakan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. dan Syarikat E-Idaman secara interim selama setahun masing-masing.

Bagi Sabah dan Sarawak pula mereka dikecualikan, kerana masing-masing mempunyai perundangan tersendiri bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Namun begitu, sekiranya kedua-dua kerajaan negeri berhasrat untuk dilibatkan secara langsung dalam skop rang undang-undang ini, Kerajaan Persekutuan tiada halangan dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengembangkan bidang kuasa undang-undang ini di kedua-dua negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh PBT lebih tertumpu pada aktiviti penstoran, kutipan dan pengangkutan, manakala aspek rawatan dan pelupusan sisa pepejal kurang mendapat keutamaan. Di samping itu, pembersihan awam yang dijalankan oleh PBT merangkumi aktiviti-aktiviti antara lain pembersihan jalan awam, tempat awam, tandas awam, longkang, pasar, pusat penjaja, pesisiran pantai dan pemotongan rumput.

Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengikuti perkembangan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara dekat dan serius. Dari pemantauan yang berterusan, kementerian ini telah mendapati bahawa isu dan masalah yang dihadapi oleh PBT berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah meningkat dan menjadi semakin rumit dari sehari ke sehari.

Justeru itu, bukan sahaja mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai telah terjejas malah alam sekitar juga tercemar. Banyak faktor yang telah dikenal pasti menyumbang kepada ketidakberkesanan PBT dalam mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini.

Pertamanya, pihak PBT mengalami kesulitan kewangan dan masalah kekurangan kakitangan dan tenaga kerja terlatih untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Kebanyakan PBT tidak memperoleh sumber pendapatan yang mencukupi bagi memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan awam. Akibatnya banyak PBT tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyelenggara dan membina kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal bagi menangani masalah ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukan kewangan kepada PBT bagi membantu mereka membina dan menaik taraf kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah membekalkan kenderaan-kenderaan bagi mengutip sisa pepejal.

PBT bukan sahaja tidak dapat menyelenggara dan membina kemudahan pengurusan sisa pepejal, tetapi menghadapi kesulitan untuk membayar kepada syarikat konsesi akan perkhidmatan yang telah diberikan. Semenjak pelaksanaan penswastaaan secara interim, terdapat PBT yang tidak membuat pembayaran kepada syarikat konsesi sehingga menyebabkan bayaran tertunggak bagi tempoh yang lama.

Oleh itu, bantuan kewangan juga terpaksa diberikan bagi membantu PBT melunaskan hutang mereka kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan. Dalam hal ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan bantuan lebih kurang RM50 juta daripada tahun 1998 hingga 2005. Malangnya keadaan sedemikian masih berlarutan sehingga kini. Sehingga 31 Disember 2006, masih terdapat bil-bil berjumlah RM162 juta yang masih belum dibayar kepada pihak konsesi bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka.

Isu kedua yang telah dikenal pasti menyumbang kepada perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam yang tidak memuaskan adalah tiada suatu sistem yang bersepadu dan menyeluruh dilaksanakan di seluruh negara. Setiap PBT dan syarikat konsesi mempunyai pendekatan-pendekatan yang berbeza tanpa satu indeks penunjuk utama ataupun *key performance index* yang jelas.

Di samping itu, tidak ada dapat koordinasi dan persefahaman di antara satu PBT dengan yang lain terutama dalam aspek penerimaan sisa pepejal untuk dilupuskan. Begitu juga di antara syarikat konsesi dengan kontraktor-kontraktor mereka. Isu ketiga yang menyumbang kepada masalah mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan oleh pihak konsesi ialah tempoh penswastaaan secara interim yang telah berlarutan terlalu lama.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan penswastaaan pengurusan sisa pepejal sejak tahun 1998 lagi. Sehingga kini iaitu hampir sembilan tahun berlalu, proses penswastaaan masih lagi kekal di tahap interim di mana tiada perjanjian konsesi ditandatangani dan keadaan tidak menentu ini telah mengakibatkan syarikat-syarikat konsesi sukar untuk mendapat pinjaman daripada institusi kewangan untuk terus melabur dalam infrastruktur-infrastruktur yang diperlukan.

Oleh yang demikian, mereka tidak dapat untuk membuat perancangan menyeluruh dan juga untuk melabur dengan secukupnya kerana masa hadapan yang kabur. Hasilnya perkhidmatan yang diberi oleh mereka tidak dapat mencapai tahap yang memuaskan. Akibat daripada berbagai-bagai kelemahan dalam pengurusan sisa pepejal tersebut, ia telah mengakibatkan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran kualiti air dan udara di samping bau busuk telah berlaku terutama yang melibatkan tapak pelupusan.

Banyak daripada tapak-tapak pelupusan tersebut hanyalah merupakan tapak pembuangan terbuka dengan izin, *open dump sites* atau tapak pelupusan yang tidak sanitari ataupun *non sanitary landfills*. Akibatnya sungai-sungai dicemari dengan air larut resap atau *leachate* yang mengalir tidak dirawat daripada tapak pelupusan berkenaan tanpa kepakaran dan peruntukan kewangan yang mencukupi. Pihak PBT tidak berupaya untuk membendung pencemaran alam sekitar yang terhasil daripada tapak pelupusan yang tidak sanitari berkaitan.

Sehingga April 2007, terdapat 261 tapak pelupusan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 111 tapak pelupusan telah ditutup manakala 150 masih beroperasi dan 37 daripadanya merupakan tapak yang berada sama ada di hulu muka sawk, tepi sungai atau laut. Selain itu, daripada 150 tapak yang masih beroperasi 140 tapak adalah tidak sanitari.

Peruntukan yang tinggi diperlukan untuk menjalankan operasi untuk menutup secara selamat ataupun *safe closure* tapak-tapak pelupusan yang tidak sanitari ini terutama yang berada dekat dengan sungai dan muka sawk. Peruntukan yang banyak juga diperlukan untuk menaik taraf tapak-tapak pelupusan sedia ada.

Dalam hal ini, anggaran kos bagi projek-projek menutup secara selamat sebanyak 48 tapak-tapak pelupusan sisa pepejal mencecah hampir RM200 juta. Ini tidak termasuk membina kemudahan-kemudahan baru, menaik taraf dan sebagainya. Pada kesimpulan, PBT tidak mampu untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi oleh PBT dan juga syarikat konsesi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Kerajaan juga amat peka terhadap masalah yang akan timbul jika sisa pepejal tidak diurus dengan berkesan dan cekap. Keadaan ini menjadi semakin mencabar dengan kuantiti sisa pepejal yang dikeluarkan semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Adalah diunjurkan bahawa lebih daripada 31,000 tan sisa pepejal akan dikeluarkan dalam setiap hari menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, dalam menuju ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020, kita tidak boleh membiarkan kesihatan dan kualiti hidup penduduk terjejas.

Kita juga tidak boleh membiarkan alam sekitar termasuk sungai-sungai kita musnah dan kualiti udara menurun akibat sistem kutipan dan pengangkutan sisa pepejal yang tidak bermutu dan kemudahan rawatan dan pelupusan yang tidak diselenggarakan dan tidak dibina menepati standard-standard yang ditetapkan.

Menyedari hakikat ini, satu dasar pengurusan sisa pepejal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006 bagi menentukan hala tuju pengurusan sisa pepejal negara dan sebagai asas pelaksanaan penswastaaan pengurusan sisa pepejal. Dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mapan dan diterima masyarakat yang memementingkan pemeliharaan alam sekitar.

Pemilihan teknologi terbukti yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam dan melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *waste management hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurusan sisa melalui 3R ataupun dengan izin, *Reduce, Reuse and Recycle*. Rawatan perantaraan dan pelupusan akhirnya, dengan mengambil pendekatan 3R, dapat menjamin supaya hanya sisa pepejal tidak boleh digunakan semula atau dikitar semula sahaja masuk ke dalam tapak pelupusan. Ini akan mengurangkan kuantiti sisa pepejal dilupuskan dan seterusnya dapat memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan.

Bagi mencapai objektifnya, dasar ini mempunyai enam teras dan teras ketiganya adalah untuk mewujudkan undang-undang, peraturan dan institusi. Oleh yang demikian di Dewan Yang Mulia ini, saya akan membentangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Rang Undang-undang ini membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih tugas PBT berkaitan dan menunaikan tanggungjawabnya memulihara alam sekitar melalui pengurusan sisa pepejal yang berkesan dan cekap.

Di samping itu, dengan undang-undang ini akan wujud dua buah agensi iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang masing-masing akan menjalankan tugas menggubal dasar, undang-undang, peraturan dan menyelia serta memantau dan melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini.

Kerajaan percaya dengan tergubalnya Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini, isu dan masalah yang saya nyatakan sebentar tadi dapat ditangani dengan sebaik mungkin. Dalam hal ini satu sistem bersepadu akan diwujudkan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Di bawah sistem bersepadu ini tugas mengutip, mengangkut dan pembersihan awam sama ada akan dijalankan oleh syarikat konsesi tersebut atau mereka melantik pihak lain ataupun *out source* untuk menjalankannya, tetapi di bawah pengawasan mereka. Pusat pemindahan dan kemudahan pelupusan dan rawatan sisa pepejal adalah terbuka sama ada kepada syarikat konsesi atau pihak-pihak lain yang berminat.

Sistem bersepadu di sini membawa maksud bahawa pengurusan sisa pepejal oleh syarikat-syarikat berkenaan mempunyai jaringan dan aliran kerja yang jelas. Kaedah sedemikian dirancang bagi mewujudkan satu situasi di mana saingan yang sihat boleh wujud antara syarikat-syarikat yang menguruskan sisa pepejal dan seterusnya akan meningkatkan mutu perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka.

Di samping itu, pada ketika ini telah wujud syarikat-syarikat lain yang telah mempunyai kontrak dengan kerajaan untuk menjalankan pengurusan sisa pepejal seperti di Bukit Tagar, stesen pemindahan di Taman Beringin dan Shah Alam.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap satu kategori sisa pepejal yang akan dikawal di bawah rang undang-undang ini. Kategori yang saya maksudkan adalah sisa pepejal dari industri dan sisa pembinaan - *construction and demolition waste* ataupun C&D. Di bawah skop penswastan interim sekarang, sisa pepejal sedemikian tidak dikendalikan oleh syarikat konsesi. Ia dikendalikan oleh penghasil dan pemberi perkhidmatan sistem pepejal secara kontraktual.

Di bawah sistem bersepadu, pengurusan sisa pepejal dari industri dan C&D tidak dimasukkan dalam skop konsesi dan dibenarkan berjalan seperti sedia ada tetapi di bawah kawalan pelesenan dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Ini akan memastikan semua aktiviti berkaitan seperti kutipan, pengangkutan dan pelupusan tidak terlepas dari pemantauan dan kawalan jabatan dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal.

Penggubalan Rang Undang-undang Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 akan juga menamatkan tempoh interim penswastan dan membolehkan penswastan keseluruhannya dilaksanakan. Keadaan sedemikian akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan.

Pada peringkat awal syarikat-syarikat konsesi berkaitan akan menjalankan pelbagai kempen kesedaran awam bagi menyedarkan para penduduk tentang betapa pentingnya mereka perlu mengasingkan sisa pepejal mereka dan juga menerangkan tentang kaedah kutipan dan pengangkutan yang akan mereka laksanakan.

Ini diharap boleh meningkatkan kepercayaan para penduduk bahawa dengan penggubalan undang-undang ini mutu perkhidmatan yang akan diberikan oleh syarikat konsesi akan mencapai tahap yang diharapkan. Di samping itu, mutu perkhidmatan yang diberi oleh pihak syarikat akan dipantau melalui indeks penunjuk utama (*key performance indexes*).

Oleh yang demikian, saya percaya dengan kempen kesedaran dan intensif dan juga dengan adanya indeks penunjuk utama, kita dapat membuat anjakan paradigma dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini. Di samping itu, pada peringkat awal juga sementara menanti jabatan dan perbadanan beroperasi pada keupayaan optimumnya, pihak berkuasa tempatan akan terus memberi bantuan untuk memantau pengurusan sisa pepejal.

Ini adalah penting bagi memastikan aktiviti pelupusan haram tidak dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Di masa yang sama, orang awam boleh memainkan peranan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang kejadian pelupusan haram sisa pepejal.

Dalam pada itu, rang undang-undang ini memberi kekuatan kepada aktiviti penguatkuasaan. Ia mengenakan penalti yang setimpal kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Aktiviti penguatkuasaan yang berterusan dan berkemampuan adalah penting kerana kos yang terlibat dalam membersihkan kawasan di mana sisa pepejal diletakkan secara haram dan juga kesan sampingan kepada alam sekitar adalah tinggi.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pelaksanaan rang undang-undang ini kelak, tidak akan membebankan orang awam dengan apa-apa pertambahan kos kepada mereka. Saya juga ingin menegaskan bahawa, dalam masa dua tahun peringkat pelaksanaan, perbelanjaan pengurusan sisa pepejal akan ditampung melalui sumbangan yang akan diberikan oleh pihak berkuasa tempatan dan juga peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sebarang *shortfall* atau kekurangan daripada sumbangan pihak berkuasa tempatan akan ditanggung oleh perbadanan.

Sumbangan pihak berkuasa tempatan tersebut adalah merupakan sebahagian daripada cukai pintu yang telah dibayar oleh penduduk yang selama ini diguna untuk membiayai kos perkhidmatan pengutipan, pengangkutan, penghantaran sisa pepejal serta pembersihan awam. Ini bermakna orang awam hanya di kekal dengan bayaran cukai pintu seperti sedia ada sementara kerajaan akan berurusan dengan syarikat konsesi dan memastikan supaya satu sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu, berkesan dan melindungi alam sekitar dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini dibuat menurut Perlembagaan fasal 1 perkara 74 iaitu mengenai Kuasa Perundangan antara Persekutuan dan Negeri dan dalam fasal 2 perkara 80 iaitu Pembahagian Kuasa Eksekutif antara Persekutuan dan Negeri.

Ia terpakai kepada seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang ada pada kerajaan-kerajaan negeri.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada 12 bahagian. Di antara fasal-fasal yang penting yang termaktub dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 2 Bahagian I yang memberi taksiran sisa pepejal terkawal kepada lapan kategori iaitu sisa pepejal komersial, sisa pepejal awam, sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal isi rumah, sisa pepejal industri, sisa pepejal institusi, sisa pepejal yang diimport dan sisa pepejal yang boleh di tetap oleh menteri dari masa ke masa; dan
- (ii) Fasal 2 Bahagian 1 juga mentaksirkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sebagai pengasingan, penstoran, pemungutan, pengangkutan, pemindahan, pemprosesan, pengitaran semula, pengolahan dan pelupusan sisa pepejal terkawal. Seterusnya Fasal 2 Bahagian I turut mentafsirkan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam seperti perkhidmatan yang berikut:
 - (a) membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam;

- (b) membersihkan pusat penjaja kecuali medan makan yang dipunyai dan diselenggarakan secara bersendirian. Yang kedua, kecuali pasar yang dipunyai dan diselenggarakan secara bersendirian;
- (c) membersihkan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan awam dan di tempat awam;
- (d) membersihkan pantai;
- (e) memotong rumput di tepi pembendul jalan awam;
- (f) memotong rumput di tempat awam; dan
- (g) mengalihkan bangkai, tetapi tidak termasuk pelandskapan dan penyelenggaraan jalan awam dan tempat awam.

Yang keempat fasal 4 Bahagian I, memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan bagi membuat kajian dengan mana-mana orang untuk mengusahakan, menguruskan, mengendalikan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau perkhidmatan pengurusan pembersihan awam.

Yang kelima fasal 6 Bahagian II, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mencadangkan dasar, rancangan dan strategi sisa pepejal dan pembersihan awam. Peruntukan ini membolehkan Ketua Pengarah jabatan ditubuhkan untuk membuat perancangan yang lebih berkesan dan teratur dibuat untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di samping mengeluarkan lesen dan kelulusan.

Fasal 6 juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk melaksanakan fungsi pengawalseliaan, menetapkan standard spesifikasi dan tata amalan berhubung dengan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam.

Yang keenam fasal 8 Bahagian III, memperuntukkan hanya kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan, yang diberi kelulusan oleh Ketua Pengarah sahaja yang boleh dibina, diubah atau ditutup. Peruntukan ini memastikan kawalan yang ketat dibuat ke atas kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan supaya tidak berlaku keadaan yang tidak diingini seperti pencemaran alam sekitar. Ia juga bertujuan untuk mengenakan hukuman sekiranya kemudahan-kemudahan berkenaan dibina, diubah atau ditutup tanpa kebenaran.

Fasal 12 Bahagian III memperuntukkan supaya mana-mana pihak yang berhasrat untuk menutup kemudahan sisa pepejal yang telah ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah. Permohonan untuk menutup kemudahan pengurusan sisa pepejal hendaklah dikemukakan bersama dengan suatu cadangan pelan penutupan kepada perbadanan.

Peruntukan ini adalah bertujuan untuk memastikan sebarang tapak pelupusan yang hendak ditutup mempunyai kaedah-kaedah tertentu bagi mengelakkan tapak-tapak pelupusan yang ditutup memudaratkan kesihatan penduduk setempat alam sekitarnya. Ia juga bagi memastikan pelan perancangan di buat ke atas sisa pepejal yang terpaksa dilupuskan ke tempat lain.

Fasal 14 Bahagian IV, memperuntukkan hanya mereka telah diberi lesen sahaja boleh mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal, menguruskan atau mengendalikan apa-apa kemudahan sisa pepejal atau mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan pembersihan awam. Pemberian lesen adalah untuk mengawal pengurusan sisa pepejal supaya perkhidmatan yang diberikan selaras dengan apa yang ditetapkan oleh kerajaan melalui jabatan.

Fasal 34 Bahagian VI, memberi peruntukan bagi menubuhkan tribunal.

Manakala fasal 45 dan 46 memperuntukkan bidang kuasa dan batas bidang kuasa tribunal untuk mendengar kes-kes terutamanya berkaitan dengan tuntutan untuk mendapatkan balik caj-caj *recovering of charges*, fi-fi atau levi oleh perbadanan atau pemegang lesen atau tuntutan yang timbul daripada apa-apa pertikaian.

Berkaitan apa-apa caj, fi atau levi yang dikenakan untuk perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di antara pemegang lesen atau perbadanan dengan penghuni PBT atau penghasil sisa pepejal dan peruntukan ini bagi membolehkan orang-orang berkepentingan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan, pemegang lesen penghuni PBT dan penghasil sisa pepejal membuat tuntutan mengenai kepentingannya atau apa-apa kerugian yang ditanggung termasuk mendapatkan caj, fi atau levi di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 70 Bahagian VII memperuntukkan perbadanan dengan persetujuan terlebih dahulu daripada Menteri dan juga setelah pihak yang terlibat diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi, mengambil beberapa tindakan tertentu ke atas pemegang lesen yang tidak *solvent* atau yang telah menggantungkan pembayaran pada apa-apa takat sehingga menjejaskan pengendaliannya atau telah berlaku pelanggaran oleh pemegang lesen-lesen yang serius sehingga menyebabkan pemegang lesen tidak wajar untuk terus memegang lesennya.

Di antara tindakan tersebut adalahengehendaki pemegang lesen untuk mengambil langkah pembaikan sewajarnya, menyingkirkan mana-mana pengarah pemegang lesen daripada jawatannya, melantik orang atau lebih sebagai pengarah pemegang lesen, mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan atau sebahagian harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen dan menjalankan keseluruhan atau sebahagian perniagaan dan hal ehwalnya atau melantik mana-mana orang untuk menjalankan mana-mana kuasa perbadanan bagi pihak perbadanan.

Fasal 74 Bahagian VIII, memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengarahkan supaya apa-apa sisa pepejal terkawal diasingkan, *separated*, sebagai contoh rumah, industri dan sebagainya. Peruntukan ini amat penting bagi memastikan supaya sisa pepejal yang boleh dikitar semula tidak berakhir di tapak pelupusan. Pendekatan ini dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan dan juga sebagai pemangkin kepada program kitar semula yang digalakkan oleh kerajaan.

Fasal 101 dan fasal 102 Bahagian X memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan untuk mengurangkan dan meminimumkan pengeluaran sisa pepejal melalui kaedah 3R dan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit dengan izin, *deposit refund system* yang bertujuan memantapkan aktiviti kitar semula.

Fasal 103 Bahagian XI, memberi peruntukan bagi menubuhkan Kumpulan Pengurusan Wang Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang bertujuan antara lain menerima sumbangan daripada kerajaan negeri dan PBT berkaitan dengan perkiraan yang dibuat di bawah Perlembagaan Persekutuan. Segala wang yang diterima daripada caj, fi atau levi yang dikenakan di bawah fasal 30 dan segala wang yang diuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Kumpulan wang ini akan dikawal dan dikendalikan oleh perbadanan bagi membayar antara lain kos yang terlibat dalam perjanjian-perjanjian di buat di bawah rang undang-undang ini.

Manakala fasal 104, memberi kuasa pengecualian kepada Menteri selaras dengan maksud akta ini dan demi kepentingan awam.

Fasal 108 pula memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang sesuai, manfaat atau perlu bagi perjalanan lebih baik peruntukkan akta ini.

Bahagian XII, memperuntukkan tentang kecualian dan peralihan terutamanya yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, perjanjian dan perjanjian tambahan dan kemudahan pengurusan sisa pepejal sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada sesiapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang ini bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud menyelenggarakan kebersihan dan sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah pun membentangkan rang undang-undang ini, yang saya yakin ia adalah salah satu daripada usaha kerajaan ke atas meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Ia terkandung salah satunya di dalam teras Misi Nasional iaitu memperkukuhkan institusi pelaksana. Bagaimana nak melaksanakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang terpelihara alam sekitarnya. Rang undang-undang ini saya yakin lebih menjurus ke arah itu.

Pada masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya rang undang-undang ini dan apabila dikuatkuasakan kita boleh mengukur sejauh mana peristiwa banjir kilat baru-baru ini. Adakah banjir kilat lebih disebabkan oleh parit yang tersumbat ataupun dengan sebab kelemahan pengurusan sistem pengaliran.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin banyak parit yang tersumbat dan dengan sebab itulah banyak kali banjir kilat berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan beberapa perkara di sini, iaitu saya banyak menerima aduan. Sejak SWM kalau di kawasan selatan, begitu juga sejak Alam Flora menguruskan kerja-kerja pembersihan dan pengurusan sisa-sisa pepejal di beberapa PBT, ramai pekerja terutamanya di Johor sebab saya datang daripada Johor, datang kepada saya mengadu kepada saya walaupun mereka umumnya adalah bekas pekerja ataupun staf PBT-PBT yang berkenaan seperti MPM (Majlis Perbandaran Muar), Majlis Daerah Tangkak, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan lain-lain seolah-olah telah pun dianaktirikan.

Ini kerana apabila tiba musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, apabila tiba musim perayaan Tahun Baru Cina mereka tidak mendapat bonus ataupun gaji awal, mereka tidak diberikan sesuatu yang istimewa sebagai mana mereka pernah bekerja dengan PBT-PBT yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan SWM telah pun gagal membayar gaji dan juga saraan lain kerana seperti yang disebutkan tadi, hari ini pun kita telah sedia maklum banyak PBT yang tidak mampu membayar secara efisien kepada syarikat-syarikat konsesi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Dengan pekerja-pekerja tersebut kerana mereka adalah bekas pekerja PBT...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: MPM dan sebagainya bukan di utara, di utara belum dilaksanakan lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: e-Idaman belum lagi mengambil alih pengurusan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat ada mengikuti ucapan dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya dari luar tadi saya mendengar, ada benda yang harus saya menyampaikan kerana ini idea yang bernas kepada menteri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bolehlah Tuan Yang di-Pertua, bagi *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa nak tanya? Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua pertamanya, sistem sekarang ini kita ada e-government dari segi mengutip hasil pintu, cukai itu dan cukai ini. Kadang-kadang disebabkan kelemahan dari segi pengurusan sistem kutipan tidak ada menyebabkan majlis-majlis kerajaan tempatan ini menghadapi masalah *cash flow*, jadi dia tak boleh nak bayar.

Apa salahnya hari ini kita gunakan macam e-sistem dari segi kutipan hasil pintu, kutipan cukai dan sebagainya supaya pihak kerajaan tempatan dia boleh tengok. Ini kadang-kadang ada kerajaan tempatan, ada orang tak bayar berbulan bertahun pun dia tak boleh *trace* dan dia tak boleh kutip.

Jadi ini menyebabkan PBT itu tak mempunyai punca kewangan dan mereka tidak boleh membayar kepada kontraktor-kontraktor yang telah ditawarkan untuk pembersihan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi macam mana Yang Berhormat boleh sampai tak pandangan saya kepada Menteri supaya sistem ini diwujudkan secepat mungkin dan dikuatkuasakan. *What do you think* Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, Yang Berhormat boleh jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Jerai, sekurang-kurangnya Jerai telah membuka satu laluan, sebenarnya saya nak masuk bab tu.

Tuan Yang di-Pertua, asasnya ialah seperti yang saya tegaskan tadi PBT kekurangan peruntukan ataupun PBT kekurangan duit untuk membayar kepada kontraktor-kontraktor berkenaan, kerana salah satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerai tadi kerana ini saya rasa tak payah jawab sebab dia keluar Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Keluar Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah jawab Yang Berhormat kerana dia tak berminat. [*Ketawa*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini disebabkan Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah atau Yang Berhormat Ketereh?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Ketereh dulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat pasal jawapan Jerai tadi biarlah dia habiskan dulu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, tak apalah lepas ni dia jawablah. Yang Berhormat tadi sebut pasal PBT tak cukup peruntukan. Yang Berhormat juga tanya pasal sungai tersumbat, kemudian adakah banjir berlaku kerana itu atau kerana sampah tak dikutip?

Kemudian Yang Berhormat terus ke idea saya nak bangun kemudian saya teringat apa Yang Berhormat Menteri sebut semasa dia membentangkan ini. Dia kata ada 3R, Kerajaan Pusat akan mengambil alih pentadbiran ini urusan sisa pepejal dan urusan pembersihan awam ini dan ada pemegang konsesinya 3R iaitu *Reduce, Reuse, Recycle*.

Baik, saya nak tanya Yang Berhormat kita buat sesuatu yang baru kemudian kita bagi konsesi atau kita swastakan, bimbang saya yang telah berlaku bila kita swastakan Tuan Yang di-Pertua ia berlaku 3R juga. *They fixed the rate* dengan izin, *they raised the rate* campur 4R itu kemudian *they robbed it and than they run*.

Saya cukup bimbang dan ini banyak berlaku dalam kes-kes penswastan dalam negara ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Kerisauan saya begini. Dia tentukan *rate* tong sampah, sisa pepejal kita bagi kepada dia nampak *very normal* sebab ini bersihkan *look beautiful*, tapi akhirnya ianya tak jadi indah. Alam Flora ke, *beautiful* flora ke tak jadi *beautiful*. Yang menanggung bebannya ialah rakyat dan menanggung beban yang lebih besarnya ialah wakil rakyat kerana rakyat datang mengadu. Minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini nak jawab berfalsafah Tuan Yang di-Pertua, tetapi Tuan Yang di-Pertua saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri bahawa beliau telah memberi jaminan tidak ada kenaikan cukai pintu setelah rang undang-undang ini dilaksanakan.

Dalam erti kata lain Tuan Yang di-Pertua tidak ada bebanan secara terus yang akan dikenakan kepada orang ramai terutamanya mereka yang membayar cukai pintu, kerana kita sudah ada jaminan tak ada kenaikan cukai harta.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak kaitkan dengan soalan Yang Berhormat Putatan tadi ialah, selepas ini orang ramai perlu diberikan dengan izin, *awareness*, diberikan pendidikan. Bagaimana mereka menguruskan sampah di dalam premis mereka? Mungkin pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin setiap premis kediaman dan sebagainya akan ditentukan jumlah sampah yang mereka boleh keluarkan daripada dapur mereka, kemudian diasing-asingkan mengikut jenis buangan tersebut.

Pada masa itulah Tuan Yang di-Pertua, saya yakin mungkin dalam tempoh yang panjang orang ramai akan menerima kesan daripada rang undang-undang ini. Mereka mungkin menerima itu sebagai sesuatu yang sukar, walaupun mereka tidak menerima beban yang terus dari segi wang dan ringgit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Apakah Yang Berhormat Ledang boleh maklumkan kepada kami semua rekod SWM? Tadi Yang Berhormat berkata berkenaan SWM sebab ia bertanggungjawab untuk selatan.

Konsesi ini yang akan menandatangani perjanjian dengan pihak Kementerian, dengan kerajaan bagi menjalankan aktiviti, tugas, tanggungjawab di bawah akta ini, walaupun Yang Berhormat Menteri kata tidak ada jaminan akan naik cukai pintu. Apakah Yang Berhormat ada baca akta? Akan dikenakan *charge, fee* atas pengurusan sisa pepejal terkawal bagi perkhidmatan yang diberi?

Jadi, dalam aspek ini saya hendak tanya Yang Berhormat, sokong atau tidak sokong? Persoalannya, walaupun sekarang kata tidak akan kutip, sementara ini tidak akan kutip, tetapi dua tahun atau tiga tahun kemudian kalau jadi kutip dan perkhidmatannya lemah seperti yang dibangkitkan oleh Ketereh, bagaimana? Yang Berhormat kata kerana PBT tidak ada wang, tetapi adakah Yang Berhormat menyedari, dalam banyak keadaan di mana PBT menggunakan wang dalam keadaan yang tidak sepatutnya digunakan.

Sebagai contoh, mereka membuat pokok kelapa plastik, kaktus plastik dan jalan yang baik mereka korek semula. Lepas itu, di tar semula. Dalam aspek ini apa pandangan Yang Berhormat? Keutamaan tidak betul ya?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Itu pandangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengarah kepada satu keadaan di mana sewajarnya dan sepatutnya apa yang berlaku ialah, PBT hendaklah menjadikan kontraktor-kontraktor seperti syarikat konsesi ini sebagai rakan mereka, bukan sebagai kuli mereka.

Yang berlaku di beberapa PBT di Johor Tuan Yang di-Pertua, ialah kebanyakan PBT oleh kerana mereka sangat peka kepada rakyat, mereka memotong bayaran kepada syarikat-syarikat konsesi. Sebab itulah banyak syarikat konsesi tidak mampu membayar gaji ataupun bonus kepada syarikat-syarikat konsesi kontraktor SWM dan sebagainya.

Oleh kerana mereka amat peka, mereka berfikir tidak sewajarnya bayaran dibayar kepada syarikat tersebut, kerana mutu kebersihan pada pandangan pegawai tidak mencapai tahap yang sebenarnya. Namun pada saya, sepatutnya mereka tidak menganggap syarikat tersebut sebagai kuli. Mereka mesti menjadikan mereka sebagai rakan kongsi. Mereka mesti sama-sama menyelesaikan masalah yang wujud misalnya yang mungkin kurang bersih pada hemat saya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh saya Bantu Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak minta penjelasan ataupun hendak bantu? Kalau tidak, tidak payahlah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hendak minta penjelasan di samping membantu rakan-rakan di dalam Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang kedua, membantu tidak perlu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Perkara yang dulu. Yang Berhormat Menteri sebut tadi konsesi yang diberi adalah secara *entreat*. Mengikut fahaman saya, walaupun sudah bagi konsesi, bila *entreat* bermakna percubaan. Lebih kurang begitulah. Kalau berjaya, diteruskan. Kalau gagal, tidak boleh hendak teruskan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, daripada satu aspek saya setuju, tetapi saya lebih kepada satu asas di mana sewajarnya PBT menjadikan syarikat-syarikat konsesi tersebut sebagai rakan kongsi. Maknanya sekiranya ada masalah, oleh kerana mereka adalah rakan kongsi, kita sama-sama mendukung persyarikatan Malaysia. Sama-sama kita mendukung dasar dahulu.

Kita juga mesti membangunkan syarikat-syarikat swasta, lebih-lebih lagi banyak yang boleh dan yang berpotensi membantu kita, kepada saya sewajarnya. Kita mencari kaedah untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara bersama, bukannya kita buli mereka ataupun dengan sewenang-wenangnya kita tamatkan perkhidmatan, sedangkan banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan secara bersama.

Ataupun dalam erti kata lain, ada PBT yang seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya sebutkan, membuli syarikat konsesi tersebut, sedangkan mereka tidak mampu berdiri atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Menjalankan operasi sebagaimana yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma apa yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat menyebutkan kerana masalah dengan PBT, maka diwujudkan syarikat konsesi yang akan melupuskan sisa-sisa pepejal tadi.

Cuma yang saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat fikirkan sekarang? Katanya dia tidak kena *charge*, dia tidak kena *fee*, dia tidak kena apa-apa. Bagaimana Yang Berhormat lihat pandangan pada peringkat awal?

Ingat tidak Yang Berhormat, apabila IWK telah diperkenalkan? Ingat tidak lagi? Kemudian tiba-tiba, lepas lama-kelamaan kita dikenakan *charge*. Kemudian apabila kita tidak bayar *charge*, kita akan didenda dan sebagainya. Jadi, apakah ini akan berlaku juga kepada akta ini, yang kemudiannya akan bertukar ganti, yang mana kita akan dikenakan *charge*? Ini akan menimbulkan lagi masalah. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini, 25/2007 ini, akan mampu melakukan pembaikan ke atas segala pengalaman yang lalu, sama ada syarikat konsesi seperti SWM dan Alam Flora yang telah memberikan perkhidmatan kepada PBT-PBT yang berkenaan, ataupun tentang IWK yang dibangkitkan oleh sahabat kita Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, saya lebih percaya sekiranya kita tidak terlalu fokus kepada sesuatu penguatkuasaan. Saya hendak bandingkan situasi yang sama berlaku di Taiwan. Sahabat kita di sana Tuan Yang di-Pertua, menerangkan kepada kita apabila kita tanya kepada mereka. Bagaimana Bandaraya Taipei itu terlalu bersih? Kita bertanya kepada mereka, bagaimana mereka menguatkuasakan undang-undang?

Adakah sama mereka menguatkuasakan undang-undang seperti Singapura, kerana kita tahu memang rakyat Singapura menjaga kebersihan di bandar raya mereka, tetapi mereka membuang sampah di dalam Malaysia. Ini yang berlaku, tetapi tidak berlaku sebagaimana di Taiwan, di Bandaraya Taipei khususnya. Apabila sahabat kita bertanya kepada sahabat mereka di sana, mereka mengatakan bahawa mereka tidak percaya kepada apa juga jenis penguatkuasaan ataupun undang-undang.

Mereka lebih percaya kepada pendekatan memujuk ataupun dengan izin, *persuade*. Dalam erti kata lain, kepimpinan di sana Tuan Yang di-Pertua, melalui kementerian berkenaan berjaya memujuk, menyedarkan seluruh rakyatnya supaya sama-sama menjaga kebersihan dalam semua aspek, sama ada sampah sarapnya, sama ada sungainya, paritnya, kebersihannya, landskapnya dan sebagainya. Malah Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita berjumpa, sampaikan kepada satu tahap Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bolehlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Ledang berpandangan amat luas, sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang. Sekarang ini rang undang-undang kita, model bercorak Singapura ke atau Taiwan? Sebab saya baca dalam rang undang-undang ini banyak hukuman denda dan penjara.

Jadi denda tidak lebih RM10 ribu dan penduduk kena ambil langkah memastikan dia punya sampah-sarap tidak dialihkan. Kalau tidak, hukuman akan dikenakan. Jadi kita ini rang undang-undang corak yang mana? Sebab sudah adakan? Jadi kalau bila-bila kerajaan tidak puas hati, ia boleh kuat kuasa. Jadi ini model Taiwan ke, model Singapura?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, dia mungkin baca Singapura sahaja. Tuan Yang di-Pertua, budaya dalam negara Malaysia yang telah berlaku dari dulu sampai sekarang, kita masih berpegang kepada prinsip bahawa mesti ada undang-undang. Yang saya sebutkan tadi bandingkan dengan Taiwan ialah jika di Taiwan boleh membuat satu pujukan sehinggakan bandar raya mereka bersih, mengapa kita tidak.

Tuan Yang di-Pertua, maksudnya sebelum kita kuat kuasa undang-undang, undang-undang telah sedia wujud. Undang-undang boleh diwujudkan, tetapi sebelum kita kuatkuasakan. Saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya pendekatan oleh jabatan ini iaitu jabatan yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mestilah ada satu *blueprint* jangka panjang bagaimana sebelum undang-undang dikuatkuasakan, boleh memujuk orang ramai, boleh mendidik, boleh menyedarkan orang ramai supaya mereka faham, mereka sedar...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tebrau.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...bagaimana mereka boleh sama-sama menjaga kebersihan termasuklah di dalam mengurus sampah-sarap yang juga dikeluarkan oleh premis mereka. Silakan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang. Saya tidak begitu faham apabila kita sebut tentang perlunya ada sekatan dari segi undang-undang untuk tabiat manusia yang tidak menyayangi alam sekitar.

Apabila kita dapati pembuangan sisa toksik di sesuatu tempat, kita heboh, buat bising tetapi bila diadakan sesuatu sekatan dari segi undang-undang, kita juga heboh. Jadi macam mana kita hendak memelihara alam sekitar kita? Macam mana kita hendak mendidik rakyat kita supaya mereka pandai menguruskan sisa pepejal mereka dengan cara yang betul?

Kalau dalam 10 tahun yang lalu, kita dapati PBT tidak dapat menguruskan sisa pepejal dengan baik. Saya rasa sampailah masa kita adakan undang-undang untuk membaiki keadaan, untuk memberi mekanisme undang-undang kepada kerajaan supaya semua pihak yang belum mengetahui menguruskan sisa pepejal itu dapat mempelajari dengan panduan undang-undang ini.

Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Ledang, adakah undang-undang ini akan merupakan satu alat yang baik untuk mendidik semua pihak termasuk rakyat jelata tentang perlunya kita mempelajari satu cara yang baik mengurus dan melupuskan sisa pepejal yang semakin bertambah dengan meningkatnya populasi negara kita. Minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah pun banyak pengalaman. Saya yakin rang undang-undang ini bukannya telah dicipta satu hari semalam tetapi rang undang-undang ini telah pun dicipta untuk satu tempoh yang sangat panjang dan telah mengambil kira banyak perkara dan juga bukan sahaja yang ada dalam negara kita, malahan juga di tempat-tempat lain.

Pandangan Yang Berhormat dari Tebrau tadi adalah satu pandangan yang sangat matang dan dia amat prihatin dengan masa depan negara kita sebab sekarang ini pun kita sedang berdepan dengan kesan daripada sikap kita bersama yang kepada saya kurang tentang penjagaan alam sekitar yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi saya hendak menyambung, saya...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Bila Yang Berhormat Ledang menyatakan bahawa Tebrau sangat prihatin, kita terasa macam yang lain tidak cukup prihatin, tetapi saya sebenarnya sangat tertarik dengan pandangan daripada Yang Berhormat Ledang ini tentang keperluan untuk rakyat bersama-sama dalam agenda sisa pepejal ini.

Jadi saya hendak bertanya sebenarnya kepada Yang Berhormat, ini satu perkara yang sangat penting di mana rakyat semua pihak harus mengambil bahagian kerana perkara ini boleh berlaku bila-bila masa, di mana-mana sahaja. Oleh kerana itu, walaupun ada jentera penguatkuasaan, kalau mereka sahajalah seperti pengalaman seperti Yang Berhormat sebut, kalau Sabak Bernam, Alam Flora dahulu, hutangnya pun sudah berjuta-juta tidak boleh bayar, kesan daripadanya ialah maknanya pkerjanya pun sudah jadi lemah. Kesan daripada lemah, maka sisa pepejal itu berlambak di sana sini dan kerana itu undang-undang ini sangat penting.

Hanya saya hendak bertanya, bagaimana hendak mendapatkan kerjasama dan permuafakatan rakyat ini. Menteri ada sebut satu istilah yang sangat penting – rakyat menjadi mata dan telinga kerajaan – tetapi kalau mata dan telinga tidak aktif pun tidak guna. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jabatan yang akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini mempunyai tanggungjawab yang sangat berat termasuklah bagaimana jabatan ini nanti boleh mengajak seluruh rakyat Malaysia yang berjumlah 27 juta, daripada kanak-kanaknya sampailah kepada orang yang sudah lama mencintai alam sekitar,

Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar mengungkapkan hujah “Saya Cinta Alam Sekitar”, tetapi mereka tahu bagaimana menjaga alam sekitar yang bermula daripada dalam rumahnya, bagaimana mereka membuang air sabun, bagaimana mereka membuang tin susu, bagaimana mereka membuang botol air mineral dan sebagainya.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kerana semuanya ada kesan dengan alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sungai Petani.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat kata kita menjadi mata dan telinga kerajaan dan sebagainya, tetapi Yang Berhormat mesti ingat dan saya perlu mendapat penjelasan Yang Berhormat. Kita sudah mempunyai bermacam-macam peraturan dan undang-undang, malah macam Kuala Lumpur, pada satu ketika dahulu bila buang puntung rokok, buang kertas, dia tangkap kita dan denda kita.

Begitu juga saya sebagai penghuni di Kuala Lumpur juga, di Petaling Jaya, maafkan saya, terpaksa mengumpul sampah, masuk dalam beg plastik dan letak di depan rumah untuk diangkut pagi-pagi. Soalnya sekarang, kita sudah tahu benda ini kita dikehendaki untuk mengumpul sampah dan dimasukkan dalam beg plastik dan diangkut.

Soal saya, kita sudah ada peraturan, jadi apa masalah peraturan-peraturan ini? Kesedaran juga sudah ditimbulkan dalam televisyen. Bila dalam televisyen, dia tunjuk buang sampah ini dalam ini, botol dalam tong mana, tong mana, tetapi malangnya bila kita buat ini semua, tidak ada *follow up*, dengan izin, yang mana apa ini kita panggil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Sungai Petani, cukuplah. Jelas soalan itu.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Soalan itu jelas? Baik, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, jika dahulu orang ramai, hendak menjawab soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani. Jika dahulu orang ramai membuang sampah di depan rumah mereka, di dalam tong sampah, kadang-kadang hanya dalam baldi yang bocor. Kemudian kerajaan menganjurkan supaya mereka membuang sampah dalam plastik, letak depan rumah dan sekarang itulah yang berlaku. Bermakna kita sudah berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 10 minit lagi sambung esok.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oh, sambung esok, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit lagi ya kerana ada usul untuk Ucapan Penangguhan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

CADANGAN MEMPELBAGAIKAN PAKEJ PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

5.30 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.. Cadangan mempelbagaikan pakej Program Latihan Khidmat Negara. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah dimulakan dengan siri pertama pada tahun 2004 dengan pengambilan pelatih seramai lebih kurang 85,000 orang remaja.

Sehingga dalam siri 4 tahun 2007 ini, ditambahkan pengambilan pelatih di mana 100,000 orang remaja dipilih untuk menyertai PLKN. Setiap tahun dianggarkan terdapat lebih kurang 450,000 remaja berumur 18 tahun dalam populasi negara kita. Setakat ini hanya golongan remaja berumur 18 tahun sahaja dipilih menyertai PLKN. Akan tetapi masih terdapat majoriti dalam golongan remaja itu tidak dapat menyertai PLKN sungguhpun peruntukan Akta Latihan Khidmat Negara membolehkan penglibatan peserta berumur di antara 16 hingga 35 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana PLKN yang kini dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan tidak dapat menampung semua remaja golongan itu disebabkan kekurangan dari segi tenaga, kewangan, jurulatih, kemudahan prasarana latihan dan sebagainya. Dalam pada itu, oleh sebab terdapatnya kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan PLKN, maka timbullah persoalan tentang kesesuaian penglibatan perempuan.

Cadangan kurangkan latihan fizikal untuk pelatih perempuan, mengasingkan pelatih dalam kem mengikut jantina, mewujudkan kem berasingan untuk lelaki dan perempuan, cadangan mengurangkan bilangan pelatih perempuan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita juga berhadapan dengan dua permasalahan yang lain iaitu yang pertama kekurangan anggota polis yang menjaga keselamatan dan ketenteraman masyarakat.

Kedua, kekurangan jururawat dalam sektor perkhidmatan kesihatan. Sehingga 31 Julai 2006, PDRM mempunyai 96,861 perjawatan dan kekuatan anggota seramai 91,727 orang pegawai dan anggota di seluruh negara. PDRM memerlukan seramai 60,000 lagi anggota pegawai dan anggota pelbagai pangkat. Sasaran pengisian keperluan ini adalah seramai 10,000 pegawai dan anggota setahun mulai tahun 2007 ini sehingga 2011 mengikut kapasiti latihan selaras dengan pelan strategik lima tahun PDRM.

Walau bagaimanapun, majoriti yang memohon dan menyertai PDRM adalah kebanyakannya kaum Melayu. Maka PDRM dan pihak berkuasa lain perlu berusaha menarik lebih ramai penyertaan kaum-kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perjawatan jururawat pula mengikut Lembaga Jururawat, jumlah jururawat yang telah didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia setakat 31 Disember 2006 adalah 52,456 orang jururawat di kemudahan kesihatan awam manakala 15,883 orang jururawat di kemudahan kesihatan swasta.

Mengikut risalah *health facts*, nisbah bilangan jururawat kepada bilangan penduduk negara kita pada tahun 2005 adalah di dalam kemudahan kesihatan awam, 1:802 orang penduduk, di kemudahan kesihatan swasta, 1:2264 penduduk dan secara puratanya 1:592 orang penduduk. Nisbah bilangan jururawat kepada bilangan penduduk yang sewajarnya, yang ideal adalah di dalam lingkungan 1:200 penduduk.

Dalam pada itu, jumlah jururawat yang berkhidmat di kemudahan kesihatan awam mengikut kaum seperti yang dicatatkan oleh Lembaga Jururawat ialah Melayu 77%, Cina 4%, India 2%, bumiputera Sabah dan Sarawak 17%, dan lain-lain itu dengan izin, *negligible* atau sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, status ketidakseimbangan *imbalance* dari segi kaum dan kekurangan anggota dalam pasukan polis dan perjawatan jururawat perlu diberi perhatian serius dan langkah-langkah perlu diambil untuk memperkasakan kedua-dua jenis kerjaya murni yang beruniform.

Pihak institusi pentadbiran kerajaan telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa PLKN memang mendapat sambutan baik dan memperakui bahawa semua remaja perlu diberi peluang yang saksama untuk mengikuti PLKN di samping memperkasakan PLKN dengan mengadakan program pra dan pasca PLKN yang bersesuaian.

Kita juga memperakui bahawa kejayaan PLKN adalah tanggungjawab bersama semua sektor dan lapisan masyarakat dan menyedari agar agensi-agensi tertentu juga dapat mengendalikan PLKN di mana pelatih akan memakai pakaian seragam sambil menjalankan latihan yang dapat menyemai nilai-nilai murni seperti setia kepada negara, berdisiplin, sudi bekerjasama dan bersedia berkhidmat untuk komuniti.

Maka mempelbagaikan pakej PLKN di bawah penyeliaan dan pengelolaan pihak agensi PDRM dan agensi kesihatan dalam aspek kejururawatan adalah dicadangkan dapat diperkenalkan tertakluk kepada penelitian yang lebih lanjut. Pengambilan pelatih pakej PLKN di bawah PDRM boleh jadi 70% lelaki dan 30% perempuan. Manakala pakej PLKN di bawah agensi kesihatan boleh timbang terima 20% lelaki dan 80% perempuan.

Cadangan mempelbagaikan pakej PLKN ini diharap mendapat sambutan memandangkan ia dapat mencapai beberapa objektif serentak yang mungkin lebih baik daripada serambang dua mata seperti berikut:

- (i) memperluaskan skop PLKN;
- (ii) meringankan beban Kementerian Pertahanan yang kini merupakan agensi tunggal melaksanakan PLKN;
- (iii) lebih ramai remaja berpeluang menyertai PLKN;
- (iv) memberi peluang kepada agensi berlainan untuk berinteraksi dengan golongan remaja dan dapat mesra rakyat;
- (v) memberi pendedahan kepada remaja tentang profesion kepolisan dan kejururawatan;
- (vi) menyemai nilai penyayang, keprihatinan, kesetiaan dan semangat bertanggungjawab kepada masyarakat; dan
- (vii) memasyarakatkan dengan izin, *socialization* dan menyetempatan iaitu *localize* PLKN.

Maka dengan itu adalah diharap Tuan Yang di-Pertua, pihak institusi pentadbiran kerajaan membuat penggubalan perundangan tertentu, perancangan penyelenggaraan dan persiapan agar PLKN dapat dipelbagaikan demi pembinaan modal insan sebagai menyediakan generasi muda yang bersemangat waja, berdisiplin dan patriotik untuk membangunkan masyarakat yang lebih bersepadu dan progresif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.38 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Program Latihan Khidmat Negara telah diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk memupuk perasaan cinta dan sayangkan negara khususnya di kalangan generasi muda seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat juga.

Program ini adunan sebegitu rupa dengan landasan memupuk semangat patriotisme serta jalinan integrasi nasional dan harmoni sebagai usaha untuk mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat yang berterusan dan berkekalan. Pengendaliannya mengikut acuan Malaysia serta pendekatan pelaksanaannya mengikut ciri yang seperti berikut:

- (i) dijalankan sepenuhnya di kem-kem PLKN di seluruh negara selama tiga bulan;
- (ii) direka agar menyeronokkan, berfaedah dan akan menjadikan kenangan sepanjang masa;
- (iii) di dalam PLKN ini tidak ada aktiviti bersifat penderaan;
- (iv) proses pembelajaran yang menarik serta berbentuk *experimental learning* iaitu belajar secara amali;
- (v) mengutamakan semangat muhibah dalam semua aktiviti yang dijalankan; dan
- (vi) pelatih dihantar untuk menjalani PLKN di luar daerah ataupun tempat tinggal bagi menggalakkan integrasi budaya dan pelaksanaannya tidak berbentuk ke arah tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PLKN adalah berbeza dengan pelaksanaan Khidmat Negara di beberapa negara lain yang bertujuan untuk ketenteraan. PLKN tidak berbentuk ke arah tenaga atau *military consecrate* dan matlamat bukanlah melahirkan rakyat Malaysia yang akan berminat untuk menyertai tentera semata-mata.

Modul-modul teras dan komponen-komponen tambahan yang telah dilaksanakan juga jelas bukan untuk menyediakan remaja Malaysia untuk penyertaan dalam perkhidmatan badan beruniform sahaja. Kita lebih penting supaya tidak takut mencuba, sikapnya tidak takut berasa kecewa, lebih berdikari dan sebagaimana yang pasti akan menguntungkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pun ada latihan ketenteraan, elemen ketenteraan yang digunakan semasa PLKN contohnya, latihan kawad atau latihan pengendalian senjata api adalah sebagai pengukuhan disiplin dalam siri, dalam diri pelatih itu sendiri dan bukannya melatih pelatih ke arah ketenteraan.

Kerajaan atau pun kementerian sedar bahawa kita juga melatih mereka untuk dijadikan bahan atau tenaga pekerja dalam berbagai-bagai aspek yang perlu. Sejak dilaksanakan, PLKN telah menampakkan kejayaan dalam memenuhi objektif yang disarankan. Ini dapat dilihat melalui penilaian dan maklum balas positif dari pelbagai pihak seperti berikut:

- (i) kalangan ibu bapa bekas pelatih PLKN sendiri yang telah dapat melihat sendiri berapa perubahan positif dan memberangsangkan terhadap diri anak-anak mereka;
- (ii) pandangan daripada pihak guru dan pensyarah yang melihat perbezaan penghasilan mutu kerja, komen, idea yang bernas, menghormati pensyarah, komited dan bersemangat tinggi untuk belajar; dan
- (iii) maklum balas daripada pelatih PLKN didapati telah lebih dari 90% bersetuju dan mengakui bahawa PLKN ini telah memberi ilmu dan pengalaman yang berfaedah selaras dengan matlamat PLKN kini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memberikan peluang kepada semua golongan remaja seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Remaja dalam negara ini yang berkelayakan menyertai PLKN, bagaimanapun hasrat tersebut tidak dapat dilaksanakan buat masa ini memandangkan masalah kekurangan kemudahan infrastruktur, logistik dan juga kekangan kewangan.

Atas sebab kekangan ini juga maka bilangan pelatih yang boleh menyertai PLKN dihadkan dan dipilih menggunakan sistem pengundian secara rawak berkomputer. Namun begitu, usaha menambahkan bilangan pelatih telah dibuat dari tahun ke tahun dan dalam masa yang sama remaja yang berminat secara sukarela juga dibenarkan.

Sehingga kini anggaran 20% dari jumlah keseluruhan golongan remaja negara berumur 18 tahun dipilih mengikut latihan PLKN pada setiap tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena gulung.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, ini sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, PLKN dilaksanakan sehingga sekarang. Pelbagai perubahan dan penambahan telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan. Latihan diberi kepada generasi muda negara yang melalui PLKN adalah merupakan satu perubahan jangka panjang kerajaan.

Saya percaya cadangan untuk mempelbagaikan pakej PLKN di bawah penyeliaan dan pengelolaan pihak Polis Diraja Malaysia dan agensi kesihatan jelas merupakan satu pandangan jauh dan ikhlas dalam mengatasi masalah kekurangan polis dan jururawat di negara ini di samping menambah pembinaan modal insan nasional.

Seperti yang telah kita katakan, bahawa kita melatih anak-anak putera dan puteri tanah air kita dalam PLKN ini untuk mereka mempraktikkan sikap jati diri, disiplin dan komited dalam apa tugas yang mereka diberi tanggungjawab.

Insyaa-Allah, ianya setelah mendapat beberapa sokongan dan pandangan yang baik, dan sentiasa perubahan dibuat akan menentukan bahawa PLKN ini kita jalankan seperti biasa dan berteraskan kepada kebenaran yang telah diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

ISU NASIONAL BERKAITAN RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA

5.45 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang fokuskan ucapan penangguhan ini kepada perkara penting yang menjadi isu nasional pada sidang perbahasan kali ini iaitu isu berkaitan rasuah dan salah guna kuasa. Pelan Integriti Nasional telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 April 2004.

Antara agenda yang disusun ialah termasuk pelan untuk mencapai sasaran lima tahun yang disebut sebagai TEKAD 2008. Sasaran pertama TEKAD 2008 adalah untuk mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan. Untuk tujuan itu, indeks yang dikeluarkan oleh *Transparency International* ataupun TI dan indeks kejayaan BPR telah menyiasat dan jumlah kes yang diselesaikan akan diguna pakai.

Pihak TI telah mengeluarkan kenyataan bahawa kedudukan Malaysia dalam indeks korupsi telah menurun kepada lima anak tangga daripada kedudukan ke 39, tahun 2005 kepada 44 pada tahun 2006 daripada 193 buah negara. Dari segi skor yang diperolehi pula adalah 5.0 pada tahun 2006 berbanding 5.1 pada tahun 2005. Di rantau ASEAN, Singapura kekal sebagai negara yang paling kurang korup yang setaraf dengan negara Switzerland, Finland dan Sweden.

Pihak polis pula dianggap sebagai sektor yang paling korup di Malaysia. Pihak parti pemerintah pula secara terang-terangan dalam proses pilihan raya kecil memberikan rasuah politik kepada para pengundi. Contohnya pilihan raya kecil Ijok baru-baru ini, masyarakat Ijok telah dimomokkan dengan bantuan segera bernilai RM36 juta. Angka tidak rasmi pula menunjukkan parti pemerintah telah berbelanja sebanyak RM100 juta dalam tempoh pilihan raya kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, SUHAKAM pula dalam laporan berkaitan insiden demonstrasi di KLCC pada 26 Mei 2006 telah merumuskan bahawa pihak polis telah melakukan salah guna kuasa dan telah melampaui hak asasi rakyat untuk berhimpun dan berkumpul secara aman seperti mana yang telah diperuntukkan dalam perkara 10, Perlembagaan Negara.

Pihak polis juga telah menggunakan kekerasan melampau sehingga menyebabkan kecederaan teruk di kalangan ahli yang berdemonstrasi. Melihat kepada laporan dan indeks yang dikeluarkan itu, sasaran yang ingin dicapai dalam TEKAD 2008 ini adalah masih jauh. Pihak pemerintah selaku pihak eksekutif nampaknya masih belum menghayati sasaran yang diletakkan dalam TEKAD 2008.

Hingga ke hari ini kekurangan keazaman, *political will* menyebabkan usaha menentang rasuah dan salah guna kuasa masih menemui jalan buntu. Laporan TI setiap saban tahun melalui 2004-2006 menunjukkan penurunan taraf Malaysia dalam indeks korupsi. Oleh itu saya mengusulkan supaya cadangan yang dikemukakan oleh pihak TI untuk dilaksanakan dalam kadar segera bagi mencapai hasrat murni TEKAD 2008 itu.

Yang pertama, kesemua ahli eksekutif yang memegang jawatan dalam Kabinet dalam kerajaan negeri, Perdana Menteri, Menteri Besar, menteri Kabinet dan anggota Exco untuk membuat satu pengisytiharan harta masing-masing termasuk harta yang dipegang oleh ahli-ahli keluarga terdekat kepada Parlimen.

Yang kedua, BPR mesti dijadikan badan bebas yang bertanggung jawab untuk melaporkan kepada satu badan bebas dan bukannya kepada pejabat Perdana Menteri.

Yang ketiga, Akta Rahsia Rasmi hendaklah dihapuskan dan digantikan dengan Akta Pendedahan Maklumat. Selain itu antara sasaran lain, TEKAD 2008 adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Dalam keadaan kenaikan harga barang sekarang, pastinya kualiti hidup rakyat akan semakin menurun dan taraf hidup rakyat semakin menyempit. Saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Menteri, sila.

5.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan agak panjang sikit. Jadi saya minta kalau suruh berhenti, saya berhenti. Saya akan bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat terpaksa berhenti pada pukul enam petang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kubang Kerian dalam usulnya menyatakan isu pencapaian Pelan Integriti Nasional khususnya bagi mencapai TEKAD 2008.

Yang pertama, iaitu bagi mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan memerlukan keazaman politik kerajaan. Beliau melihat usaha menentang jenayah rasuah menemui jalan buntu hanya kerana melihat Indeks Persepsi Tahap Rasuah yang dikeluarkan oleh TI menunjukkan kedudukan Malaysia dari segi *ranking* dan mata yang diperoleh semakin menurun.

Sebenarnya paras rasuah negara tidak dapat diukur kedudukannya secara mutlak. CPI yang dikeluarkan oleh TI, sebuah pertubuhan bukan kerajaan berpangkalan di Berlin, Jerman telah dibuat berdasarkan pengumpulan kajian-kajian oleh pelbagai pihak terutamanya berdasarkan soal selidik dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara.

CPI hanya mengkhususkan kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara dan pihak TI sendiri mengakui bahawa terdapat unsur-unsur *bias* dalam kajian dilakukan. Berdasarkan kedudukan atau *ranking* CPI tahun 2005 berbanding 2006, kedudukan Malaysia sebenarnya tidak merosot. Tahun 2005 di tangga 39 daripada 159 manakala tahun 2006, Malaysia di tangga 44, tapi negara dikajikan lebih banyak iaitu 163 buah negara.

Walau bagaimanapun, memang ada sedikit penurunan dalam skor yang diperolehi iaitu dari 5.1 pada tahun 2005 kepada 5.0 pada tahun 2006. Persepsi yang dibuat melalui TI itu adalah dalam satu sudut pandangan kajian tertentu. Oleh itu bagi memperbaiki persepsi orang ramai terhadap pelbagai usaha yang telah dilakukan kerajaan bagi memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Kerajaan melalui Institut Integriti Malaysia telah merangka Indeks Persepsi Integriti Nasional yang mengikut acuan negara Malaysia sendiri. Indeks Integriti Nasional merupakan satu indeks komposit yang merangkumi enam indeks iaitu:

- (i) Indeks Persepsi Rasuah;
- (ii) Indeks Persepsi Kualiti Penyampaian Khidmat Awam;
- (iii) Indeks Persepsi Amalan Etika Perniagaan dan Tanggungjawab Sosial;
- (iv) Indeks Persepsi Kemantapan Institut Keluarga dan Komuniti;
- (v) Indeks Persepsi Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat; dan
- (vi) Indeks Persepsi Budi Bahasa.

Pembentukan indeks ini dijalankan dengan kerjasama antara IIM dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Kajian indeks ini akan mula dijalankan pada bulan Ogos 2007 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat pernyataan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian apabila menyatakan berlakunya kekurangan keazaman politik di pihak kerajaan yang memerintah hingga menyebabkan usaha menentang rasuah dan salah guna kuasa masih menemui jalan buntu.

Kerajaan negara Malaysia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai azam yang tinggi dan begitu komited dalam usaha memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sebagaimana Yang Berhormat Kubang Kerian sedia maklum, penubuhan BPR semenjak tahun 1967 sebagai sebuah agensi khusus mencegah dan memerangi jenayah rasuah. Penguatkuasaan Akta Pencegah Rasuah, penubuhan Akademi Anti Rasuah Malaysia bersama dengan peruntukan kewangan dan kepegawaian yang terlatih merupakan antara komitmen kerajaan memerangi jenayah rasuah.

Sebagaimana Yang Berhormat Kubang Kerian menyatakan, kerajaan juga telah melancarkan Pelan Integriti Nasional dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia, pelancaran PIN dan IIM pada 23 April 2004, merupakan usaha berterusan kerajaan dan kepimpinan yang mempunyai komitmen yang tinggi ke arah usaha membudayakan integriti masyarakat Malaysia.

Ini khususnya bagi mencapai cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu bagi membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Usaha mencapai gagasan membudayakan integriti masyarakat Malaysia memerlukan suatu jangka masa panjang.

Justeru, semua pihak termasuk sektor awam, swasta, korporat, politik, media, pertubuhan bukan kerajaan, pelbagai pertubuhan dan persatuan, kepimpinan masyarakat, kalangan belia dan pelajar serta pendidik perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan dan melaksanakan objektif strategi dan agenda integriti seperti dinyatakan dalam PIN.

TEKAD 2008 yang kelima ialah bagi meningkat kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, berkaitan kenaikan harga yang boleh menyebabkan kualiti hidup menurun dan taraf hidup rakyat semakin sempit juga menjadi fokus kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku. Namun begitu, tidak ada satu faktor khusus bagi membendung perkara ini melainkan dengan kerjasama semua pihak.

Justeru, langkah-langkah sewajarnya telah, sedang, akan terus dijalankan kerajaan dan pihak penguat kuasa yang berkaitan dengan kerjasama semua lapisan masyarakat.

Pengisytiharan Harta

Pada masa ini, anggota-anggota pentadbiran Persekutuan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Ahli-ahli Parlimen kerajaan adalah dikehendaki mengemukakan pengisytiharan harta masing-masing, isteri, suami, anak-anak dan pemegang-pemegang amanah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap dua tahun sekali.

Pada masa ini, anggota-anggota pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen kerajaan telah mengemukakan pengisytiharan harta masing-masing kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di peringkat negeri pula, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional juga mengemukakan pengisytiharan harta kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri masing-masing.

Oleh itu, peraturan yang ada pada masa ini ialah mencukupi dan tiada keperluan supaya mereka mengemukakan pengisytiharan harta kepada Parlimen.

BPR Dijadikan Satu Badan Bebas

Kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan Badan Pencegah Rasuah dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab untuk membanteras jenayah rasuah mengikut kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan oleh undang-undang kerajaan. Kerajaan akan memastikan tugas BPR untuk menyiasat mengikut perundangan sedia ada tanpa *fear or favour* akan terus terjamin tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat, sebagaimana yang telah dibuktikan sebelum ini.

BPR pada masa ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kedudukan struktur organisasi BPR ini tidak menghalang tugas tindakan pencegahan dan penyiasatan jenayah rasuah yang dijalankan oleh BPR. Peletakan BPR di bawah JPM dan saya sendiri selaku Menteri bertanggungjawab adalah hanya bersifat pentadbiran dan tidak berkaitan dengan operasi penyiasatan kes-kes jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Secara khususnya, peletakan BPR di bawah JPM ialah untuk urusan bajet, keanggotaan, perkhidmatan dan sokongan pentadbiran BPR sahaja dan tidak sama sekali melibatkan pelaksanaan fungsi dan kewajipan BPR, sebagaimana termaktub dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Kebebasan BPR untuk menyiasat jelas termaktub di bawah seksyen 8A Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang berbunyi, "Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan di bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai itu".

Di samping itu, peruntukkan 21(4) jelas membuktikan bahawa BPR mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk tidak melaporkan kepada pihak-pihak lain termasuklah pejabat Perdana Menteri mengenai suatu kes yang masih dalam tindakan, di mana sesuatu aduan hanya boleh didedahkan kepada mana-mana pegawai badan dan pendakwa raya sahaja.

Pertanggungjawaban ini jelas bertentangan dengan kenyataan Yang Berhormat Kubang Kerian. Justeru itu, tidak timbul soal tugas BPR terjejas akibat pelaporannya kepada pejabat Perdana Menteri dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab undang-undangnya.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar dan prihatin atas pandangan masyarakat dan kepimpinan pelbagai sektor ke arah memperbaiki persepsi terhadap kerajaan memerintah dan bersedia mengkaji, menilai dan menambah baik pelaksanaannya dari semasa ke semasa.

Akta Rahsia

Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah perlu bagi mengklafikasikan suatu dokumen sebagai Rahsia Besar, Rahsia, Sulit atau Terhad yang sekiranya didedahkan tanpa kebenaran akan menimbulkan implikasi yang berikut:

- (a) menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia;
- (b) membahayakan keselamatan negara;
- (c) memudaratkan kepentingan dan martabat Malaysia atau kegiatan kerajaan atau menyebabkan kesusahan kepada pentadbiran dan menguntungkan sebuah kuasa asing.

Walau bagaimanapun, suatu rahsia rasmi boleh diakses oleh orang ramai jika ia telah dikelaskan semula di bawah seksyen 2C Akta 88. Ini adalah kerana setelah pengelasan semula dibuat, suatu rahsia rasmi tersebut tidak lagi menjadi rahsia rasmi.

Namun begitu, keputusan untuk mengelaskan semula suatu rahsia rasmi yang merupakan rahsia rasmi adalah merupakan satu perkara dasar. Walau bagaimanapun, sebelum suatu rahsia rasmi dikelaskan semula, pertimbangan perlu diberi kepada implikasi yang mungkin timbul sekiranya sesuatu dokumen tersebut dikelaskan semula.

Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah seperti yang dinyatakan terdahulu. Atas asas ini, cadangan untuk menggantikan Akta 88 dengan Akta Pendedahan Maklumat semata-mata untuk menyelesaikan amalan rasuah dan salah guna kuasa tidak perlu, memandangkan pengelasan Rahsia Rasmi ialah berdasarkan status maklumat yang terkandung di dalamnya, dan impak maklumat tersebut ke atas kepentingan dan keselamatan negara.

Oleh yang demikian, tidak ada keperluan untuk menyemak semula Akta 88 mahupun memansuhkannya. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa peka kepada apa-apa cadangan untuk menambahbaikkan dan mengatasi apa-apa kelemahan dalam Akta 88.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup. Dengan ini Dewan ditangguhkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.59 petang.